

**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 22

Khamis

16 Disember 2010

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 2011	(Halaman 29)
USUL: Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 58)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis, 16 Disember 2010

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera. Sebelum saya memulakan, saya mengalu-alukan kehadiran Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita turut hadir pada pagi ini. Inilah rupanya seorang pemimpin yang prihatin tentang masalah dan dia sendiri datang turun untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat kemukakan. *[Tepuk]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Dr. Yeow Chai Thiam** minta Menteri Pelajaran menyatakan rasionalnya "Sejarah" dijadikan mata pelajaran wajib lulus dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)

Menteri Pelajaran [Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin]: Tuan Yang di-Pertua, terdapat lima pertanyaan yang menyentuh secara langsung mengenai dasar wajib lulus mata pelajaran Sejarah di peringkat SPM. Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan pertanyaan tersebut adalah Yang Berhormat Dato' Dr. Yeow Chai Thiam pada hari ini, Yang Berhormat Puan Doris Sophia ak Brodi pada 21 Disember, Yang Berhormat Dato' Haji Idris bin Haji Buang pada 22 hari bulan dan Yang Berhormat Dato' Azian bin Osman. Selain itu terdapat tiga pertanyaan yang dikemukakan sebelum hari ini yang akan diperjelaskan dengan lebih terperinci kerana semua perkara yang dibangkitkan saling berkait. Oleh yang demikian, saya mohon izin untuk memperjelaskan isu-isu yang berkenaan secara serentak pada pagi ini.

Tuan Yang di-Pertua: Saya setujukan Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah pun saya umumkan pada 23 Oktober 2010 yang lalu, bermula pada tahun 2013, selain mata pelajaran Bahasa Melayu, mata pelajaran Sejarah akan dijadikan mata pelajaran wajib lulus sebagai syarat layak untuk mendapat sijil SPM. Dasar ini selaras dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan generasi insan cemerlang, berkemahiran tinggi, berdaya saing, mempunyai semangat jati diri yang kental serta memiliki semangat patriotik dan nilai kewarganegaraan yang tulen.

Oleh itu pengetahuan dan penghayatan sejarah merupakan elemen penting dalam usaha untuk merealisasikan pembinaan negara bangsa ini.

Pendedahan pengetahuan sejarah secara serius adalah perlu dalam membentuk pembinaan intelektual, moral serta mampu untuk memupuk perpaduan nasional. Dalam konteks ini, nilai-nilai murni yang dihayati melalui pembelajaran sejarah akan dapat menstabilkan emosi supaya lebih bertoleransi, bertolak ansur serta memahami dan menghormati keperluan masyarakat majmuk yang menjadi amalan sejak sekian lama di negara ini. Faktor-faktor tersebut perlu ditanam kepada generasi yang bakal menjadi pewaris yang setia kepada negara dan bersedia untuk menghadapi cabaran yang mendatang. Oleh yang demikian, pelaksanaan dasar baru ini diharapkan dapat memastikan murid-murid menguasai dan memahami sejarah dari segi kognitif, psiko motor dan seterusnya menterjemahkan melalui amalan-amalan seharian.

Namun demikian penumpuan dalam menguasai ilmu pengetahuan sains dan teknologi tinggi tidak harus diketepikan demi untuk melahirkan modal insan berpengetahuan dan berkemahiran tinggi. Oleh itu, kementerian berpandangan kedua-dua elemen ini perlu diseirinkan dalam sistem pendidikan negara supaya modal insan yang dilahirkan bukan sahaja memiliki pengetahuan tinggi dalam sains dan teknologi tetapi celik sejarah, bersemangat patriotik, mempunyai jati diri kukuh dan akhirnya hasrat Gagasan 1Malaysia dapat direalisasikan seperti mana yang diharapkan oleh Yang Berhormat Puan Doris Sophia ak Brodi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini kementerian saya akan terus berusaha mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran guru dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) Sejarah demi untuk memastikan tiada pihak yang memutarbelitkan fakta sebenar seperti mana yang dibimbangkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Idris bin Haji Buang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian akan meneliti dan merancang dengan rapi semua aspek yang berhubung kait dengan pelaksanaan dasar tersebut terutamanya guru-guru yang merupakan agen pelaksana dan ini termasuklah menambah dan membuat penempatan semula guru opsyen Sejarah yang berpengetahuan dan berkemahiran di semua sekolah menengah. Bagi maksud tersebut, Kementerian Pelajaran Malaysia juga akan mewujudkan kursus pengajian Sejarah di Institut Perguruan Guru Malaysia dan akan terus bekerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi untuk memastikan bekalan guru sejarah yang berkualiti dan berdedikasi sentiasa mencukupi.

Selain itu guru-guru opsyen Sejarah sedia ada akan diberi pendedahan tentang pendekatan P&P yang lebih berkesan melalui penggunaan bahan bantu mengajar yang lebih interaktif supaya minat murid terhadap mata pelajaran tersebut dapat dipertingkatkan. Kementerian juga sedang meneliti untuk menambah dan mempelbagaikan lagi bahan bantuan mengajar dalam bentuk bahan bacaan dan perisian *software* seperti cakera padat, video animasi peristiwa sejarah di samping mengaktifkan semula bilik ataupun sudut sejarah mengikut kesesuaian di setiap sekolah sebagai pusat rujukan.

■1010

Bagi memastikan hasrat tersebut dapat dicapai, saya akan mengarahkan Kementerian supaya bantuan per kapita bagi mata pelajaran sejarah dikaji semula ke suatu jumlah yang lebih praktikal supaya PCG berkenaan ini dapat menampung keperluan dan keberkesanan P&P di sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Azian bin Osman. Walaupun dasar wajib lulus mata pelajaran Sejarah di peringkat SPM bermula pada tahun 2013, namun dari segi kurikulumnya Kementerian akan terus mengguna pakai kurikulum bersepadu sekolah menengah (KBSM) yang dilaksanakan pada ketika ini sehingga tahun 2017 bagi kohot murid yang sedia ada. Pun begitu, dengan pelaksanaan kurikulum standard sekolah menengah (KSMM) mulai tahun 2014 kohot pertama murid Tingkatan Satu yang menggunakan kurikulum baru mata pelajaran Sejarah KSMM hanya akan mula menduduki peperiksaan SPM pada tahun 2018.

Langkah ini adalah untuk memberikan ruang dan masa yang bersesuaian kepada Kementerian bagi menggubal kurikulum baru yang lebih menyeluruh dan komprehensif. Walau bagaimanapun, dari segi pentafsiran ke atas murid dan format peperiksaan akan direka bentuk semula untuk lebih memotivasikan murid ke arah mempelajari dan menghayati sejarah terutamanya sejarah tanah air. Oleh kerana itu, beberapa pendekatan yang bersesuaian berkaitan pentafsiran mata pelajaran Sejarah bagi calon SPM tahun 2013 akan diteliti supaya tidak lagi terkongkong dengan paradigma sebelum ini. Ini semata-mata untuk memastikan pembelajaran sejarah mampu memberikan impak yang lebih berkesan dan tidak hanya berdasarkan kepada keputusan peperiksaan semata-mata.

Selain itu, mata pelajaran Sejarah juga akan diperkenalkan dalam Sijil Peperiksaan Malaysia Ulangan (SPMU) mulai tahun 2014 yang ketika ini hanya menawarkan untuk mata pelajaran Bahasa Melayu dan Matematik sahaja. Langkah ini adalah untuk memberikan peluang kepada calon yang gagal mata pelajaran tersebut memperbaiki keputusan SPM mereka agar berupaya memperoleh sijil SPM.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menjelaskan di Dewan yang mulia ini. Murid-murid tahap dua iaitu Tahun Empat, Lima dan Enam di peringkat sekolah rendah akan didedahkan juga dengan mata pelajaran Sejarah melalui tahun 2014. Langkah ini selaras dengan transformasi kurikulum yang sedang pun dilaksanakan sekarang ini. Ini bertujuan untuk memberikan pengetahuan dan penghayatan awal mengenai sejarah negara di samping memupuk semangat nilai-nilai patriotisme dan kewarganegaraan dalam kalangan murid di sekolah.

Proses ini sebenarnya mempunyai kesinambungannya sehingga ke peringkat menengah. Selain itu, pengisian elemen sejarah dan patriotisme akan ditambah baik dalam

aktiviti kokurikulum di sekolah melalui pemantapan program-program sedia ada dengan kerjasama erat agensi-agensi berkaitan seperti Jabatan Warisan Negara, Persatuan Sejarah dan Jabatan Arkib Negara.

Seiring dengan itu juga kementerian telah menubuhkan satu jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Mengkaji Kurikulum Sejarah dan buku teks sejarah sekolah menengah bagi memastikan kurikulum yang baru digubal benar-benar memberikan impak kepada pemahaman dan penghayatan sejarah. Dalam memilih ahli yang menganggotai jawatankuasa ini, kementerian telah mengambil kira pelbagai aspek bagi mencalonkan para sejarawan dan pakar-pakar akademik tempatan dari pelbagai bidang sejarah untuk menganggotai jawatankuasa tersebut.

Dato' Dr. Yeow Chai Thiam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, bagaimanakah cara atau bolehkah Yang Amat Berhormat Menteri menjelaskan bagaimana cara Yang Amat Berhormat Menteri boleh meyakinkan rakyat jelata bahawa isi kandungan atau fakta di buku teks sejarah yang disediakan itu mengikut kebenaran dan keadilan sejarah Malaysia?

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, sejarah adalah sejarah. Ia tidak mungkin boleh direka-reka kerana hakikatnya ia adalah terbentuk dari segi peristiwa-peristiwa yang kita hadapi dalam kehidupan kita zaman berzaman. Justeru itu, dalam konteks kita menggubal mata pelajaran Sejarah di sekolah-sekolah di kementerian kita yang sudah pun kita laksanakan berpuluh-puluh tahun lamanya.

Kita mengambil kira maklumat-maklumat yang kita kumpul daripada pakar-pakar sejarah sama ada pakar-pakar sejarah yang kita tahu sekarang ini sudah pun ada di negara kita dan juga di samping itu ahli-ahli akademik. Kita juga mempunyai proses untuk merujuk kepada badan-badan yang mempunyai kompetensi dalam soal sejarah untuk memastikan supaya apa sahaja kronologi pensejarahan dan penulisan sejarah itu tidaklah dibuat hanya atas dasar tujuan-tujuan tertentu. Direka untuk matlamat-matlamat yang tidak memenuhi tuntutan untuk membangkitkan kesedaran, semangat patriotisme berasaskan fakta yang sebenarnya.

Sebab itu saya ingin memberikan jaminan bahawa apa pun kandungan dalam buku teks sekolah dari segi sejarah itu, ia mestilah berpandukan kepada fakta yang sebenar. Siapa yang menyumbang kepada soal pembangunan negara, siapa yang menjadi pejuang kemerdekaan, siapa yang telah membantu dalam soal membangunkan Malaysia dalam konteks Malaysia moden? Semuanya akan diambil kira. Disebabkan itu, walaupun ia sudah pun tersedia dalam buku teks yang sudah sedia ada, kita melihat tentang perlu kita mengkaji bagaimana cara pembelajaran sejarah itu dilaksanakan di sekolah-sekolah. Bukan sahaja mereka membaca dan mengingatkan tarikh-tarikh.

Kalau saya ingat, waktu saya di sekolah dahulu bila ditanya bilakah Sir Stamford Raffles menemui Singapura? Dia bertanya soalan itu, bilakah negara kita mencapai kemerdekaan?

Maka kita kata 31 Ogos 1957. Itu mengingati tarikh-tarikh tetapi apa *significant* nya tentang sejarah itu? Ini penting kita terjemahkan, sebab itu bagi saya bukan sahaja faktanya sahaja, tetapi soal cara penyampaian dan pembelajaran itu bagi saya adalah amat penting sekali.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya mengemukakan soalan saya yang tiga serangkai. Saya ingin mengucapkan tahniah atas langkah bijak, berpandangan jauh, dan berani yang dilakukan oleh Menteri Pelajaran dalam memastikan pengajaran sejarah ini diajarkan dan dijadikan mata pelajaran wajib lulus untuk peringkat SPM.

Soalan saya Yang Amat Berhormat Menteri, pertama sekarang nampak penentangan-penentangan secara halus atau - *shatter* terhadap ura-ura kerajaan ini. Adakah kerajaan atau kementerian memantau muslihat dan tujuan pihak-pihak yang menentang pengajaran sejarah ini? Saya rasa ini penting dipantau dari awal kerana...

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat. Itu tidak payah.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Okey, yang kedua. Kenapa tunggu sampai 2013? Tidak bolehkah tahun depan. Tahun 2012 umpamanya. Kemudian, bahagian ketiga, saya juga hendak bertanya ura-ura kementerian untuk menyerapkan pelajaran dan pengajaran sejarah pada setiap peringkat persekolahan mulai dari sekolah rendah mengikut tahap-tahap bahannya. Umpamanya untuk sekolah rendah, bahan mudah. Untuk sekolah menengah agak sukar sedikit dan begitu seterusnya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Terima kasih Yang Berhormat. Kita memantau, memang kita tahu ada pihak yang mungkin tidak berapa senang hati dengan keputusan kerajaan ini. Mungkin mereka berfikir ada muslihat politik atau ada tujuan-tujuan yang lain. Saya hendak berikan jaminan dalam Dewan yang mulia ini, itu bukan tujuan kita. Kita cuma hendak memperkenalkan pembelajaran sejarah yang akan dapat dihayati dalam konteks kita membangkitkan semangat patriotisme, kebangsaan dan sebagainya.

Akan tetapi apa pun ini biasalah dalam sebuah negara yang dikatakan mengamalkan sistem demokrasi, rakyat berhak bersuara. Saya kadang-kadang tidak melihat ini sebagai satu perkara remeh. Apa pun pandangan masyarakat, setuju atau tidak setuju, saya ambil kira kerana kadang-kadang dalam tidak disetujukan pun ada benda-benda yang kita fikir ada kebenarannya dan perlu kita ambil kira dalam kita memperbaiki apa yang kita hendak laksanakan. Kita tidak akan tolak dengan sewenang-wenangnya sahaja.

■1020

Keduanya, kenapa 2013? Kalau boleh, besok, tetapi kita sedar bahawa kita mesti praktikal dalam hendak memperkenalkan perkara baru. Pertamanya macam saya sebutkan tadi, kita perlu latih guru kita untuk memastikan supaya proses pembelajaran itu dilaksanakan dan pengajaran itu dibuat secara yang berkesan. Bukannya sekarang tidak berkesan. Sekarang pun

sudah berkesan tetapi kalau kita hendak mengolah dan menokok tambah, memperbaiki lagi, pastikan ada proses untuk kita melatih semula guru-guru sejarah kita.

Yang saya sebutkan tadi, guru-guru beropsyen Sejarah. Ada juga dalam hal sekarang ini, guru yang tidak beropsyen Sejarah mengajar Sejarah. Jadi, disebabkan itu kita ada keperluan untuk ambil langkah penempatan semula guru seperti ini supaya proses pembelajaran itu dapat dilaksanakan dengan cara yang amat berkesan sekali. Sebab itu kita menentukan satu tempoh, saya kira dua tahun adalah memadai dan sementara itu, saya sebutkan tadi kita tubuhkan jawatankuasa untuk menilai *content* dalam buku Sejarah yang sedia ada dan kalau kita dapati perlu diperbaiki dan diperkukuhkan lagi, maka perlulah kita tokok dan tambah. Bermakna kita perlu satu *text book* yang agak berbeza dan sebab itu saya umumkan tadi, ada satu jawatankuasa yang kita akan bentuk dan mereka ini pakar-pakar yang akan menilai semula.

Yang itu akan mengambil masa yang agak lebih panjang. Sementara, *text book* yang sedia ada kita guna pakai, cuma kita hendak memperbaiki sistem pengajaran oleh guru-guru kita, maka kita akan mengambil masa sedikit yang lain untuk menyempurnakan dalam tempoh beberapa tahun yang akan datang. Soal penerapan elemen Sejarah itu sudah pun bermula. Mungkin Yang Berhormat pun sedar. Umpamanya, di peringkat rendah sekalipun, dalam mata pelajaran Kajian Tempatan, kita tidak panggil Sejarah, tetapi dalam elemen Kajian Tempatan itu kita mengajar di Tahap Dua. Bermakna murid yang masuk Tahun Empat, Lima dan Enam itu, mengenal negara kita, sejarah negara kita, ekonomi negara, kejayaan dan kebanggaan negara itu sudah ada dimasukkan tetapi tidak dipanggilkan pengajian Sejarah.

Kemudian di Tingkatan Satu, barulah kita masukkan komponen-komponen yang agak lebih serius sampailah ke peringkat SPM, sebagaimana yang diketahui, kita memasukkan bidang-bidang sejarah serantau, sejarah Asia, Eropah dan sebagainya. Ini untuk memperluaskan skop pemahaman mereka dalam Sejarah.

Tuan Yang di-Pertua: Kerana Menteri datang menjawab, jadi saya benarkan seorang lagi, tambahan. Ya, Datuk Akbar.

Datuk Akbar bin Ali: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya sedar bahawa kontroversi pasal Sejarah ini kerana...

Tuan Yang di-Pertua: Soalan, soalan, Yang Berhormat, terus ayat.

Datuk Akbar bin Ali: Diumumkan di Perhimpunan Agung UMNO dan berjangkit ke Konvensyen Barisan Nasional. Pertama, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tan Sri kerana tidak *play to the gallery*. *In fact...*

Tuan Yang di-Pertua: Komen tidak payah, Yang Berhormat. Itu tidak payah.

Datuk Akbar bin Ali: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Datuk Akbar bin Ali: *Do allow me*, Tuan Yang di-Pertua. Pasal Tan Sri mengamalkan apa yang dikatakan oleh falsafah Cina *ancient*, Han Fei Tzu, "*what to say, how to say and when*

not to say'. Soalan saya, dikatakan ada *double standard* kerana diumumkan di tempat yang salah oleh pemimpin berkenaan yang menimbulkan isu ini. Saya hendak tanya Tan Sri, mengapakah pengumuman berkenaan UEC telah diumumkan oleh pemimpin yang sama, yang tidak ada *locus standi* dalam kerajaan, berkenaan dengan UEC baru-baru ini? Di sini saya mengambil kesempatan, minta Tan Sri menjelaskan kerana ada hikmah, mungkin kebenaran itu dibenarkan pengumuman itu dibuat oleh pemimpin berkenaan kerana UEC itu amat penting. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Kita orang politik, Yang Berhormat. Jadi, walaupun kita kata tidak menggunakan pertimbangan politik, tetapi kita orang politik dan kita hendak melihat dalam konteks mana kita mempunyai *political mileage*, dan tidak bermakna kita bercanggah dari segi soal kebenaran. Waktu mana saya buat keputusan dalam soal mewajibkan lulus mata pelajaran Sejarah itu di Perhimpunan Agung UMNO, saya waktu pun Menteri Pelajaran juga. Saya tidak boleh buka topi saya, masuk dalam Perhimpunan Agung UMNO, saya Timbalan Presiden UMNO kerana saya juga mendapat input yang pelbagai dan saya fikir sesuai juga digunakan di situ untuk menjelaskan keputusan kita dan saya tidak kira ia bercanggah.

Kalau Yang Berhormat pun melihat dalam sejarah Perhimpunan Agung UMNO yang terdahulu, puluhan tahun, Presiden parti juga adalah Perdana Menteri. Waktu mana menggulung perbahasan, seluruh negara akan terpaku di kaca televisyen hendak mendengar apakah pengumuman baru, bukan sahaja soal dasar tetapi juga soal-soal yang akan datang. Jadi, soal itu diterima oleh rakyat dan saya tidak fikir saya lakukan sesuatu yang agak berbeza. Jadi antara itu mungkin orang akan memberikan perhatian yang agak lebih utama. Bagi saya tidak menjadi masalah kerana kita akan teruskan, *insya-Allah*.

2. Dato' Daljit Singh Dalliwal minta Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan menyatakan adakah ibu-bapa kini kurang bersedia untuk melindungi anak-anak mereka daripada risiko dan bahaya internet termasuk kandungan yang tidak sesuai, haram, lucah, pemangsa seksual dan pendedahan maklumat peribadi. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mendidik ibu bapa dan melindungi anak-anak daripada risiko ini.

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I [Dato' Joseph Salang anak Gandum]: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Daljit Singh Dalliwal atas pertanyaan yang dikemukakan. Selamat pagi dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia atau SKMM memainkan peranan dengan mengambil langkah-langkah, antaranya mengadakan kerjasama dengan pemberi perkhidmatan internet, pemberi perkhidmatan telefoni selular dan media elektronik seperti televisyen dan radio swasta untuk memberi notis peringatan kepada orang ramai melalui Khidmat Pesanan Ringkas atau SMS dan Pengumuman Khidmat Awam atau *Public Service*

Announcement supaya pengguna berhati-hati dan tidak mudah terpedaya dengan bahaya internet.

SKMM juga telah mengeluarkan beberapa kenyataan akhbar untuk mengingatkan pengguna mengenai kaedah selamat menggunakan internet secara positif dan berhemah. SKMM juga telah muncul di beberapa rancangan bual bicara di media elektronik serta terdapat juga forum di bawah SKMM iaitu kandungan CFM dan forum pengguna CMCF yang telah menjalankan beberapa inisiatif untuk memupuk kesedaran kepada pengguna agar lebih berhati-hati ketika menggunakan internet. Walau bagaimanapun, adalah menjadi tanggungjawab individu untuk mengamalkan kawal selia sendiri dan menggunakan kandungan internet secara positif.

Melanggan perisian untuk menapis seperti TMNet Xblocker adalah antara mekanisme yang boleh digunakan oleh ibu bapa untuk memastikan kandungan lucah tidak dilayari oleh pengguna internet, terutamanya oleh golongan muda atau kanak-kanak. Ibu bapa juga harus memainkan peranan mereka untuk memantau setiap aktiviti anak-anak mereka agar tidak terlibat dalam aktiviti yang tidak bermoral ini. Ini kerana masa bersama keluarga adalah paling panjang berbanding di sekolah atau bersama kawan-kawan. Ibu bapa harus mengambil berat dalam proses pembentukan anak-anak mereka sejak awal lagi. Dengan usaha-usaha sebegini, lambakan laman lucah di negara ini mungkin dapat dibanteras. Terima kasih.

Dato' Daljit Singh Dalliwal: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya adalah, bagaimanakah pihak berkuasa akan ambil tindakan-tindakan yang tegas, dengan izin, atas *outlets internet* yang membenarkan remaja-remaja atau kanak-kanak bawah umur untuk mengunjungi tempat-tempat ini. Terima kasih.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Daljit kerana pertanyaan tambahan Yang Berhormat adalah begitu penting, oleh kerana permainan video dan layanan internet boleh dilakukan oleh kanak-kanak di beberapa tempat selain daripada di rumah ataupun dengan kawan ataupun di sekolah, iaitu di tempat-tempat yang di bawah jagaan pihak berkuasa tempatan. Ini saya percaya adalah mungkin satu saranan yang patut diajukan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

■1030

Namun demikian, saya juga bersama-sama dengan pengertian Yang Berhormat berkenaan dengan ini, kita sama-sama sebagai pengguna dan sebagai rakyat yang bertanggungjawab minta agar pihak berkuasa tempatan boleh mengawal ini dengan lebih rapi lagi. Terima kasih.

Puan Hajah Fatimah binti Hamat: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Soalan tambahan saya ialah, internet merupakan satu media yang popular dan penting, khususnya untuk pelajar kerana banyak membantu mencari dan menyebarkan maklumat. Kerajaan Negeri Terengganu sebagai contohnya telah mempelopori pelaksanaan atau penggunaan *e-Book* di negara ini bagi meningkatkan pencapaian pendidikan ke arah menyediakan tenaga kerja dalam e-Ekonomi. Sehingga kini seramai lebih 10,500 orang pelajar daripada 127 buah sekolah telah mendapat manfaat.

Soalan tambahan saya ialah, adakah kerajaan bercadang mewajibkan semua sekolah yang mempunyai kemudahan internet diwajibkan memasang pengisian untuk menapis bahan-bahan lucah? Apakah usaha kerajaan bagi membangunkan pengisian penapisan internet, bahan lucah yang menggunakan pendekatan berasaskan ejen dan mekanisme gabungan kata kunci bahasa Melayu bagi memastikan penapisan ini berfungsi dengan berkesan. Sekian, terima kasih.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Terengganu kerana satu-satunya kerajaan yang memulakan penggunaan internet yang agak meluas di sekolah-sekolah.

Berkenaan dengan penapisan, kerajaan tidak setakat ini bercadang untuk menapis apa-apa yang dikeluarkan di internet, kerana kita ada satu yang dipanggil *bill of guarantee* supaya penapisan internet tidak dijalankan. Namun demikian, sekiranya permintaan orang ramai dan permintaan seluruh rakyat mengatakan bahawa penapisan ini perlu diadakan. Itu adalah satu permintaan rakyat dan kerajaan sebagai kerajaan rakyat mungkin boleh menimbangkan supaya perkara ini boleh kita atasi bersama, sebagaimana kita boleh mengurangkan gejala ataupun permasalahan yang ditimbulkan dalam internet. Terima kasih.

3. Datuk Akbar bin Ali minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) Berapakah jumlah nilai (RM) dan peratus dari segi GDP hutang negara, hutang korporat dan hutang isi rumah bagi tahun 2000 dan 2009 serta apakah usaha yang dilaksanakan untuk mengurangkannya; dan
- (b) Berapakah jumlah nilai (RM) dan peratus dari segi GDP hutang negara, hutang korporat dan hutang isi rumah Amerika Syarikat, Britain, China, Indonesia, Jepun dan Korea Selatan bagi tempoh masa yang sama.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah hutang Kerajaan Persekutuan dari dalam dan luar negara berjumlah RM362.4 bilion ataupun bersamaan 53.3% daripada KDNK. Hutang luar negara oleh Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM13.8 bilion atau 2% sahaja daripada KDNK. Hutang korporat yang termasuk pinjaman domestik berjumlah RM580.8 bilion pada tahun 2009 berbanding RM330.4 bilion pada tahun 2000. Dari segi peratusan KDNK, jumlah hutang korporat juga telah berkurang kepada 85.5% berbanding 92.7% pada akhir tahun 2000. Manakala pada tahun 2009, hutang isi rumah dicatatkan pada RM516.6 bilion iaitu 76% daripada KDNK berbanding RM165.3

bilion atau 46.4% pada tahun 2000. Peningkatan ini mencerminkan kenaikan dalam perolehan aset seperti hartanah dan kereta. Pada masa kini kedudukan kewangan isi rumah masih lagi stabil dengan aset mudah tunai dan kewangan yang mencukupi untuk membayar balik hutang mereka.

Pada akhir tahun 2009, hutang luar negara iaitu hutang Kerajaan Persekutuan, Perusahaan Awam Bukan Kewangan (NFPE) dan sektor swasta berjumlah RM233.1 bilion berbanding RM161.1 bilion pada akhir tahun 2000. Walau bagaimanapun, dari segi peratusan keluaran dalam negeri kasar (KDNK), jumlah hutang luar negara telah berkurang kepada 34.3% berbanding 45.2% pada akhir tahun 2000. Daripada jumlah hutang luar, RM147.6 bilion atau 63.3% adalah hutang sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa peka dan komited untuk memastikan hutang sektor awam dan swasta berada di paras yang berhemat bagi menjamin kestabilan mikroekonomi dan kewangan. Bagi hutang luar negara, strategi pengurusan hutang yang berhemat telah membantu dalam mengurangkan pendedahan negara terhadap perubahan kadar faedah serta pergerakan pertukaran mata wang global. Mulai bulan Januari 2011, Bank Negara Malaysia dengan kerjasama Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) akan memperkenalkan program keupayaan kewangan - *financial capability program* dengan izin, untuk meningkatkan kesedaran berkaitan hal kewangan di kalangan isi rumah dan menggalakkan pengurusan hutang isi rumah yang berkesan. Bank Negara Malaysia juga akan mengeluarkan satu garis panduan bertajuk dengan izin, '*Guidelines on the Conduct Business for Retail Financing*' bagi menekankan amalan baik dan bertanggungjawab oleh institusi kewangan dalam pinjaman pengguna. Ini termasuk penilaian yang mencukupi terhadap kemampuan individu untuk menanggung hutang sebelum kemudahan pembiayaan diberi.

Untuk makluman Yang Berhormat, hutang luar negara yang merupakan 34.3% daripada KDNK dalam tahun 2009 adalah lebih rendah berbanding dengan negara United Kingdom, Amerika Syarikat, Jepun, Korea Selatan, dan Indonesia. Akan tetapi lebih tinggi sedikit jika berbanding dengan negara China. Manakala bagi hutang isi rumah dan korporat, peratusannya juga adalah lebih rendah berbanding negara UK, Amerika Syarikat dan Jepun. Terima kasih.

Datuk Akbar bin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan yang sungguh padat dan tepat itu. Saya mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi penghargaan di atas kemampuan Yang Berhormat Menteri Kewangan I dan Yang Berhormat Menteri Kewangan II, termasuk Yang Berhormat...

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan, Yang Berhormat. Soalan tambahan.

Datuk Akbar bin Ali: Di atas kemampuan itu. Soalan saya, mengambil kira *external demand* dengan izin, yang lemah dan keperluan untuk *inject* dengan izin, RM115 bilion *investment* – menyuntik dan dijangka sukar untuk mendapatkannya dan mengambil kira kemampuan *prudent* ataupun berhemah kerajaan menguruskan kewangan negara, adakah

dengan tujuan untuk mencapai pertumbuhan 6% hingga 7% tahun depan, kerajaan bercadang melaksanakan apa yang dipanggil *gain and approach*. Terima kasih. [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Orang putih itu bunyi lain sedikit. [*Ketawa*] Yang Berhormat, terima kasih. Itu soalan hipotetikal. Yang boleh dilakukan sekiranya berlaku kemelesetan dalam ekonomi dunia yang sekarang ini memang bergerak semakin perlahan. Akan tetapi soalnya sama ada ekonomi dunia akan berhadapan dengan kemelesetan *round* yang kedua, yang boleh menimbulkan persoalan di peringkat negara-negara dunia sama ada perlu kepada satu tindakan untuk membuat satu suntikan ekonomi seperti mana yang dilakukan dalam Pakej Rangsangan Ekonomi negara kita sebelum ini.

Buat masa ini kerajaan tidak memandang bahawa ini satu keperluan. Kita masih memantau dan masih menjangkakan bahawa ekonomi negara kita masih mampu berkembang.

■1040

Walaupun kadar yang perlahan sedikit berbanding dengan tahun 2010, dalam tahun 2011 dijangkakan pada tahap 5% hingga 6%. Akan tetapi ini masih lagi merupakan satu pengembangan ekonomi yang sihat.

Keduanya, kita juga telah berjaya dengan langkah-langkah berjimat cermat untuk mengurangkan defisit kepada tahap 5.6% daripada 7%. Ini penting kerana ini sebenarnya memberi kekuatan dan untuk negara kita mengambil tindakan yang perlu sekiranya wujud di masa akan datang. Bermakna kalau defisit negara kita tinggi, maka kemampuan negara kita untuk mengambil tindakan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi agak terbatas. Akan tetapi apabila defisit kita dapat kurangkan dan dijangka dapat dikurangkan ke tahap 3% di akhir Rancangan Malaysia Ke-10, maka kemampuan negara kita untuk berhadapan dengan keadaan ekonomi dunia adalah lebih besar dan lebih mampu untuk negara kita mengambil tindakan yang diperlukan termasuk tindakan suntikan ekonomi pada masa-masa akan datang sekiranya diperlukan. Terima kasih.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya meminta kalau boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan penerangan tentang tiga bidang atau sektor di mana hutang negara paling banyak digunakan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan penerangan, penjelasan sahajalah. Penerangan panjang.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Ya. Seperti mana saya katakan tadi, sebahagian besar daripada hutang negara - yang lebih 60% di dalam ucapan saya adalah dibuat oleh sektor swasta, bukannya kerajaan. Kerajaan sedikit sahaja iaitu RM18 bilion, hanya 2% daripada KDNK. Ini penting kerana kalau dahulunya masalah yang kita hadapi dalam awal tahun 80-an. Yang Berhormat Datuk Akbar semasa itu pun ingat.

Kita berhadapan dengan situasi bahawa kerajaan mempunyai hutang luar yang sukar dibayar balik dalam keadaan kemelesetan ekonomi tahun 80-an. Jadi sejak itu, tindakan-tindakan

diambil supaya kerajaan tidak lagi berhutang banyak bahkan ada langkah-langkah tertentu. Umpamanya Akta Pinjaman Luar Negeri menghadkan Kerajaan Persekutuan kepada hutang luar negara sebanyak RM35 bilion. Ia ada akta, tidak boleh hendak melebihi daripada itu - Akta Pinjaman (Tempatan) dan Akta Pinjaman Luar Negeri tidak melebihi 55% daripada KDNK. Tadi kita tengok, kita sudah berada pada tahap 53%. Maknanya ada satu disiplin.

Jadi soal kalau hutang luar negara ini dipinjam oleh swasta, maka Bank Negara sebenarnya meluluskan permintaan mereka berdasarkan kriteria-kriteria tertentu. Di antaranya kriterianya ialah, mestilah digunakan untuk kegunaan yang produktif seperti kilang bagi menghasilkan barang-barang yang boleh dieksport supaya dapat *proceed* eksport ini untuk dibayar balik hutang. Jangan dipinjam dari luar negara, buat benda dalam negeri, jualan hanya dalam negeri, maka tidak ada *foreign exchange* untuk dibayar balik hutang luar negara tersebut.

Ini semua ditetapkan oleh Bank Negara dan Bank Negara memantau setiap pinjaman yang dibuat oleh swasta. Jadi kita yakin bahawa yang dipinjam oleh swasta itu merupakan jumlah yang besar. Kebanyakannya perkilangan iaitu 65% KDNK, yang saya sebutkan tadi dibuat oleh swasta dan mempunyai kemampuan untuk membayar balik hutang ini kerana mempunyai kemampuan eksport dan juga *foreign exchange* yang dihasilkan daripada eksport. Terima kasih.

4. **Dr. Syed Husin Ali** minta Menteri Kesihatan menyatakan berapakah peratus rakyat Malaysia yang disahkan menghadapi penyakit jiwa dan di daerah-daerah mana paling banyak. Adakah kepakaran untuk merawat dan menjaga pesakit jiwa mencukupi dan apakah usaha yang dijalankan Kementerian untuk menangani masalah sakit mental ini.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Mengikut data sedia ada yang dikumpulkan oleh Kementerian Kesihatan, adalah dianggarkan sebanyak 5% iaitu anggaran 1.35 juta dari penduduk Malaysia menerima rawatan bagi penyakit mental yang meliputi *schizophrenia, schizotypal, delusional disorders* dan *mood (affective) disorders* dengan izin, di institusi-institusi mental dan hospital-hospital kerajaan. Tidak dapat dinyatakan di daerah-daerah mana yang paling banyak mencatatkan bilangan pesakit mental, memandangkan data-data yang di kumpul hanya merujuk kepada individu-individu yang menerima rawatan di hospital-hospital kerajaan bagi gangguan mental dan penyakit mental dan tidak termasuk pesakit mental yang menerima rawatan dan fasiliti swasta.

Bagi merawat pesakit mental, buat masa ini Kementerian Kesihatan menyediakan empat institusi dan 38 buah hospital kerajaan di seluruh Malaysia, yang memberi perkhidmatan psikiatri dengan seramai 233 orang pakar psikiatri berkhidmat kepakaran. Di samping itu, kementerian juga menempatkan 192 pakar-pakar perubatan keluarga di klinik-klinik kesihatan berperingkat komuniti dan mereka telah dilatih bagi mengesan awal dan memberi rawatan kepada pesakit yang dikenal pasti mempunyai gangguan dan penyakit mental. Selain daripada itu juga, dua orang pegawai psikologi klinikal, 20 orang kaunselor bertauliah dan 57 orang pegawai psikologi

yang menjalankan tugas-tugas kaunseling bagi membantu menangani mereka yang dikenal pasti mempunyai masalah kesihatan mental.

Kementerian akan terus meningkatkan usaha pembangunan sumber manusia di dalam bidang ini bagi memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat. Bagi menangani masalah kesihatan mental ini, kementerian telah dan akan terus mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- (i) promosi kesihatan mental dilaksanakan secara berterusan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan itu cukuplah setakat itu. Kalau ditanya, bagi peluang mereka tanya. Cukup setakat itu.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Okey, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, soalan tambahan. Sila Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih. Adakah kerajaan merasakan memadai ataupun mencukupi bilangan institusi serta pakar-pakar yang ada, terutama sekali memandangkan hakikat iaitu di kalangan muda - pelajar-pelajar, bilangan yang menghidap *depression* dan *schizophrenia* nampaknya bertambah. Terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kementerian sememangnya mengkaji dan mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan lagi tahap ataupun jumlah fasiliti yang menawarkan perkhidmatan dari segi rawatan. Hospital-hospital hanya menyediakan rawatan dan seterusnya akan diambil alih oleh klinik-klinik kita di seluruh negara. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kita mempunyai sebanyak 651 buah fasiliti klinik kesihatan yang menjalankan rawatan susulan kepada pesakit-pesakit kita.

Di samping itu Yang Berhormat, kementerian juga dari segi menangani permasalahan penyakit berkaitan mental di kalangan remaja. Selain daripada menjalankan aktiviti promosi kesihatan mental, kementerian juga telah mengeluarkan modul kemahiran daya tindak kesihatan mental kepada kumpulan sasar. Ini termasuklah golongan muda ini iaitu remaja, dewasa, bekerja dan juga ibu bapa yang telah dibentuk pada tahun 2008, bagi melatih kumpulan sasar mengenai kemahiran-kemahiran kesihatan mental.

Seterusnya Yang Berhormat, pihak kementerian juga melalui Program Sihat Tanpa AIDS untuk Remaja Malaysia (PROSTAR) telah memperluaskan skop program bagi meliputi aspek kemahiran daya tindak kesihatan mental dan latihan-latihan juga telah dijalankan untuk mereka yang berkaitan. Di samping itu Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan juga menyediakan perkhidmatan kesihatan remaja secara berintegrasi di semua klinik kesihatan kerajaan di seluruh negara. Ini termasuklah - bukan sahaja aspek promosi tetapi juga saringan untuk tahap kesihatan mental, kesihatan reproduktif dan juga tingkah laku berisiko. Kita juga menyediakan khidmat kaunseling, rawatan, juga rujukan.

Di samping itu...

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat. Cukup, cukup. Soalan tambahan yang kedua. Silakan Yang Berhormat Dr. Malasingam.

Dr. Malasingam a/l Muthukumar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Daripada jumlah diberikan tadi, berapakah peratus pecahan mengikut jenis punca penyakit ini seperti stres kerja, tekanan jiwa kerana pelajaran dan masalah rumah tangga? Berikan jumlah kes bunuh diri setiap tahun akibat tekanan jiwa dan adakah jumlah ini terkawal berbanding dengan negara maju? Terima kasih.

■1050

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, seperti yang kita ketahui kes-kes yang merujuk kepada stres kerja, tekanan jiwa kerana pembelajaran dan masalah rumah tangga ini, pengumpulan maklumat amat sukar dilakukan dalam kes-kes seperti yang disebutkan tadi dan tidak ada data spesifik yang di kumpul untuk ketiga-tiga permasalahan ini.

Walau bagaimanapun Yang Berhormat, contoh saya kemukakan mengapa kita tidak mempunyai data spesifik kerana dari segi stres kerja, keupayaan untuk mengendalikan *stress* berbeza daripada seorang individu kepada individu yang lain. Masalah kedua, mengenai tekanan jiwa kerana pembelajaran. *Data collection has to be done* dengan izin di peringkat sekolah-sekolah. Ini adalah perkara yang perlu kita dilakukan sebelum kita mempunyai data spesifik. Seperti yang diketahui oleh Yang Berhormat, kes-kes yang disebut tadi adalah berpunca daripada pelbagai faktor. Jadi ini adalah antara sebab mengapa ia tidak mampu dilaksanakan dari segi pengumpulan data.

Seterusnya Yang Berhormat, mengenai persoalannya jumlah kes bunuh diri setiap tahun akibat tekanan jiwa. Kita tidak mempunyai data spesifik mengenai kes bunuh diri disebabkan oleh tekanan jiwa. Akan tetapi untuk pengetahuan Yang Berhormat, mengikut *National Suicide Registry Malaysia* (NSRM), negara kita pada tahun 2007 sahaja telah mempunyai sebanyak 113 kes dilaporkan. Pada tahun 2008, sebanyak 290 kes bunuh diri secara umum yang disebabkan oleh pelbagai faktor tersebut.

Dilaporkan mengikut nisbah kadar bunuh diri di negara kita Yang Berhormat, adalah 1.3% per 100,000 penduduk. Jumlah ini adalah berdasarkan kepada kes-kes yang telah disahkan melalui *post-mortem* yang dilaksanakan di hospital-hospital kerajaan. Nisbah lelaki kepada wanita adalah 3:1 iaitu 65% lelaki dan 35% melibatkan wanita; dan dari segi yang berkahwin adalah 45%; dan yang bujang adalah 40%. Antara faktor-faktor yang menyumbang kepada perlakuan bunuh diri ini adalah:

- (i) tragedi hidup;
- (ii) sejarah cubaan bunuh diri;
- (iii) penyalahgunaan *substance* ataupun dadah; dan
- (iv) sejarah ahli keluarga yang pernah membunuh diri.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, di seluruh dunia dianggarkan satu juta...

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat. Soalan itu agak sudah cukup Yang Berhormat jawab. Cukup.

5. **Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf** minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan komitmen komprehensif Kementerian untuk menyelesaikan masalah urusan air dengan negeri-negeri berdasarkan urusan air dengan negeri-negeri berdasarkan urusan air di bawah Senarai Bersama Persekutuan dan Negeri, agar kebajikan rakyat diutamakan dan kepentingan negeri-negeri tidak ditindas, khususnya pendekatan yang diambil oleh PAAB dan SPAN.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Dato' Sri Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf dan juga Yang Berhormat Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin yang dijadualkan pada hari ini juga – soalan nombor 39 bersama secara sekali. Ini memandangkan soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat adalah mengenai perkara yang sama, iaitu mengenai penstrukturan industri perkhidmatan bekalan air ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat. Kementerian saya komited untuk memastikan kemampuan industri perkhidmatan bekalan air negara, di samping menjamin air bersih dan berkualiti dapat dibekalkan kepada pengguna dengan kadar takrif yang tidak membebankan. Berdasarkan komitmen ini, pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan telah dibuat pada 10 Februari 2005 yang telah memasukkan perkara-perkara berkaitan air dan perkhidmatan air ke dalam senarai bersama persekutuan dan negeri yang membolehkan Kerajaan Persekutuan mengawal selia industri perkhidmatan air dan pembetungan negara secara lebih holistik.

Pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan ini sebenarnya sama sekali tidak menafikan hak eksklusif Kerajaan Negeri. Ini kerana Kerajaan Negeri masih berkuasa penuh ke atas sumber-sumber air dan juga aspek operasi perkhidmatan bekalan air di negeri-negeri melalui penyertaan ekuiti dalam syarikat operator air di negeri-negeri masing-masing. Susulan daripada pindaan itu, Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 [Akta 654] telah dikuatkuasakan pada 1 Februari 2007 dan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [Akta 655] mula dan telah dikuatkuasakan pada 1 Januari 2008. Dua akta ini terpakai di seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Dengan penguatkuasaan akta-akta tersebut, Skim Penstrukturan Semula Industri Perkhidmatan Air Negara telah diperkenalkan bagi mewujudkan industri perkhidmatan air yang mampan dan berdaya maju berdasarkan *asset light model* dengan izin. Melalui *model* ini, Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) yang dimiliki sepenuhnya oleh Kementerian Kewangan akan mengambil alih semua hutang bekalan air Kerajaan Negeri dan sebagai balasan, kerajaan

negeri akan memindah milik aset air secara pajakan kepada PAAB untuk tempoh yang dipersetujui bersama.

Dengan pengambilan liabiliti dan aset ini, kerajaan negeri tidak lagi mempunyai hutang berkaitan air dengan Kerajaan Persekutuan, sementara operator air pula boleh menumpukan sepenuh perhatian kepada kerja-kerja operasi tanpa perlu mendapatkan pembiayaan bagi menyelenggarakan dan juga membina aset-aset air yang baru. Ini kerana tanggungjawab tersebut akan diambil alih oleh pihak PAAB. Bagi memastikan PAAB ada operator-operator air memberikan perkhidmatan yang terbaik dan efisien kepada para pengguna, PAAB dan operator-operator air akan dilesenkan oleh SPAN. Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara bertindak sebagai badan kawal selia industri perkhidmatan air negara. Melalui lesen yang dikeluarkan ini, SPAN akan dapat memantau prestasi PAAB dan juga operator-operator air melalui pemantauan terhadap *Key Performance Indicator* (KPI) yang ditetapkan oleh SPAN.

Oleh itu jelas dapat dilihat bahawa Skim Penstrukturan Semula Industri Perkhidmatan Air Negara dilaksanakan untuk menjaga kepentingan rakyat melalui penyediaan perkhidmatan yang lebih baik oleh operator-operator air di bawah pengawalseliaan SPAN, manakala kepentingan kerajaan-kerajaan negeri pula tidak dibelakangkan oleh kerajaan-kerajaan negeri. Ini kerana kerajaan-kerajaan negeri ini masih terus terlibat dalam aspek operasi perkhidmatan bekalan air di negeri-negeri melalui penyertaan ekuiti dalam syarikat operator air di negeri masing-masing. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan, Yang Berhormat Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf

■1100

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan kepada pihak Yang Berhormat Menteri dengan kupasan mengikut struktur yang ditanyakan itu. Jadi secara khususnya saya ingin bertanyakan apakah peranan seterusnya kerajaan khususnya melalui PAAB ini dan juga SPAN dengan penguatkuasaan Akta 655 melalui skim penstrukturan semula air ini. Apabila negeri seperti Kedah dahulu telah memberikan konsesi di bawah seksyen 191 untuk membekalkan air proses pada kadar yang jauh lebih tinggi.

Penswastan ini menyebabkan air proses ini jah lebih tinggi daripada tarif air munasabah di pasaran iaitu tidak sama seperti mana jaminan yang dikenakan oleh SPAN untuk menyediakan tarif air yang tidak membebankan, yang dilakukan oleh dua syarikat iaitu Taliworks dan juga Air Utara Indah. Saya menginginkan sedikit penjelasan daripada pihak Menteri tentang sikap dan komitmen kerajaan untuk menyelesaikan masalah penswastan air kepada Syarikat Bekalan Air Selangor yang berlaku pelbagai ketidaktelusan termasuklah gaji dan elaun CEO nya lebih daripada RM400,000 sebulan. Mohon penjelasan, terima kasih.

Dato' Sri Peter Chin Fah Kui: Yang Berhormat, kita kena faham bahawa dengan adanya kawal selia yang dilaksanakan oleh pihak SPAN ini, tarif-tarif yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu dirundingkan bersama syarikat air dengan pihak SPAN mengikut perbelanjaan,

kaedah NRW iaitu *Non Revenue Water* dan juga lain-lain yang pihak SPAN kena uji. Apabila semua ini dapat ditafsirkan dan kita kena faham bahawa permintaan tarif bukan untuk SPAN, bukan diminta oleh SPAN sebaliknya permintaan untuk tarif adalah pihak negeri.

Kalau kita *complain* dan rasa tarif di Kedah itu tidak berpatutan, saya hendak sebut di sini bahawa tarif itu diminta oleh pihak kerajaan negeri, bukannya orang lain dan itulah Yang Berhormat mesti sedar. Kalaulah tarif itu dianggap tinggi, pihak negeri apabila mereka minta, kena justifikasikan apakah sebab mereka hendak minta tarif tersebut. Itulah sedikit sebanyak yang kita kena faham bahawa tarif itu bukan ditentukan oleh Kerajaan Persekutuan, kementerian saya atau SPAN, ia diminta daripada negeri.

Oleh sebab itu Yang Berhormat, SPAN adalah badan kawal selia, ia bukan menentukan tarif sebaliknya hanya mengawal selia, kalaulah tarif tersebut mesti dinaikkan, pihak negeri mesti memohon.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Yang Berhormat, jadi maksud saya bukan...

Dato' Sri Peter Chin Fah Kui: Yang keduanya, belum habis...

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Sri Peter Chin Fah Kui: Keduanya, Yang Berhormat...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Tanya...

Tuan Yang di-Pertua: Duduk, duduk.

Dato' Sri Peter Chin Fah Kui: Belum habis.

Tuan Yang di-Pertua: Jelaskan Yang Berhormat.

Dato' Sri Peter Chin Fah Kui: Mengenai Selangor Tuan Yang di-Pertua, kita sedang bekerjasama dengan pihak kerajaan negeri supaya kita mendapat satu perjanjian seperti yang dilakukan di negeri-negeri yang lain, di negeri Johor, Negeri Sembilan, dan negeri Melaka. Terutamanya negeri Johor, mereka ada juga konsesi tetapi melalui cara rundingan, persefahaman di antara kerajaan negeri dengan pihak Kerajaan Persekutuan maka kita boleh mengambil alih aset-aset mengikut akta yang kita bincangkan hari ini. Bagi kerajaan Selangor, saya tidak nampak apa sebab Kerajaan Negeri Selangor tidak boleh bekerjasama dengan pihak Kerajaan Persekutuan demi untuk rakyat Negeri Selangor.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, silakan Datin Paduka Datuk Nor Hayati.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: *[Bangun]*

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Tuan Yang di-Pertua, sebab soalan saya juga ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kita ikut peraturanlah. Sekarang ini dia jawab, soalan tambahan sudah beri, yang kedua beri dengan Datin Paduka Datuk Nor Hayati lah.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dalam isu penyelenggaraan air mentah daripada Pahang ke Selangor. Saya hendak tahu apakah tindakan undang-undang yang boleh dibuat daripada peringkat Persekutuan yang boleh digunakan oleh kerajaan Persekutuan kepada kerajaan negeri untuk mempercepatkan proses ini, yang kini telah lewat daripada tempoh perjanjian asal? Apakah kerugian kesan daripada kelewatan ini kepada Kerajaan Persekutuan, Selangor dan juga negeri Pahang? Terima kasih.

Dato' Sri Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat di atas pertanyaan itu, sebenarnya pertanyaan itu sangat-sangat penting bagi rakyat di Selangor, Wilayah Persekutuan dan Putrajaya. Tuan Yang di-Pertua, izinkan sedikit masa saya untuk menjelaskan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Sri Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, projek yang besar ini, yang akan menentukan bahawa Selangor, Wilayah Persekutuan dan Putrajaya ini, kawasan-kawasan yang padat dengan penduduk di seluruh Malaysia, akan mempunyai air yang mencukupi menjelang tahun 2025 nanti. Ini adalah satu projek jangka panjang bukan untuk satu, dua tahun dan sebab itu projek ini dilihat sebagai satu projek yang agak penting. Bukan kita hendak tunggu sehingga kita tidak ada air dan barulah kita hendak melaksanakan projek ini. Sebenarnya projek ini telah dikaji dan dirancang sejak tahun 2005 lagi, di antara Kerajaan Negeri Selangor dan Kerajaan Negeri Pahang serta disokong oleh pihak Kerajaan Persekutuan.

Disebabkan rundingan itu adalah hasil Kerajaan Persekutuan yang berbincang dengan kerajaan Jepun untuk mendapatkan pembiayaan kewangan secara '*soft loan*' dan hari ini projek tersebut telah dilaksanakan dan akan siap pada tahun 2014. Malangnya Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri Selangor mahu mengaitkan penstrukturan yang saya bincangkan tadi, penstrukturan air di negeri Selangor dengan projek ini iaitu projek penyaluran air negeri Pahang dengan negeri Selangor. Ini kerana dia mengatakan selagi penstrukturan itu tidak diselesaikan, saya tidak mahu bersetuju mengenai projek yang disebutkan dan ditanyakan iaitu penyaluran air negeri Pahang ke negeri Selangor.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, nampaknya dua projek dan perkara ini adalah berlainan. Satu ialah kita hendak mengambil alih aset melalui PAAB supaya kita boleh menentukan bahawa air di bawah akta yang kita bincangkan hari ini, kita dapat kawal selia industri air di negeri Selangor. Akan tetapi di sebelah ini, yang projek besar ini, penyaluran air di antara negeri Pahang dan negeri Selangor ini adalah berbeza, ini untuk menentukan masa depan 15, 20 tahun yang akan datang, di mana penduduk di kawasan negeri Selangor, Wilayah Persekutuan dan Putrajaya ini akan mempunyai air yang mencukupi, ia adalah berlainan.

Dengan izin, *one is a restructuring of industry, the other one is project that will bring water to this area until the year 2025, 2030.* So, sebab itu Yang Berhormat, saya rasa tidak munasabahlah kalaulah sikap Kerajaan Negeri Selangor adalah untuk mengaitkan dua projek

tersebut. Kalau selagi mereka tidak bersetuju, risiko Yang Berhormat tanyakan itu, risikonya ialah kita menghadapi masalah air tidak mencukupi menjelang tahun 2014.

■1110

Kalaulah betul tarikh itu, tahun yang kita rangkakan itu yang betul, siapa yang akan ambil tanggungjawab? Bahawa kita di Selangor ini, di Wilayah Persekutuan dan Putrajaya tidak ada air. Kita tidak boleh main tarik seperti ini. Kita kena awal-awal sediakan supaya kawasan ini mencukupi air dan saya nampak pihak kerajaan Selangor dia hendak kaitkan ini, dia hendak ambil *political capital* dengan izin, daripada projek itu. [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Agaknya penjelasan Yang Berhormat sebagai seorang Menteri cukup jelas. Saya rasa terima kasih, manfaat kepada semualah. Seterusnya kita pergi ke soalan pertanyaan keenam.

6. **Dato' Azian bin Osman** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan usaha-usaha dalam menyediakan kemudahan pembiayaan kepada golongan bumiputera terutama sektor Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I [Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri atau MITI melalui SME Bank dan SME Corporation Malaysia menyediakan pelbagai bantuan dan kemudahan pembiayaan kepada usahawan bumiputera terutamanya bagi yang terlibat dalam Perusahaan Kecil dan Sederhana atau PKS.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan atau RMKe-9, MITI melalui SME Bank sehingga Oktober 2010 telah membelanjakan RM3.6 bilion untuk pelaksanaan lebih 20 program pembiayaan di bawah pelbagai dana khas pada kadar kompetitif dan 90% pembiayaan adalah kepada usahawan bumiputera. Bantuan pembiayaan yang disalurkan oleh bank adalah dalam bentuk pinjaman bagi membiayai modal kerja serta bagi pembelian aset seperti mesin dan peralatan kenderaan komersil dan kilang.

Pada tahun 2010 sahaja SME Bank telah meluluskan sebanyak RM496.4 juta kepada usahawan bumiputera di dalam sektor perkilangan. Sumber asas iaitu minyak dan gas, asas agro termasuk makanan, perkhidmatan dan teknologi hijau. Jumlah ini menunjukkan ramai PKS bumiputera telah mendapat faedah dari pembiayaan yang disediakan. MITI melalui MATRADE di bawah geran pembangunan pasaran atau MDG menanggung 50% daripada kos perbelanjaan berkaitan aktiviti-aktiviti promosi eksport seperti penyertaan dalam pameran perdagangan antarabangsa, misi perdagangan dan pelaburan serta misi perdagangan khusus.

Bagi tempoh 2002 hingga November 2010, sebanyak 466 syarikat pengeksport bumiputera telah mendapat faedah daripada skim ini dengan tuntutan berjumlah RM6 juta. Pada tahun 2010, MITI juga menyediakan peruntukan sebanyak RM361.4 juta untuk membiayai 13 program usahawan bumiputera.

Di bawah MIDF pula, 389 syarikat bumiputera telah diberi kelulusan mendapat pinjaman mudah berjumlah RM603.8 juta sejak permulaan pada tahun 2002 hingga 30hb November 2010. Bagi skim-skim di bawah SME Corporation, MITI sendiri, MATRADE dan MIDA. Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua terdapat juga program-program lain yang dilaksanakan oleh kementerian dan agensi kerajaan yang lain untuk bumiputera khususnya.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Azian bin Osman.

Dato' Azian bin Osman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Soalan tambahan saya, selain daripada bank-bank yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, apakah dasar kerajaan berkaitan dengan peranan lain-lain bank di dalam membantu sektor PKS ini?

Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir: Kalau saya faham soalan tadi Yang Berhormat, maksud lain-lain bank ini ialah bank-bank komersil ataupun bank-bank swasta. Kami difahamkan bahawa bank-bank swasta juga mempunyai peruntukan khusus untuk SME dan kami juga menerima laporan bahawa pengeluaran pinjaman-pinjaman kepada PKS ini juga 100% dikeluarkan. Akan tetapi agaknya tidak semua yang mempunyai pengkhususan bagi usahawan-usahawan bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, ini Senator baru kita. Dipersilakan Yang Berhormat.

Tuan Boon Som a/l Inong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat adakah kementerian mempunyai rancangan bagi minoriti seperti kaum Siam, Portugis dalam membantu mereka? Ini kerana mereka ini jauh ke belakang dalam bidang perusahaan dan perdagangan. Adakah lebih baik kalau ada kemudahan dalam pembiayaan bagi membantu mereka. Terima kasih Dato'.

Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir: Ya, Sawadikap. *[Ketawa]* Tahniah, saya ucapkan kepada Yang Berhormat atas pelantikan mewakili masyarakat Thai. Ya, sebenarnya pengiktirafan kepada masyarakat Thai dan Portugis yang dianggap sebagai bumiputera juga, sudah tentu mereka juga layak untuk memohon pinjaman-pinjaman mudah yang disediakan oleh mana-mana kementerian dan agensi-agensi kerajaan, terima kasih.

7. **Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim** minta Perdana Menteri menyatakan nama setiausaha dan jawatankuasa dalam TIM Nukleus SIAP serta langkah-langkah SIAP mengenai isu penyalahgunaan kuasa polis yang semakin meningkat dan serius.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih pada Yang Berhormat Senator Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim atas soalan ini. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Setiausaha TIM Nukleus SIAP ialah Encik **Azman bin Atma**, Pegawai Undang-Undang Gred Utama C. Buat masa ini TIM Nukleus, Suruhanjaya ini masih lagi dalam peringkat memuktamadkan ahli-ahli suruhanjaya dan tugas-tugas yang sedang dijalankan adalah:

- (i) menguruskan pewartaan atau tarikh penguatkuasaan Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan ini; dan
- (ii) menguruskan pelantikan pengerusi, timbalan pengerusi dan lima orang pesuruhjaya suruhanjaya bagi mendapat perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri.

TIM Nukleus suruhanjaya ini akan melaksanakan peranan dan tanggungjawabnya sebaik sahaja urusan pelantikan pengerusi, timbalan pengerusi, ahli suruhanjaya dan pegawai-pegawai dapat disempurnakan pada awal tahun 2011. Oleh yang demikian langkah-langkah memenangi isu penyalahgunaan kuasa akan dijalankan sebaik sahaja Akta Suruhanjaya Integrasi Agensi Penguatkuasaan ini dikuatkuasakan pelaksanaannya. Sekian, terima kasih.

Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Semenjak penubuhan SIAP ini, adakah badan ini pernah menerima sebarang aduan mengenai salah laku polis dan bagaimana kita memastikan badan ini bertindak secara tidak bertindih dengan SUHAKAM?

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tunku. Buat masa ini Tuan Yang di-Pertua, isu-isu penyalahgunaan kuasa polis masih lagi dipantau oleh pihak Sekretariat Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan dan juga penguatkuasaan polis. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, bahawa sekiranya terdapat apa-apa aduan mengenai penyalahgunaan kuasa, penguatkuasaan dalam pihak PDRM, mereka boleh mengadu kepada pihak Sekretariat Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan dan juga penguatkuasaan polis.

Sekiranya itu terlibat dengan tatatertib seseorang pegawai PDRM, di situlah mereka boleh membuat aduan dan sekiranya ada yang memberi aduan kepada pihak Suhakam, pihak Suhakam kenalah mengambil tindakan sama ada ia telah pun menjejaskan hak asasi mereka yang telah pun diadukan itu. Selain daripada itu, sekiranya aduan itu ada mengandungi unsur-unsur jenayah, jadi pengadu itu boleh mengadu kepada pihak polis yang menyiasat perkara-perkara jenayah ataupun sekiranya ada unsur-unsur rasuah. Jadi aduan itu kenalah diadukan kepada pihak SPRM. Itu sahaja.

■1120

8. Datuk Maijol Mahap minta Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar menyatakan tidakkah kerajaan menimbangkan untuk memberi pampasan kepada kerajaan negeri Sabah di atas pertukaran status Pulau Labuan kepada Wilayah Persekutuan dahulu, demi untuk memberi keyakinan kepada rakyat khususnya di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan bahawa kerajaan adalah telus, adil dan saksama.

Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar [Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Wilayah Persekutuan Labuan telah ditubuhkan melalui Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1984, Akta A585. Labuan secara rasminya telah diisytiharkan sebagai Wilayah

Persekutuan pada 16 April 1984 bersamaan dengan 14 Rejab 1404 hijrah. Menerusi satu perjanjian yang dimaterai bersama oleh Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia pada masa itu dan Yang Amat Berhormat Datuk Harris Mohd. Salleh, Ketua Menteri Sabah pada ketika itu.

Penyerahan Pulau Labuan kepada Kerajaan Persekutuan tidak melibatkan apa-apa bayaran pampasan kepada Kerajaan Negeri Sabah kerana tiada syarat yang sedemikian dalam terma perjanjian dan pengisytiharan Wilayah Persekutuan Labuan. Perkara ini telah dinyatakan dengan jelas di bawah Perkara 4 dalam perjanjian berkenaan. Perwujudan Wilayah Persekutuan Labuan merupakan satu usaha positif ke arah mencapai matlamat integrasi nasional. Selain itu, ia juga bagi mencorakkan dan memesatkan lagi pembangunan di Pulau Labuan.

11.22 pg.

Datuk Maijol Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Perkara yang saya Yang Berhormat ialah selain daripada *financial park* yang kini juga dikenali sebagai ujana kewangan di Labuan dan juga selain daripada Labuan sebagai satu *financial offshore, financial park*. Apakah lagi mega projek yang kerajaan cadangkan untuk dibuat di Labuan dan juga perancangan yang lain seperti membuat Labuan sebagai satu pusat peranginan dan pelancongan yang baik. Ini kerana lokasi yang strategik sesuai dengan satu-satunya sebagai cukai bebas.

Kedua Yang Berhormat, dulu kita telah diberitahu oleh kerajaan bahawa kerajaan bercadang untuk membuat jambatan Labuan menghubungkan pulau Labuan ke negeri Sabah. Adakah perancangan ini berterusan atau bagaimana? Terima kasih.

Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin: Terima kasih Yang Berhormat. Jadi berkenaan dengan rancangan Kerajaan Persekutuan untuk Labuan lain daripada hab ataupun *financial centre* yang telah disebut dengan izin. Kita juga sedang melaksanakan halal hab yang *insya-Allah* akan dirasmikan ataupun dilancarkan oleh Mantan Perdana Menteri. Akan tetapi, akan dirasmikan oleh Perdana Menteri kita, *insya-Allah* pada tahun depan. Selain pada itu, usaha-usaha juga setelah berbincang dengan NKEA yang terlibat dengan *oil and gas* untuk melibatkan Labuan juga sebagai satu hab. Selain daripada hab-hab yang lain, yang telah dikenal pasti oleh pihak kerajaan ataupun Petronas untuk Labuan dijadikan satu hab *oil and gas* negara kita, bersamaan dengan yang telah diumumkan di Johor, di Terengganu dan juga di Pahang.

Oleh kerana apatah lagi baru-baru ini, dua hari lepas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memanterai perjanjian dengan Brunei. Jadi potensi untuk Labuan dirancakkan lagi sebagai hab *oil and gas* sangat berpotensi. Selain daripada itu juga, dari segi pelancongan, pihak kementerian dan juga perbandaran Labuan sedang meneliti bersama dengan Kementerian Pelancongan *niche* ataupun kelebihan-kelebihan Labuan berbanding dengan kawasan-kawasan lain yang berdekatan. Jadi kalau kita sama dengan umpamanya di Sabah dan di Sarawak,

Labuan tidak akan adanya kelebihan oleh kerana kekurangan dari segi penerbangan dan kemudahan-kemudahan tertentu.

Jadi kita perlu *signage* umpamanya, mungkin satu aspek mempromosikan Labuan lebih kepada sebagai *second home* lah, Labuan ataupun program Malaysia *My Second Home*. Itu mungkin satu cara untuk meningkatkan lagi pelancongan. Berkenaan dengan soalan kedua iaitu jambatan antara bandar besar Sabah dan Labuan. Memang ini telah lama diminta oleh bukan hanya orang Labuan tetapi pengunjung-pengunjung daripada Sabah. Akan tetapi, oleh kerana kegawatan ekonomi dan juga oleh kerana perlunya pihak kerajaan persekutuan untuk berjimat cermat.

Pada masa ini proses jambatan Labuan itu masih dalam kajian. Kajian daripada Universiti Sabah hampir siap dan belum disampaikan kepada pihak saya. Jadi selepas itu kita akan kajilah bila masa yang sesuai jambatan ini dapat dilaksanakan.

9. Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman minta Perdana Menteri menyatakan selain dari program seperti penubuhan Talent Corporation untuk menarik kembali golongan berkemahiran tinggi dan profesional menetap dan bekerja di Malaysia. Apakah strategi kerajaan untuk menggelakkan golongan seperti ini yang ada di Malaysia berhijrah ke luar negara untuk mencari peluang pekerjaan yang lebih baik.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mewakili Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri yang diminta untuk berada di Dewan Rakyat untuk mengundi. Dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat. Silakan.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Tuan Yang di-Pertua, di samping penubuhan Talent Corporation yang berperanan untuk memanfaatkan warga Malaysia berkepakaran di luar negara, kerajaan juga akan melaksanakan usaha-usaha bagi mengekalkan modal insan yang sedia ada di Malaysia melalui pelbagai inisiatif. Di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh, kerajaan telah mengatur usaha untuk menyusun semula dan memperkukuh pasaran pekerjaan bagi meningkatkan keupayaan mengekalkan modal insan terbaik di samping meningkatkan daya tarikan Malaysia kepada pakar asing. Usaha-usaha tersebut meliputi inisiatif seperti berikut:

- (i) menjadikan pasaran pekerjaan lebih fleksibel bagi majikan untuk menarik tenaga mahir daripada kalangan diaspora mahupun tenaga mahir asing;
- (ii) menambah baik undang-undang perburuhan bagi memudahkan pengambilan pekerja;
- (iii) mewujudkan dan menambah peluang-peluang pekerjaan berpendapatan tinggi dengan gaji yang kompetitif serta persekitaran kerja yang kondusif; dan

- (iv) perwujudan peluang pekerjaan seumpama ini di sokong melalui pelaksanaan Model Baru Ekonomi dan 12 inisiatif *National Key Economic Areas*.

Langkah-langkah tersebut dijangka berupaya mengekalkan modal insan terutama mereka yang berkepakaran dan berkemahiran serta dijangka akan menarik minat tenaga kerja asing berkemahiran tinggi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Dato' Haji Abdul Rahim.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Yang Berhormat Timbalan Menteri sedang mengundi, saya tiada soalan tambahanlah kerana takut Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tidak ada angka-angka yang saya hendak tanya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih. Yang Berhormat Datuk pun hendak tanya juga? Okey, silakan Yang Berhormat Datuk.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Soalan saya ini *common sense* Yang Berhormat Timbalan Menteri yang hebat boleh jawab. Soalan tambahan saya, apakah benar mengguna ini pakar-pakar perubatan rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara meninggalkan gaji yang sungguh lumayan balik bekerja sebagai pensyarah di institusi tempatan. Contohnya, seperti Universiti HUKM dalam Program *Brain Gain* ini yang sekarang ini disebut Talent Corporation.

■1130

Kemudian mereka ini merajuk meletak jawatan dan kembali bekerja di luar negara. Apakah kerana perasaan iri hati pensyarah-pensyarah di universiti tempatan ini menyebabkan mereka memboikot pensyarah ini ataupun ada masalah-masalah lain yang menyebabkan pensyarah tersebut cabut lari. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bolehkah jawab Yang Berhormat? Jikalau tidak boleh saya rasa ini berkaitan dengan Kementerian Kesihatan. Silakan Yang Berhormat. Fasal Yang Berhormat hanya membantu sahaja.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Ya, saya minta untuk adil kepada Yang Berhormat bertanya. Saya akan panjangkan soalan ini untuk diberi jawapan bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, lebih baik Yang Berhormat. Terima kasih.

10. Dato' Zaitun binti Mat minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah langkah-langkah kerajaan untuk menyelaraskan gaji minimum sektor swasta dan kaedah pelaksanaannya menerusi Majlis Penetapan Gaji Kebangsaan (MPGK).

Menteri Sumber Manusia [Datuk Dr. S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat kena bertanya soalan tentang pelaksanaan konsep gaji minima di dalam negara kita daripada segi langkah-langkah yang kerajaan akan ambil untuk menyelaraskan gaji minima dan fungsi Majlis Penetapan Gaji Kebangsaan.

Kerajaan pada dasarnya telah memutuskan untuk menubuhkan satu Majlis Konsultasi Gaji Kebangsaan untuk bantu di dalam usaha menyelaraskan gaji yang ada di pihak peringkat swasta pada masa sekarang. Tujuan mengapa kerajaan telah memberi, membuat keputusan ini ialah untuk memastikan bahawa gaji yang dibayar di peringkat swasta ialah munasabah dengan kerja yang dibuat oleh mereka. Biarlah adil daripada segi pembayaran dan tahap pembayaran dan adalah sesuai dengan kadar kehidupan yang ada dari semasa ke semasa.

Untuk memastikan proses penetapan gaji, kerajaan telah memutuskan untuk menubuhkan satu Majlis Konsultasi Gaji Kebangsaan dan majlis ini akan ditubuhkan selepas satu undang-undang iaitu Rang Undang-undang Akta Majlis Kebangsaan Konsultasi Gaji yang dibentangkan di dalam Parlimen pada sesi yang akan datang dan selepas diluluskan majlis ini akan ditubuhkan dan melalui majlis ini segala keputusan tentang penyelarasan gaji akan dibuat. Keahlian majlis ini akan terdiri daripada ahli-ahli keahlian *tripartite* iaitu daripada pihak pekerja, pihak majikan dan pihak kerajaan dan orang-orang swasta yang mempunyai kepakaran dan pengalaman yang dalam di dalam isu berkenaan dengan gaji. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Zaitun binti Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab. Penetapan gaji minima adalah penting memandangkan 34% daripada 1.3 juta pekerja di negara ini berpendapatan RM750 sebulan dan lebih daripada 90% negara di dunia ini telah pun mempunyai undang-undang mengenai gaji minimum.

Soalan tambahan saya ialah apakah sektor atau jenis pekerjaan yang telah mempunyai penetapan gaji minimum dan nyatakan tahun pelaksanaannya serta gaji minimum yang telah dipersetujui. Kedua, adakah kerajaan bercadang menggantikan Akta Majlis Penetapan Gaji 1974 yang didapati kurang sesuai untuk diadaptasikan dalam penetapan gaji minima. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Yang Berhormat. Baru-baru ini ada satu keputusan dibuat melalui Majlis Penetapan Gaji atau *Wages Council* untuk pengawal keselamatan di dalam negara kita dan keputusan dibuat supaya keputusan majlis ini dilaksanakan daripada 1 Januari yang akan datang.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Lama dahulu iaitu mungkin 12-15 tahun dahulu ada penetapan gaji yang dibuat tetapi apa yang dibuat pada masa sekarang tidak sesuai untuk keadaan pada masa sekarang kerana itu ikut tahap yang dahulu punya dan kadar-kadar yang rendah dan proses kenaikan gaji yang berlaku secara sendiri sudah melebihi daripada pendapatan yang dibuat pada masa dahulu.

Apabila satu Majlis Konsultasi Gaji Kebangsaan akan ditubuhkan, ini akan memansuhkan segala majlis penetapan gaji yang ada pada masa sekarang melalui *Wages Council Act*. Terima kasih.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak sedikit, minta satu soalan iaitu MEF iaitu pihak majikan mahu gaji minima berkait dengan *productivity* dengan izin, ini mungkin bertentangan dengan *cost of living*, dengan izin. Jadi apakah *approach* akan diambil oleh kementerian dalam perkara ini? Terima kasih.

Datuk Dr. S. Subramaniam: Walaupun gaji minimum dilaksanakan pada satu masa tetapi itu tidak bererti bahawa konsep *productivity* akan diabaikan. Keduanya akan dicantum dan kalau proses penetapan gaji minimum menetapkan satu kadar yang minimum tetapi kenaikannya dan pendapatan lebih untuk seseorang pekerja akan dikait dengan sistem *productivity*. Oleh itu perkara gaji minimum itu ialah untuk memberi *social security* seperti yang telah disebut oleh Ahli Yang Berhormat, pada masa yang sama kementerian akan memberi penekanan kepada *productivity* di dalam kenaikan gaji dan sebagai imbuhan untuk memastikan seseorang pekerja akan mengeluarkan jadi satu pengeluar yang lebih produktif. Terima kasih.

11. Tuan Mohamad Ezam bin Mohd Nor minta Menteri Kewangan menyatakan apakah rasional tindakan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) membuat pembelian hartanah di luar negara dengan memuktamadkan pembelian bangunan pejabat di Nombor 1, Sheldon Square di Paddington, Westminster, kawasan premium London bernilai lebih 150 juta pound atau RM750 juta.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussein]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat KWSP bercadang untuk melabur secara terus dalam pelaburan hartanah di United Kingdom dengan jumlah pelaburan sebanyak 900 juta pound atau bersamaan dengan RM4.47 bilion. Pelaburan hartanah di United Kingdom adalah disasarkan ke dalam segmen komersial termasuk ruang pejabat, industri, kompleks beli-belah dan gudang.

Pelaburan hartanah di UK dijangka dapat memberi pulangan yang setimpal dengan lain-lain kelas aset pelaburan yang dibuat oleh KWSP. Pihak KWSP telah menjalankan kajian yang terperinci bersama penasihat-penasihat pelaburan seperti Di'Lloyd, ING Real Estate Investment dan RREEF iaitu anak syarikat Deutsche Bank ke atas pulangan pelaburan hartanah di United Kingdom dan menjangkakan pelaburan tersebut dapat memberi pulangan konsisten minimum sebanyak 5% dari penyewaan dan pulangan keseluruhan pelaburan boleh menjana kadar pulangan dalaman IRR sebanyak 10%.

Keputusan pihak KWSP untuk membuat pelaburan di Nombor 1, Sheldon Square di Paddington, Westminster setelah mengambil kira faktor-faktor seperti berikut:

- (i) bangunan ini adalah bangunan spesifikasi gred A yang mempunyai pegangan bebas (*freehold*) dan terletak di lokasi utama Paddington. Kawasan ini juga mempunyai laluan terus ke City, West End dan Lapangan Terbang Heathrow;

- (ii) memberi peluang kepada KWSP untuk memiliki sebuah bangunan pejabat yang terletak di kawasan utama bahagian tengah London, Central London. Terdapat kekurangan bangunan gred A di kawasan Central London dan ini memberikan peluang untuk meningkatkan kadar sewa untuk tempoh jangka pendek dan sederhana;
- (iii) pemilikan bangunan ini oleh KWSP akan memberikan pendapatan yang stabil untuk tempoh jangka panjang sehingga 2022 di mana bangunan ini masih terus dipajak oleh *Visa Europe Incorporated* di sepanjang tempoh tersebut yang merupakan institusi kewangan yang kukuh dan terkenal;

■1140

- (iv) pembelian ini juga dipengaruhi oleh faktor yang mana semakan kadar sewa akan dilakukan pada tahun 2012. Sehubungan dengan itu, pembelian pada tahun 2010 adalah waktu yang sesuai yang mana ia akan memberikan peluang kepada KWSP untuk menambah nilai pendapatan pelaburan hartanah; dan
- (v) KWSP akan menerima pulangan pelaburan bersih permulaan pada kadar sekurang-kurangnya 5% setahun dan nilai hartanah juga dijangka akan meningkat *appreciate* di masa akan datang. Oleh itu, pelaburan hartanah KWSP di UK adalah wajar untuk mempelbagaikan portfolio pelaburan dan memastikan pulangan yang munasabah bagi pencarum KWSP. Terima kasih.

Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan. Baru-baru ini KWSP membuat kenyataan satu lagi pembelian di London di *Oxford Street*, Portman Utara *Oxford Street* yang membabitkan pembelian hampir RM1 bilion, RM905 juta. Jadi saya merasakan wajar untuk Dewan yang mulia ini diberikan sedikit penjelasan terhadap transaksi ini kerana dalam tempoh yang dekat, ada dua transaksi besar di Paddington juga hampir RM1 bilion dan sekarang di *Oxford Street* dalam tempoh terdekat di kawasan yang sama di London, digunakan untuk pelaburan KWSP. Jadi, saya rasa wajar untuk sedikit penjelasan diberikan kerana ia berlaku di tempat yang sama dan waktu yang singkat. Terima kasih.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sememangnya KWSP sedang merancang untuk membeli bangunan kedua iaitu beralamat 40, Portman Square dengan nilai 181 juta *pound*, lebih kurang RM900 juta. Ini selari dengan dasar KWSP untuk mempelbagaikan pelaburannya dan dasar supaya 20% daripada jumlah dana yang telah pun melebihi RM400 bilion hari ini, 20% nya dilaburkan di luar negara. Buat masa ini, pelaburan sebenar, *actual* baru di tahap lebih kurang 10%. Kelulusan juga telah diperolehi untuk

pelaburan hartanah di luar negara yang berjumlah USD3 bilion iaitu lebih kurang RM11.6 bilion. Jadi, apakah yang dibuat dengan pelaburan hartanah di UK ini khususnya di kawasan London adalah selari dengan kelulusan-kelulusan yang telah diperolehi sebagai sebahagian daripada strategi pelaburan KWSP kerana dengan jumlah tabung sebanyak RM406 bilion ini KWSP mesti aktif mencari peluang-peluang pelaburan yang boleh memberikan pulangan yang tinggi supaya pencarum dapat diberikan dividen yang sewajarnya. Terima kasih.

12. Tuan Lee Cheam Choon minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan kerajaan telah bersetuju akan mengadakan kawasan penternakan khinzir berkelompok di beberapa buah negeri. Akan tetapi rancangan tersebut masih belum dilaksanakan sehingga hari ini. Oleh itu, bilakah pihak kerajaan akan melaksanakan rancangan ini seperti yang telah dipersetujui.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani II [Tuan Chua Tee Yong]: Tuan Yang di-Pertua, industri penternakan babi (khinzir) sentiasa mendapat perhatian kerajaan memandangkan daging babi merupakan satu sumber protein makanan bagi penduduk bukan Islam di negara ini. Usaha menyusun semula pembangunan industri ternakan babi adalah penting bagi tujuan mengawal pencemaran alam sekitar serta wabak penyakit berbahaya.

Jemaah Menteri pada 25 Julai 2007 telah bersetuju memutuskan pembangunan industri ini ditumpukan pada penternakan babi secara berkelompok dengan pembangunan *Pig Farming Area* dan *Modern Pig Farming*. Pembangunan PFA iaitu *Pig Farming Area* di Malaysia kini dalam pelbagai peringkat pelaksanaan. Pembangunan PFA di Pasir Puteh, Samarahan Sarawak sedang beroperasi dengan populasi 4,500 ekor babi pembiak. PFA ini sekarang dijangka akan mencapai 100,000 ekor babi.

Selain itu, pembangunan PFA di Site A2, Port Dickson, Negeri Sembilan juga sedang dibangunkan. Kerja-kerja yang telah siap dijalankan meliputi pembinaan lot-lot penternakan, jalan masuk berturap, longkang konkrit dan kemudahan bekalan air dan pembetungan serta loji rawatan kumbahan berpusat dan rumah sembelih. Manakala kerja-kerja pembinaan pagar sempadan pusat kuarantin dan unit pembakaran dijangka akan siap dan penternak juga boleh memulakan kerja mereka untuk menternak. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. ahli-ahli Yang Berhormat, kini selesailah sudah pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2011****Bacaan Kali Yang Kedua**

Timbalan Yang di-Pertua: Minta Yang Berhormat Dato Sri Dr. Mohd. Effendi bin Norwawi.

11.46 pg.

Dato Sri Dr. Mohd. Effendi bin Norwawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita telah melihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mencetuskan idea-idea baru mentransformasikan negara khususnya dengan izin, *the Government Transformation Programme* (GTP), *Economic Transformation Programme* (ETP) melalui Entry Point Projek (EPP). Idea-idea baru ini inovatif, kreatif dan berani. Ia bercita-cita membawa negara kita ke taraf negara maju berpendapatan tinggi. Cita-cita murni ini harus diberikan sokongan padu oleh semua rakyat Malaysia demi kepentingan masa depan kita.

Sungguhpun demikian, saya ingin mengemukakan beberapa pandangan dan cadangan mengenai inisiatif transformasi ini dengan harapan ia boleh dipertimbangkan kalau bersesuaian. Soalan yang paling penting bagi saya ialah bolehkah idea-idea baru ini subur dan berjaya kalau masih dalam iklim sistem yang lama? Misalnya GTP mengusulkan 92% daripada pertumbuhan kita adalah daripada pelaburan sumber swasta. Adakah sistem kita akan ditransformasikan supaya benar-benar *business friendly*. Ini bermakna permit, *approval* dan lain-lain benar-benar akan diberikan secara cepat dan efisien. Bolehkah misalnya syarikat-syarikat pembangunan hartanah misalnya mendapat kelulusan pembangunan mereka dalam masa satu bulan, dua bulan atau tiga bulan seperti negara-negara maju.

Kalau sistem ini tidak berubah dan kelulusan masih mengambil masa enam bulan atau setahun dan masa yang lebih panjang lagi, jelas transformasi yang kita harapkan ini tidak akan berjaya. Ini kerana idea-idea baru masih akan terkongkong oleh sistem-sistem lama. Satu lagi contoh ialah transformasi-transformasi ini memerlukan perkhidmatan awam yang lebih baik. Adakah kita juga akan melihat transformasi di dalam perkhidmatan awam daripada segi kualiti, kebolehan kakitangan dan daripada segi sistem operasi mereka. Satu lagi soalan besar mengenai perkhidmatan awam ialah adakah ia berdaya menarik *the best talents to join the civil services*, dengan izin? *Singapore*, Taiwan, Korea, Thailand telah berjaya dengan dasar-dasar baru mereka, menarik *the best talents* memasuki perkhidmatan awam mereka. Bagaimana kita?

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawawi: Saya pohon untuk mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Senator.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawis: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berdasarkan pada pendedahan yang dibuat oleh KSN, saya ingat dalam bulan lepas. Terdapat peningkatan 0.84% prestasi penjawat awam yang semakin menurun.

■1150

Kalau sebelum ini jumlahnya 5,344 masalah disiplin, kesihatan dan prestasi rendah meningkat kepada 6,133. Jadi bila Yang Berhormat bercakap tentang soal prestasi penjawat awam. Jadi saya minta komen Yang Berhormat selaku yang pernah menjadi Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk memberikan – setelah kita mengalami penurunan dari segi indeks untuk rasuah, sekarang ini peningkatan pula berlaku dari segi masalah di kalangan pegawai. Bagaimanakah langkah yang patut dibuat oleh kerajaan dalam usaha untuk memastikan agar masalah ini tidak menjadi satu masalah yang akan meningkat daripada setahun ke setahun? Saya pohon pandangan. Terima kasih.

Dato Sri Dr. Mohd. Effendi bin Norwawi: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti dalam organisasi mana-mana pun. Ia bergantung pada dua, kualiti, mutu, *people* iaitu kakitangan. Kedua, sistem dan proses. Saya ingat kita semua – pengalaman saya, saya tahu yang kedua-dua ini memang sangat perlu diperbaiki di sistem perkhidmatan awam kita.

Isunya ialah seperti dengan negara yang saya sebutkan tadi, Thailand, Korea, Taiwan dan Singapura. Mereka berjaya kerana mereka telah dapat menarik talen-talen yang terbaik. *The best talent* sekarang telah mulai memasuki perkhidmatan awam mereka. Sekarang ini belum berlaku lagi di negara kita. Jadi, ia memerlukan perhatian khusus.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu lagi cabaran yang besar yang mesti diatasi untuk menjayakan GTP, ETP ini ialah cabaran *human resource* dan *talent*, dengan izin. Dua perkara. Bolehkah kita berjaya mewujudkan satu sistem iklim yang baru yang boleh menarik *global talent*? Bagaimanakah kita boleh *reverse*, dengan izin kehilangan talen negara di antara Mac 2008 dan Ogos 2009? Dalam masa 18 bulan, kita kehilangan 304,000 pekerja-pekerja Malaysia yang telah mencari kerja di luar negara, kebanyakan profesional. Kita berdoa supaya *corporation talent* kita berjaya. Akan tetapi, kalau tiada sistem iklim pendekatan yang baru menangani masalah ini, GTP, ETP, kita akan terjejas.

Perkara kedua mengenai *human capital* ini, kita perlukan transformasi besar-besaran di institut pengajian tinggi kita. Saya lihat dalam pembentangan belanjawan tahun ini dalam seksyen memperkasakan pengajian tinggi, kita menekankan kepada dua inisiatif. Satu, meningkatkan bilangan PhD. Kedua, menambahbaikkan peluang kenaikan pangkat pensyarah di IPTA.

Saya tidak melihat idea-idea baru atau inovasi di sini. *This is more of the same*, dengan izin. India sekarang bercadang menubuhkan 14 universiti *innovation - 14 brand new university on innovation*, dengan izin. Mereka ini akan menumpukan kepakaran tiap-tiap universiti dalam bidang tertentu, *urbanization, energy, ICT, entrepreneur, agriculture* dan lain-lain. Tiap-tiap

universiti ini akan bergabung tenaga dengan universiti-universiti terkemuka misalnya universiti-universiti Ivy League dari Amerika, MIT, Stamford, Yale. Kita mesti sama mengusahakan *transformational ideas* seperti ini.

Seterusnya saya juga ingin menyatakan satu lagi kebimbangan saya mengenai GTP, ETP ini. Saya khuatir yang GTP, ETP dan EPP akan memberi gambaran yang projek-projek ini akan lebih membawa kesan dan faedah kepada kawasan-kawasan bandar sahaja. Projek menara seratus tingkat, Greater Kuala Lumpur, Projek Mega MRT, semuanya ialah projek-projek bandar. Kita perlukan juga projek-projek besar-besaran GTP, ETP dan EPP ini untuk kawasan-kawasan luar bandar juga khususnya untuk negeri-negeri yang amat memerlukan seperti negeri saya, negeri Sarawak dan jiran, negeri Sabah. Saya kira kerajaan mungkin ada program-program besar-besaran ini. Mungkin hanya memerlukan publisiti yang lebih meluas supaya rakyat di luar bandar merasai mereka juga akan menikmati impak GTP dan ETP ini.

Kita telah berjaya dengan penubuhan Majlis Perundangan Ekonomi (NEAC) yang melibatkan pakar-pakar negara dan pakar-pakar antarabangsa. Mereka telah berjaya menghasilkan NEM, *the New Economic Model*, dengan izin. Kenapa kita juga tubuhkan satu lagi majlis perundingan khusus untuk pembangunan luar bandar yang juga melibatkan pakar-pakar dalam bidang ini. Mungkin mereka boleh menghasilkan NREM (*New Rural Economic Model*).

Sebenarnya saya tahu kerana saya terlibat dengan perancangannya. Lima pembangunan koridor kita juga bertujuan membawa pembangunan luar bandar secara terancang dan bersepadu. Akan tetapi kini, selain daripada Koridor Iskandar, koridor-koridor lain tidak banyak berita. Malah macam senyap pula. Kita harap pembangunan-pembangunan koridor ini akan terus diberi keutamaan.

Akhir sekali mengenai pembangunan luar bandar. Saya sekali lagi ingin menggesa, selain dari program pembangunan kemudahan asas, kita perlu juga mengusahakan satu program transformasi besar-besaran meningkatkan pendapatan dan kegiatan ekonomi di luar bandar. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ada menerangkan di Dewan ini sebagai menjawab soalan lisan saya tempoh hari, program agro-politan kementerian. Program ini dimulakan semasa saya bertugas di EPU dahulu dan ia memang program baik. Konsepnya ialah pembangunan yang menyeluruh dan bersepadu di mana pembangunan infrastruktur disamakan dengan program-program peningkatan kegiatan ekonomi. Pada masa itu kita telah mengenal pasti beberapa *pilot* projek. Persoalannya, adakah konsep agro-politan ini akan diperluaskan di seluruh negara? Bolehkah kita dimaklumkan, kalau ada perancangan yang khusus mengenai agro-politan ini?

Selain daripada program meningkatkan pendapatan dan kegiatan ekonomi, satu lagi usaha yang harus dijalankan besar-besaran ialah mentransformasikan pendidikan di luar bandar. Ramai kita di sini seperti saya, kita berasal daripada keluarga miskin dari kampung, tetapi kita dapat mengubah kedudukan kita kerana pelajaran. *Education is the equalizer*, dengan izin.

Bolehkah kita dimaklumkan apakah usaha-usaha untuk mentransformasikan pendidikan di luar bandar yang dirancang di bawah GTP, ETP?

Saya juga mencadangkan kita mengadakan satu kajian yang menyeluruh oleh pakar-pakar bebas mengenai sistem pencapaian program-program luar bandar kita. Kita tidak akan dapat hasil yang baru dengan menggunakan cara-cara yang lama. Tiba masanya kita juga mentransformasikan sistem pencapaian di dalam bidang yang begitu penting sekali ini demi kesejahteraan rakyat kita di luar bandar. Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini saya ingin menyokong. Terima kasih.

■1200

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah.

12.00 tgh.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam 1Malaysia. Saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2011 ini. Untuk memanfaatkan secara optimum masa yang diperuntukkan kepada saya atau kalau nanti saya tidak sempat menyampaikan seluruh bahan-bahan yang telah saya sediakan, maka saya ingin memulakan ucapan saya ini dengan memberi rangka-rangka kasar perkara-perkara yang hendak saya sampaikan.

- (i) saya ingin memberi ulasan atau reaksi am saya terhadap roh dan falsafah yang tersurat dan tersirat dalam Rang Undang-undang Perbekalan 2011 ini;
- (ii) saya hendak bincangkan ialah dasar-dasar negara atau gagasan-gagasan pemerintahan merujuk kepada pelaksanaan dan pengisiannya;
- (iii) saya ingin membincangkan tentang status bahasa kebangsaan yang semakin memalukan dan memilukan sekarang;
- (iv) saya hendak bincangkan pembangunan modal insan dan kaitannya dengan rombakan sistem pelajaran seperti yang pernah disampaikan dan diketengahkan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran sedikit masa yang lalu;
- (v) saya ingin bercakap sedikit tentang kebajikan masjid di negara kita ini dan kegiatan dakwah atau ceramah-ceramah agama di masjid dan di surau-surau;
- (vi) saya hendak bincangkan isu-isu kecil yang bersifat kontemporari dan kontroversial iaitu kaitan kemerosotan FDI dengan kestabilan politik di negara ini; dan

- (vii) juga tentang pengajaran Sejarah dan kontroversi tentang Ketuanan Melayu.

Itu lah perkara-perkara yang hendak saya sampaikan Tuan Yang di-Pertua semoga saya akan mempunyai waktu yang secukupnya.

Saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2011 ini terutama kerana saya percaya tujuan dan matlamatnya sangat mulia iaitu untuk membebaskan negara dari perangkap ekonomi berpendapatan rendah serta melonjakkannya ke tahap pembangunan yang jauh lebih tinggi melalui satu siri proses transformasi yang holistik yang meliputi aspek ekonomi, politik dan sosial. Akan tetapi saya juga ingin menambah supaya selain daripada aspek ekonomi, politik dan sosial ini proses transformasi itu juga mesti mengambil kira aspek apa yang saya namakan *psycho-cultural* yang merujuk kepada perubahan sikap dan pandangan hidup.

Lebih daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya melihat rang undang-undang ini sebagai satu kesinambungan dasar dan program-program kerajaan yang telah berkhidmat kepada rakyat dan negara lebih setengah abad semenjak kita mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 yang lalu.

Saya mengalu-alukan sangat pembukaan ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sewaktu membentangkan rang undang-undang ini di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memetik ayat 77 dari surah Al-Qasas pada pandangan saya yang merujuk kepada tentang falsafah kita pada negara, mentadbir negara dan hidup bermasyarakat. Ia menggambarkan falsafah kehidupan kita yang berpandukan kepada kesederhanaan dan keseimbangan.

Saya melihat bahawa kejayaan kita selama ini amat bergantung pada keupayaan kita menyeimbangkan pelbagai, dengan izin *competing demands* dalam kehidupan kita. Sepanjang setengah abad yang lalu kita mencari keseimbangan antara pelbagai unsur-unsur yang bertentangan dalam kehidupan kita. Kita mengadun unsur-unsur tradisi dan moden dalam sistem pemerintahan kita. Kerana itulah kita memanggil sistem pemerintahan kita sebagai Demokrasi Berparlimen sebagai unsur moden dan Raja Berperlembagaan sebagai unsur tradisi.

Kita juga mengadun unsur-unsur peribumi dengan unsur-unsur luaran yang datang dari luar wilayah budaya yang lain. Kita sentiasa mengambil pendekatan apa yang dipanggil dalam ilmu sains sosial kedinamikan yang stabil atau *dynamic equilibrium*. Untuk itu kerana menjiwai seluruhnya itu ialah sistem yang kita namakan Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan.

Untuk bercakap sedikit lebih panjang mengenai konsep Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan ini yang merupakan pada pandangan saya satu penyelesaian Malaysia dan kita terhadap dilema demokrasi. Apakah yang saya maksudkan dengan dilema demokrasi? Kira-kira 100 tahun yang lalu seorang pemimpin ulung Great Britain Sir Winston Churchill berkata dengan izin; "*Democracy is the worst form of government but no other form is any better*".

Ucapan Winston Churchill ini kira-kira 100 tahun yang lalu yang lebih kurang dalam bahasa Melayu – Demokrasi adalah satu cara pemerintahan yang paling buruk tetapi tidak ada sebarang cara pemerintahan lain yang lebih baik.

Ucapan Churchill ini saya anggap bukanlah merupakan permainan kata-kata atau retorik sahaja atau hanya sekadar halwa telinga untuk sedap didengar tetapi jika diamati dengan teliti apa yang barangkali dianggap oleh sesetengah pihak sebagai retorik atau halwa telinga itu boleh menjadi satu santapan minda yang mendorong kita berfikir dengan mendalam untuk mentafsir dan memberikan interpretasi terhadap kutipan ucapan itu. Ucapan itu mengandungi makna yang dalam dan menggambarkan realiti dunia politik dan pemerintahan yang memerangkap manusia sejak dahulu hingga sekarang.

Manusia - kita semua terperangkap antara hasrat untuk mewujudkan pemerintahan sempurna yang adil dan saksama – itu hasrat kita, tetapi kita terperangkap bila kita berhadapan dengan realiti sosial dan persekitaran yang sukar diatur dan sukar dikawal sehinggakan satu bentuk pemerintahan yang adil dan saksama yang ideal sukar wujud.

Entah disedari atau tidak demokrasi dijadikan penanda aras untuk mengukur pemerintahan yang adil dan saksama. Setiap warga semestinya mempunyai hak yang sama untuk menentukan arah tuju dan tata tadbir pemerintahan tersebut. Namun kesepakatan yang mutlak tentang takrif demokrasi itu dan tata cara pelaksanaannya tidak pernah tercapai.

■1210

Itulah yang menyebabkan kadang-kadang di sesetengah tempat Dewan yang mulia seperti Dewan kita ini telah menjadi satu pertunjukan sarkas dengan sengaja membuat sindiran. Tuan-tuan tahu apa yang berlaku di sebelah sana sekarang.

Itulah antara dilema demokrasi yang barangkali mendorong Churchill mengungkapkan kutipan yang saya sebut di atas tadi. Hampir senada dan seirama dengan ucapan Winston Churchill itu ialah ucapan pemikir seorang ahli politik Perancis pada abad ke 18 iaitu Jean Rousseau yang dikutip sebagai berkata; *“Jika ada suatu masyarakat yang terdiri daripada dewa-dewa, masyarakat itu akan dapat diperintah secara demokrasi”*. Nyata kita bukan dewa-dewa. Oleh kerana itu demokrasi yang *absolute* janganlah kita impikan. *“Pemerintahan yang sebegitu sempurna tidak sesuai untuk manusia”*, kata Rousseau selanjutnya.

Allahyarham Tun Dr. Ismail Abdul Rahman yang pernah memegang jawatan Menteri Dalam Negeri dan kemudian Timbalan Perdana Menteri ketika rusuhan berlaku di Selangor dan Kuala Lumpur berikutan Pilihan Raya Umum 1969 dengan tegas berkata; *“Demokrasi telah mati di Malaysia”*. Tun Dr. Ismail berkata begitu apabila proses demokrasi iaitu Pilihan Raya Umum 1969 berakhir dengan rusuhan dan keganasan yang hampir menepati ‘Anati’. Inilah yang sepatutnya kita elakkan. Pilihan raya sepatutnya merupakan proses demokrasi yang memberikan hak dan peluang kepada warganegara untuk bersuara memilih pemimpin dan seterusnya

menentukan arah tuju serta tata cara pemerintahan negara. Sekali lagi ini bolehlah dianggap sebagai satu contoh dilema demokrasi.

Antara yang tersirat dalam kutipan pendapat Churchill, Rousseau dan Tun Dr. Ismail itu adalah mustahil manusia mengamalkan demokrasi dengan sempurna dalam pengertian yang semurni-murninya. Manakala ucapan Tun Dr. Ismail pula bolehlah ditafsirkan sebagai demokrasi akan mati terbunuh jika diamalkan secara salah dan jika manusia mengamalkannya tidak arif mengenal batas antara yang boleh dengan yang patut, tidak dapat menimbang antara keinginan dengan kemungkinan dan tidak dapat membezakan antara hak dan tanggungjawab. Demikianlah dilema demokrasi atau satu cara pemerintahan yang disifatkan oleh Churchill sebagai paling buruk tetapi sayang tidak ada cara yang lain yang lebih baik daripada itu. Oleh sebab itu walaupun paling buruk kerana tidak ada yang lebih baik daripada itu masyarakat bertamadun masih terus memilih demokrasi sebagai sistem pemerintahan yang unggul.

Manusia terus mencuba mengamalkan demokrasi dengan pelbagai variasi yang memberikan berbagai-bagai nama tambahan untuk disesuaikan dengan masa, tempat dan keadaan. Presiden Soekarno di Indonesia memperkenalkan konsep Demokrasi Terpimpin. Presiden Ayoub Khan di Pakistan lebih kurang setengah abad yang lalu memperkenalkan istilah Demokrasi Pembangunan. Selain itu terdapat juga ungkapan-ungkapan seperti demokrasi liberal, demokrasi panca sila dan lain-lain. Dalam konteks Malaysia kita mengemukakan Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, Konsep Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan adalah penyelesaian yang bijak terhadap dilema demokrasi seperti yang dibincangkan di atas. Gagasan ini adalah satu formula atau resipi yang sangat sesuai untuk mengamalkan demokrasi.

Ini adalah gagasan yang menggabungkan unsur-unsur tradisi dan unsur-unsur moden yang dapat mewujudkan kestabilan yang dinamik – *dynamic equilibrium* dalam kita mengatur kehidupan bermasyarakat dan bernegara.

Formula Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan adalah manifestasi kesedaran dan keupayaan kita menggabungkan unsur-unsur tradisi dan moden, mempertahankan yang asal dan asas sambil menyerap yang baru dan luaran secara terpilih. Dalam konteks masyarakat berbilang kaum di negara ini formula tersebut diterjemahkan pula dalam bentuk pengiktirafan terhadap hak sejarah dan tradisi kepimpinan bumiputera yang digabungkan dengan hak asasi dan kemanusiaan masyarakat bukan bumiputera. Kedua-dua hak tersebut mestilah diseimbangkan dan jangan sampai diubah secara radikal demi melanjutkan kestabilan.

Semangat Demokrasi Berparlimen yang pada teorinya memberi hak yang sama rata perlu dikawal dengan kedaulatan Raja Berperlembagaan yang menjadi sauh kepada kestabilan yang berurat tunjang pada tradisi. Pada pandangan saya Tuan Yang di-Pertua, itulah semangat yang terkandung dan tersirat dalam ucapan pembentangan Yang Amat Berhormat Perdana

Menteri sewaktu membentangkan anggaran Belanjawan 2011 ini. Saya mencadangkan supaya kita melihat keseluruhan bajet ini secara realistik dengan mengambil kira bahawa kita sentiasa berhadapan dengan *contradicting demands in the society* dengan izin, tuntutan-tuntutan yang berbeza dalam masyarakat. Itu bahagian pertama yang hendak saya sampaikan Tuan Yang di-Pertua.

Kemudian saya hendak bercakap juga tentang apa yang disebut sebagai dasar-dasar negara ataupun gagasan-gagasan pemerintahan. Untuk keperluan perbincangan ini saya mencadangkan atau yang saya maksudkan dengan dasar-dasar negara atau gagasan-gagasan pemerintahan itu ialah ini takrif *operational definition* - falsafah, pedoman dan garis panduan serta rangka kerja untuk mencapai sesuatu matlamat termasuklah bajet yang kita bincangkan sekarang. Ada falsafahnya, ada pedoman, ada garis panduannya. Berpandukan kepada takrif sedemikian maka termaksud dalam pengertian dasar untuk kepentingan perbincangan kita ialah Perlembagaan Negara, Rukun Negara, Dasar Ekonomi Baru, Rancangan Pembangunan Lima Tahun, Dasar Pembangunan Nasional, Dasar Perindustrian Negara, Dasar Pensyarikatan Malaysia, Dasar Penswastaan, Dasar Pertanian Negara, Dasar Pendidikan Kebangsaan, Dasar Kebudayaan Kebangsaan, Dasar Perfileman Negara dan seterusnya.

Saya sengaja menyenaraikan pelbagai dasar itu tadi sekadar untuk mengingatkan kita semua bahawa sepanjang pemimpin-pemimpin yang terdahulu daripada kita mentadbir negara ini mereka telah memikirkan dan merumuskan pelbagai bentuk dasar tetapi sayang kita bertanya setelah pelbagai dasar yang begitu banyak, yang begitu molek dan muluk bunyinya digubal, dirumuskan, apakah yang telah terjadi? Saya berpandangan Tuan Yang di-Pertua bahawa dalam hal ini saya rasa kita perlu melakukan muhasabah atau introspeksi, melihat ke dalam diri kita sendiri. Secara jujur kita harus mengakui bahawa pelbagai dasar-dasar yang cantik-cantik itu tadi gagal kita laksanakan dengan jayanya atau tidak dapat terlaksana sepenuhnya.

Oleh kerana itulah pada pandangan saya dasar-dasar tersebut mestilah dimasyarakatkan, dipantau pelaksanaannya, ditentukan nilai hasilnya dengan menggunakan KPI yang relevan, yang realistik mengambil kira aspek-aspek kualitatif di samping aspek-aspek kuantitatif.

■1220

Saya sengaja menggandingkan antara aspek kualitatif dengan aspek kuantitatif itu kerana dalam sidang Dewan ini bulan Julai yang lalu, saya mengemukakan soalan sejauh manakah kejayaan PIPP (Pelan Induk Pembangunan Pendidikan) dan jawapan yang diberikan ialah peratusan-peratusan yang semata-mata bersifat kuantitatif, tidak melihat aspek-aspek kualitatifnya sehingga dikatakan bahawa kononnya teras pertama daripada PIPP iaitu pembentukan negara bangsa telah tercapai 90% lebih kurang begitu. Pada masa yang sama kita lihat lagi pergaduhan, kita lihat lagi persengketaan atau secara terbuka juga melalui intelek-intelek umpamanya antara kaum. Ini memperlihatkan bahawa pada umumnya saya rasa

penilaian yang bersifat kuantitatif seperti itu perlulah dinilai secara kualitatif. Secara jujur kita perlu bertanya benarkah matlamat pembinaan negara bangsa seperti yang merupakan teras pertama PIPP itu benar-benar tercapai peratusannya seperti yang diuar-uarkan.

Dasar tersebut pada pandangan saya, pelbagai dasar yang disebutkan tadi setakat ini rasanya tidak dimasyarakatkan secara menyeluruh. Oleh kerana itu tidak diketahui bila tidak dimasyarakatkan, tidak diketahui maka dengan sendirinya tidak dihayati, maka dengan sendirinya pelaksanaannya akan menjadi terbengkalai. Saya mencadangkan supaya semua dasar yang saya sebutkan itu tadi diajarkan di setiap tahap persekolahan rendah, menengah dan tinggi mengikut tahap-tahap pengajian pelajar-pelajar berkenaan. Disebarkan melalui sistem komunikasi negara melalui badan-badan sukarela dan dasar-dasar itu hendaklah dipantau pelaksanaannya. Dipastikan matlamatnya tercapai melalui KPI yang relevan realistik sekali lagi dengan mengambil kira aspek-aspek kualitatif dan aspek-aspek kuantitatifnya.

Untuk ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya. Kita mempunyai di satu masa dulu kita merumuskan Dasar Pertanian Negara. Sejauh manakah agaknya Dasar Pertanian Negara ini benar-benar telah dimasyarakatkan. Sejauh manakah Dasar Pertanian Negara sekarang ini telah mengurangkan kebergantungan kita terhadap produk-produk pertanian dari luar negara sebab antara matlamat penggubalan Dasar Pertanian Negara ialah untuk mengurangkan *dependency* dengan izin atau kebergantungan kita kepada produk-produk pertanian dari negara asing yang saya rasa dapat dilakukan kalau sekiranya Dasar Pertanian Negara itu dipatuhi, dilaksanakan, dipatuhi, dihayati dan dilaksanakan. Namun secara jujur saya ingin bertanya sejauh manakah agaknya kecuali Menteri atau KSU, sejauh agaknya pegawai-pegawai di kementerian berkenaan, bukan sekarang sahaja malah semenjak dasar ini digubal dulu. Sejauh manakah dasar itu benar-benar telah dimasyarakatkan, disebarluaskan, dihayati, difahami dan dilaksanakan? Saya cenderung untuk mengatakan bahawa kita agak gagal dalam menyebarkan, memasyarakatkan, menghayati dan melaksanakan dasar tersebut.

Oleh kerana itu saya cadangkan supaya bukan sahaja Dasar Pertanian Negara ini malah dasar-dasar yang saya senaraikan tadi dan juga dasar-dasar yang lain kita cuba tinjau kembali. Mungkin ia sudah tidak relevan, kita faham tetapi mungkin yang ada masih baik yang perlu kita beri perhatian. Selain daripada itu juga kita mempunyai Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang digubal dalam tahun 1971 di Universiti Malaya. Berapa orang anak sekolah kita yang faham apa dia Dasar Kebudayaan Kebangsaan? Kita tidak masyarakatkan dengan meluas dan barangkali saya dapat bercakap dengan agak kompeten dengan pertolongan barangkali sahabat saya Yang Berhormat Tan Sri Jins Shamsudin.

Dasar Perfileman Negara, kira-kira 20 tahun yang lalu Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kerana memberi contoh yang agak peribadi sifatnya.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya bagi masa lima minit lagi ya?

Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah: Sudah berapa minit?

Timbalan Yang di-Pertua: Ambil masa Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Mohd Effendi tadi, dia jimat masa enam minit. Jadi saya bagi lima minit untuk Yang Berhormat.

Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah: Okey, saya akan mematuhi perintah Tuan Yang di-Pertua. Tadi mengenai Dasar Perfileman Negara, yang saya mahu berkongsi maklumat dalam Dewan yang mulia ini ialah bahawa Dasar Perfileman Negara ini digubal pada penghujung tahun 80-an. Betul Tan Sri tahun 80-an? Dasar itu digubal oleh satu jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh Allahyarham Tan Sri Ghazali Shafie dan dianggotai oleh Tan Sri Samad Idris. Saya diberi penghormatan untuk duduk dalam jawatankuasa tersebut. Kami mengadakan perbincangan demi perbincangan di Studio Finas di Hulu Klang. Barangkali memakan masa lebih tiga bulan, empat bulan atau barangkali lebih. Yang saya nak tekankan di sini ialah bahawa Dasar Perfileman Negara itu digubal dengan menggunakan masa yang cukup banyak yang tentu sahaja melibatkan wang yang cukup banyak yang bermaksud untuk supaya filem kita bukan sahaja gah daripada segi komersialnya, gah daripada nilai seninya tetapi juga berfungsi sebagai satu wahana pembinaan sebuah negara bangsa.

Dengan jujur kita bertanya, sejauh manakah agaknya filem-filem yang kita hasilkan di negara ini setakat ini atau semenjak Dasar Perfileman Negara ini digubal, sejauh manakah agaknya matlamat daripada Dasar Perfileman Negara itu telah tercapai sebagaimana dibuktikan dalam penghasilan filem-filem yang ada sekarang.

Kesimpulannya mengenai dasar ini sebab banyak lagi perkara yang saya nak bincangkan mengenai topik dasar ini Tuan Yang di-Pertua, tapi saya hanya hendak mengingatkan kita semua atau mencadangkan supaya pelbagai dasar ini ditinjau kembali. Ditinjau kembali dan secara jujur kita akui sejauh manakah telah benar-benar kita sebar luaskan, telah kita masyarakatkan, telah kita hayati, kita ketahui dan kita laksanakan sebab kalau tidak nanti kita hanya kata orang "*arang habis, besi binasa*". Kita membuat pelbagai dasar demi dasar tetapi manfaat daripada dasar yang kita gubal itu tidak dapat kita lakukan sebab keseluruhan dasar-dasar itu daripada satu segi yang kemudian dirumuskan dalam Wawasan 2020 dan juga Gagasan 1Malaysia, pada pandangan saya, seluruh dasar-dasar itu perlu ditinjau kembali dengan semangat atau dengan matlamat dengan izin, sebagai *redefinition of national aspiration and reformulation of its strategies*, dengan izin.

Ertinya dasar-dasar itu kita rumuskan semua sekali sebenarnya dalam Wawasan 2020 sebagai matlamat kembar daripada Gagasan 1Malaysia.

■1230

Sembilan cabaran strategik dalam Wawasan 2020 sebenarnya merangkumi wawasan politik, merangkumi wawasan sosial budaya, merangkumi wawasan atau visi psikologi dan kejiwaan, merangkumi visi ekonomi. Ini yang seluruhnya terkandung dalam sembilan cabaran strategik yang dihuraikan dalam ucapan Tun Dr. Mahathir sewaktu merasmikan Mesyuarat Malaysian Business Council dengan izin pada tahun 1990. Apa yang saya hendak timbulkan di

sini Tuan Yang di-Pertua ialah supaya pelbagai dasar itu kita tinjau kembali. Banyak fikiran yang bernas terkandung dalam dasar-dasar itu yang barangkali akan dapat menolong kita mencapai matlamat sebuah negara maju mengikut acuan kita sendiri yang kita impi-impikan itu.

Akan tetapi dalam hal ini kita menyedari bahawa apabila satu-satu dasar itu digubal maka akan adalah elemen-elemen yang menentangnya. Oleh kerana itulah kita harus berhati-hati mengawasi elemen-elemen yang menentang pelbagai dasar ini. Kalau tidak penentangan itu bermula pada peringkat awal dan berterusan kepada peringkat seterusnya seperti pernah berlaku terhadap dasar ekonomi baru. Ini yang memang ada pihak-pihak yang menentangnya di peringkat awal dan penentangan itu dilakukan secara halus atau secara kasar, secara tersembunyi atau secara terselindung sehingga sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat panjang lagikah?

Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah: Hendak kira panjang banyak juga. Saya belum lagi bercakap tentang bahasa kebangsaan.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya sudah bagi masa lebih ya. Tolong bagi kerjasama sebab ada lebih kurang Ahli-Ahli Yang Berhormat 10 orang lagi turut berbahas.

Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah: Okey tidak mengapalah. Kalau begitu saya hendak *last point*. Saya hendak bercakap tentang kedudukan bahasa kebangsaan yang seperti saya katakan sangat memalukan dan memilukan. Banyak contoh yang saya berikan di sini termasuk ada orang-orang muda yang memanggil saya engkau, kamu. Sebahagian contoh daripada kegagalan penyebaran bahasa kebangsaan kita tetapi barangkali itu dapatlah dilakukan pada kesempatan lain. Sebaliknya Tuan Yang di-Pertua saya hanya ingin menarik perhatian kita semua kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia yang saya tahu bahawa hal ehwal agama adalah dalam urusan kerajaan negeri.

Akan tetapi secara spesifik apa yang saya hendak rujuk ialah saya minta diberi perhatian tentang tiga perkara:

- (i) Baru-baru ini telah diwujudkan satu persatuan yang diberi nama Majlis Masjid Malaysia, sebuah NGO yang pada pandangan saya patut mendapat bantuan daripada JAKIM;
- (ii) JAKIM sepatutnyalah memantau kegiatan-kegiatan dakwah dan ceramah-ceramah agama yang kadang-kadang counter productive di surau-surau dan di masjid-masjid. Ada yang penceramah-penceramah agama itu minta maaf dengan izin seperti seronok sendiri sahaja syok sendiri kata orang. Akan tetapi yang akhir mengenai masjid ini yang saya hendak rujuk ialah ada sebuah masjid di Melaka, Masjid Kampung Hulu kalau tidak salah saya. Masjid yang didirikan kira-kira 250 tahun yang lalu yang sekali gus menjadi tumpuan orang beribadat dan juga merupakan satu petanda sejarah yang patut dilestarikan. Akan tetapi

minggu lalu saya bersembahyang di sana selepas menghadiri kenduri anak sahabat kita Datuk Akbar Ali. Masjid itu papan-papan tandanya, papan-papan kenyataannya terkopek menandakan tidak diberikan perhatian. Kalau masjid yang mempunyai nilai sejarah seperti itu tidak diberi perhatian kita tidak tahu bagaimana nasib masjid-masjid lain.

Tuan Yang di-Pertua saya berjanji untuk mematuhi arahan Tuan Yang di-Pertua. Walaupun dengan rasa yang terkilan saya mintalah boleh tidak satu minit lagi. Saya minta supaya usaha-usaha dilakukan untuk memperkasa dan meremajakan kembali gerakan- minta maaf. Saya mencadangkan supaya langkah-langkah dan tindakan memperkasa bahasa kebangsaan dirancang dan diremajakan kembali, digerakkan dengan sungguh-sungguh untuk mencapai lima matlamat. Selepas membaca lima matlamat ini saya akan duduk:

- (i) Menjadikan bahasa Melayu itu sebagai bahasa perpaduan yang benar-benar menepati semangat dan slogan “Bahasa Jiwa Bangsa”;
- (ii) menjadikan bahasa Melayu itu sebagai bahasa komunikasi yang berkesan pada setiap strata sosial dan dalam semua bidang kehidupan;
- (iii) menjadikan bahasa Melayu itu sebagai bahasa ilmu dan bahasa ucapan budaya tinggi;
- (iv) menjadikan bahasa Melayu itu sebagai bahasa moden yang lengkap dapat menggarap konsep-konsep abstrak dan canggih; dan
- (v) menjadikan bahasa Melayu itu sebagai bahasa persuratan atau bahasa sastera yang bermutu, bersih daripada pencemaran, loghat dan nahu.

Saya tahu masa mencemburui saya walaupun bahan-bahan disediakan masih ada tetapi demi mematuhi perintah Tuan Yang di-Pertua saya mengucapkan terima kasih. Segala sukacita menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Tuan Lee Cheam Choon.

12.36 tgh.

Tuan Lee Cheam Choon: *Assalamualaikum* dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Bajet 2011 ini. Bajet ini penting kerana ia adalah tahun pertama pelaksanaan RMKe-10 (Rancangan Malaysia Kesepuluh) dan ia akan menjadi batu loncatan kepada kejayaan pelaksanaan ini. Inisiatif-inisiatif kerajaan yang lain seperti ETP, GTP, NKRA, NKEA, SRI dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua saya ingin menyentuh mengenai isu pertanian terutamanya mengenai tanah-tanah terbiar di negara kita. Kita sedia maklum bahawa hal-hal ehwal tanah berada di bawah kuasa kerajaan-kerajaan negeri. Akan tetapi sekiranya kita hanya membiarkan

sahaja tanah-tanah ini terbiar tanpa diuruskan ini merupakan satu kerugian besar kepada negara. Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, jumlah import bahan-bahan makanan pada tahun 2005 adalah RM17.7 bilion. Pada tahun 2006 RM19.9 bilion, pada 2007 maka lebih tinggi lagi RM23.3 bilion, 2008 RM27.8 bilion dan enam bulan pertama pada 2009 adalah RM12.8 bilion.

Jelas sekali dengan statistik itu, jumlah import bahan makanan ini meningkat setiap tahun. Sungguhpun demikian tahap sara diri komoditi makanan bagi negara kita pada 2009 adalah baik bagi setengah kategori makanan seperti daging ayam yang mempunyai tahap sedari melebihi 100% iaitu kira-kira 117%. Begitu juga telur ayam yang mempunyai tahap sedari sebanyak 125%. Walau bagaimanapun tahap sedari bagi sayur-sayuran dan buah-buahan masih lagi tidak mencapai 100% iaitu buah-buahan hanya 64.6%. Manakala sayur-sayuran adalah lebih rendah lagi iaitu pada 47%. Tahap sedari beras negara pada tahun 2009 hanya 68.7%.

Tuan Yang di-Pertua kita adalah sebuah negara yang bertuah kerana mempunyai tanah-tanah yang subur, yang boleh mendatangkan hasil yang lumayan sekiranya diusahakan dengan bersungguh-sungguh. Malangnya kita tidak bersungguh-sungguh mengusahakannya tanah-tanah yang subur ini untuk meningkatkan tahap sedari kita terutamanya tahap sedari komoditi makanan. Sekiranya kita mengoptimumkan penggunaan tanah-tanah yang ada di negara ini kita bukan sahaja boleh meningkatkan tahap sedari komoditi makanan. Akan tetapi kita juga boleh menjadi pengeksport komoditi makanan yang akan menyumbang kepada pendapatan negara dan meningkatkan pendapatan rakyat secara keseluruhan.

Menurut perangkaan agro makanan 2009 yang dikeluarkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani jumlah eksport bahan makanan negara pada 2005 adalah RM10.6, 2006 adalah RM11.4 bilion, 2007 RM13.7 bilion dan 2008 RM17.7 bilion.

■1240

Manakala enam bulan pertama 2009 adalah kira-kira RM7.6 bilion. Jumlah ini adalah jauh lebih rendah daripada jumlah import bahan-bahan makanan yang saya nyatakan awal tadi. Dengan kata lain imbalan perdagangan bahan makanan negara kita mencatat imbalan defisit sejak lebih lima tahun yang lalu. Oleh yang demikian saya ingin meminta penjelasan kementerian apakah usaha-usaha terkini kementerian dalam meningkatkan pengeluaran bahan makanan negara.

Dalam situasi di mana keadaan cuaca dan iklim global yang semakin tidak menentu, saya berpendapat bahawa usaha untuk meningkatkan pengeluaran bahan makanan atau dengan kata lain, jaminan bekalan makanan atau *food security* menjadi amat penting. Kita sudah pun melihat kesan yang ketara kepada negara kita pada tahun 2008 apabila bekalan beras negara terjejas teruk kerana faktor cuaca dan sebagainya yang memaksa kita untuk mengimport beras melebihi 2.7 juta tan metrik pada tahun tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, mengusahakan tanah-tanah terbiar merupakan satu inisiatif yang perlu kita beri perhatian yang serius sebagaimana yang saya nyatakan awal tadi. Sungguhpun kita sedar bahawa hal ehwal tanah berada di bawah kuasa kerajaan-kerajaan negeri, saya dimaklumkan bahawa Kementerian telah pun melaksanakan inisiatif untuk mengenal pasti tanah-tanah terbiar di seluruh negara dan berusaha supaya tanah-tanah terbiar diusahakan.

Oleh yang demikian saya memohon perincian mengenai inisiatif-inisiatif yang dijalankan oleh Kementerian untuk memulihkan tanah-tanah terbiar ini dan hasil yang telah dicapai setakat ini. Adakah Kementerian telah berunding dengan kerajaan-kerajaan negeri untuk memastikan bahawa tanah-tanah terbiar ini boleh dipulihkan secara berkesan. Saya juga ingin meminta penjelasan sekiranya mereka yang berminat yang mengerjakan tanah-tanah terbiar, agensi manakah yang perlu dihubungi dan apakah bentuk-bentuk bantuan yang boleh diberi kepada mereka yang berminat untuk mengusahakan tanah-tanah terbiar tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang seterusnya ingin saya sentuh adalah mengenai penternakan khinzir. Saya lebih suka menggunakan perkataan khinzir daripada babi secara berkelompok. Jika kita selidiki statistik pengeluaran daging tempatan. Pengeluaran daging khinzir ini adalah kira-kira 190 tan metrik pada tahun 2009 iaitu yang melibatkan populasi khinzir sebanyak 1.7 juta ekor di seluruh negara. Negeri-negeri yang paling banyak populasi khinzir adalah negeri Perak sebanyak 492,515 ekor. Pulau Pinang 318,005 ekor, Johor 288,295 ekor dan Selangor 246,669 ekor, Melaka pula mempunyai populasi khinzir sebanyak 53,798 ekor. Tahap sedari daging khinzir di negara ini pada tahun lepas adalah kira-kira 97% iaitu hampir mencapai tahap sedari 100%.

Tuan Yang di-Pertua, penternakan khinzir secara berkelompok dilihat sebagai satu cara terbaik untuk memastikan bahawa penternakan khinzir ini tidak mendatangkan masalah kepada persekitaran amnya dan penduduk setempat khususnya. Malangnya setakat hari ini ada sepanjang pengetahuan saya belum ada negeri-negeri di Malaysia yang benar-benar serius untuk melaksanakan penternakan khinzir secara berkelompok.

Saya ingin mendapatkan penjelasan Kementerian mengenai pendirian Kerajaan Pusat dalam pelaksanaan penternakan khinzir secara berkelompok. Adakah Kementerian mempunyai strategi jangka panjang untuk mewujudkan penternakan khinzir secara berkelompok dan adakah Kementerian menyediakan bantuan-bantuan khususnya untuk penternak-penternak khinzir ini.

Saya membangkitkan hal ini kerana industri penternakan khinzir ini boleh menyumbang kepada pendapatan negara melalui pengeksporan daging-daging khinzir ke negara-negara luar memandangkan tahap sedari daging khinzir negara kita telah mencapai hampir ke 100%. Lebihan pengeluaran daging khinzir ini boleh dieksport ke luar negara dan kita tidak lagi perlu mengimport daging-daging khinzir ini pada masa-masa akan datang.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, ingin saya ambil sedikit masa untuk menyentuh berkenaan Sijil Pemeriksaan Bersama iaitu Unified Examination Certificate (UEC) dengan izin.

Sijil Pemeriksaan Bersama iaitu Unified Examination Certificate (UEC) merupakan pemeriksaan piawai bagi pelajar sekolah tinggi persendirian Cina. Tung Chung United Chinese School Committee Association dengan izin dan Jiao Zong United Chinese School Teacher Association telah mengendali dan melaksanakan pemeriksaan sijil UEC itu iaitu sebuah pemeriksaan yang setaraf dengan STPM sejak tahun 1975.

UEC telah diakui sebagai kelayakan kemasukan banyak universiti terkenal luar negara seperti Singapura, Australia, Taiwan, negeri China, sesetengah negara di Eropah dan kebanyakan kolej persendirian di Malaysia. Akan tetapi masih tidak diakui oleh kerajaan Malaysia sebagai kelayakan kemasukan ke universiti-universiti awam Malaysia. Namun yang demikian 50 orang yang berkelulusan UEC telah berpeluang melanjutkan pengajian tinggi bagi sesi kemasukan tahun ini telah dianugerahkan biasiswa oleh 1Malaysia Development Berhad iaitu sebuah syarikat pembangunan strategik milik kerajaan di mana setiap penerima diberi biasiswa bernilai RM45,000 seorang tanpa sebarang ikatan selepas tamat pengajian.

Datuk Akbar bin Ali: Mohon mencelah.

Tuan Lee Cheam Choon: Biar saya habiskan, saya panjang Datuk. Sama-sama dari Melaka, di luar kita bercerita. Kelulusan juga telah diberikan untuk mengizinkan pemegang sijil UEC menyertai Institut Latihan Perguruan dan ini sudah tentu dapat banyak membantu meringankan masalah kekurangan guru di sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina dengan di antara syarikat yang dikenakan adalah kredit SPM dalam bahasa Malaysia. Pinjaman PTPTN juga telah dipanjangkan kepada pelajar-pelajar yang berjaya memperoleh sijil UEC untuk mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi.

Pada tahun ini tawaran biasiswa Persekutuan telah ditawarkan kepada semua pelajar yang memperoleh keputusan 9A+ dalam peperiksaan SPM tanpa mengira latar belakang kaum. Bilangan pelajar Cina yang mendapat biasiswa adalah seramai 1,550 orang pada tahun ini. Di samping itu juga 92% daripada pelajar-pelajar keturunan Cina yang memohon untuk memasuki institut pengajian tinggi awam telah berjaya memperoleh tempat iaitu satu rekod dan yang tertinggi dalam sejarah. Dengan tindakan-tindakan yang diambil oleh pihak kerajaan ini diharapkan pada masa hadapan akan lebih banyak pertimbangan diberikan kepada lepasan UEC bagi melahirkan lebih ramai generasi pelapis yang berkebolehan serta dapat menyumbang semula kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya dan sebagai akhirnya ingin saya ambil sedikit masa lagi untuk menyentuh isu-isu di bawah tanggungjawab Kementerian Dalam Negeri. Tuan Yang di-Pertua, masalah utama negara dari segi keselamatan kini adalah di antaranya dadah, pendatang tanpa izin, jenayah yang dilakukan oleh warga asing, ancaman yang berbentuk keganasan atau militan.

Penyebab utama kedatangan ramai warga asing ke Malaysia adalah kerana faktor ekonomi, kestabilan politik, pelancongan dan juga kerana pelajaran. Kerajaan dalam mengalu-alukan kedatangan pelancong dengan secara tidak langsung telah membuka ruang di mana pelancong telah menyalahgunakan kebebasan yang telah diberikan sebagai pelancong. Mereka dari negara ekonomi kurang baik dengan berani telah menyusup untuk tinggal terus di negara ini terutama pelancong dari Vietnam, negara China, Thailand dan beberapa buah negara Afrika Latin untuk menyara kehidupan mereka. China *doll* memperdagangkan diri. Walaupun ditangkap dan dihantar pulang mereka kemudian datang kembali. Apakah maksud datang kembali ini?

Ini bermakna longgarnya undang-undang kita dan sistem preventif yang tidak berkesan. Salah siapa? Pihak berkuasa secara berterusan berusaha membanteras kegiatan dan salah laku mereka sama ada di bawah Akta Imigresen, Akta Pasport mahupun Akta Anti Perdagangan Orang. Namun kesan kejayaan masih boleh dipersoalkan. Rakyat tempatan berasa bimbang kerana isu sosial jika tidak ditangani segera akan menjadi barah dalam negara dan tidak mustahil boleh meruntuhkan institusi sebuah negara.

Tuan Yang di-Pertua, persoalannya ialah apakah masalah yang dihadapi oleh badan-badan yang bertanggungjawab dalam membanteras kegiatan yang tidak bermoral ini. Berapa banyakkah yang rakyat perlu tanggung musibah yang didatangkan oleh mereka ini? Apakah cukai yang dibayar oleh rakyat Malaysia ini bertujuan untuk memberi makan kepada mereka semasa dalam tahanan di kem-kem yang dibina oleh kerajaan yang menelan belanja berjuta-juta ringgit? Berapa ramai lagi wanita dan lelaki remaja kita yang menjadi keldai dadah? Berapa ramai lagi yang akan menjadi mangsa sindiket *Nigeria's camp* dalam *money laundering* dengan izin.

Walaupun agama yang ada di Malaysia mengajak melakukan yang baik tetapi fitrah manusia yang sentiasa tamak akan membuka ruang kepada perlakuan jenayah dan apakah nilai moral telah terhakis di kalangan rakyat Malaysia. Bagaimanakah untuk mencari wanita Cina yang tinggal tanpa permit di negara ini di kalangan rakyat Malaysia wanita yang berketurunan Cina. Malaysia polisi *smile and you are welcome to Malaysia* dengan izin telah menjadi buah mulut di kalangan pendatang dan mereka berani kerana mungkin rakyat Malaysia terlalu senyum. Mereka beranggapan orang Malaysia sentiasa baik dan sikap tidak mengapa di kalangan kita jugalah yang menjadi punca kepada masalah yang kita hadapi kini.

Kempen yang pelbagai dari pihak kerajaan nampaknya kurang memberangsangkan untuk mencapai kejayaan. Apakah dengan memindahkan pegawai Imigresen dan memastikan pegawai-pegawai menyerahkan telefon bimbit, mempunyai wang RM30 dalam poket atau saku semasa bertugas boleh menjamin yang mereka tidak akan melakukan perkara yang bercanggah dengan urusan kerajaan. Kejahatan boleh dan biasa dilakukan di malam hari. Kalau tidak kanun keseksaan panel kod sudah tentu tidak mengelaskan jenayah dilakukan di malam hari dan jenayah yang dilakukan di siang hari.

Apakah *solution* atau rumusan yang boleh kita lakukan untuk memastikan negara kita bebas dari sebarang anasir yang negatif yang berkaitan dengan dadah musuh negara. PATI menyumbang kadar jenayah. Warga Afrika yang terkenal dengan penipuan *money laundering*, pelancong wanita yang menjadi pendatang haram dan memperdagangkan diri serta ancaman keganasan atau militan kerana faktor agama.

Tuan Yang di-Pertua, mungkinkah dengan cara ini membolehkan atau membuahkan kejayaan dalam menangani masalah iaitu:

- (i) *increase penalty to maximum* dan bentuk kewangan dan tahun hukuman;
- (ii) *force labor* ataupun *concentration camp* semacam yang berlaku pada zaman Jepun yang menakluk Malaysia dahulu tetapi kenalah dilakukan secara *subtle* supaya mana-mana badan antarabangsa mahupun tempatan tidak ada ruang mempersoalkan tindakan yang dibuat oleh pihak kerajaan.

Buat seperti apa yang telah dilakukan oleh negara jiran kita Singapura tangkap dan terus jatuhkan hukuman sebat. *Send the clear message, so that many will think about committing any wrong when entering country.* Rampas harta mereka jika ada walaupun sedikit. Jika mereka dilindungi oleh kaum keluarga mereka yang telah pun mendapat kebenaran tinggal di Malaysia maka PATI dan perlindungan mereka perlu diarah keluar dari Malaysia tanah air. Operasi Bersepadu (OPS) yang dijalankan kini hendaklah dikemas kini dan tidak ada pegawai yang terlibat membocorkan rancangan kerana wang dalam pembanterasannya dan jika terdapat pegawai yang telah melakukan pembocoran rahsia pegawai sebegini hendaklah ditahan dan dibuang kerja.

Bukan lagi diambil tindakan disiplin. Pegawai ini hendaklah dianggap sebagai pengkhianat negara. Pegawai tinggi hendaklah sentiasa peka dengan perlakuan dan nilai moral kakitangan di bawah jagaan mereka. Pegawai tinggi yang *empathy* boleh dengan secara tidak langsung menerima keyakinan dan kepercayaan dari anak buah ataupun pegawai rendah di bawah jagaan mereka.

Pihak kerajaan telah menarik balik kemudahan VOA (Visa on Arrival) dan diganti dengan VFS (Visa Facilitation Services). Perkataan *facilitate* itulah yang akan mendatangkan masalah kerana ia akan *facilitate* secara negatif dan pelaku mungkin akan dilakukan oleh orang yang diberi kepercayaan. Apakah sebenarnya yang dimaksudkan sebagai *proof of concept* ini? *Proof that I can enter easily once I'm in should be okay. Then the cycle starts all over again back to square one* PATI.

Sedikit lagi ya. Sementara mereka yang terlibat dengan isu keganasan kerajaan hendaklah bertindak nekad dengan memusnahkan sel iaitu link ataupun *network* pelaku dan memastikan saluran-saluran keganasan dihapuskan terutama aset mereka termasuk senjata dan tempat tinggal. Internal Security Act tahun 1960, hendaklah diperkemas kini dengan memasukkan ciri-ciri setanding dengan akta-akta *anti territory* dari negara-negara lain.

Akhirnya paling utama kita rakyat Malaysia mestilah memperbetulkan sikap dan pandangan kepada masalah negara yang bukan ditinggalkan kepada kumpulan-kumpulan tertentu untuk menanganinya dan dengan kata-kata itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Lee Cheam Choon: Terlupa bagi salam.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat saya puji ya pandai menjaga masa. Tinggal satu minit sahaja lagi. *[Ketawa]* Nanti jam 2.30 diminta Yang Berhormat Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad bersedia ya mesti ada dalam Dewan.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Saya mohon Tuan Yang di-Pertua kalau boleh saya berucap dahulu daripada Yang Berhormat Tuan Mohd. Khalid sebab saya hendak...

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh bincang di luar nanti masa makan.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Ini hendak habiskan masa satu minit ini. Sudah habis belum?

Timbalan Yang di-Pertua: Oleh sebab kita sudah susun atur di sini. Jadi boleh bincang ya. Nanti minta dengan Yang Berhormat Tuan Mohd. Khalid.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang nanti. Terima kasih.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kita sambung perbahasan kita, Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Dato' Hj. Idris bin Hj. Buang. Silakan.

2.30 ptg.

Dato' Hj. Idris bin Hj. Buang: Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana membenarkan saya turut serta dalam membahaskan Bajet 2011 iaitu rang undang-undang yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita di Dewan Rakyat tempoh hari, seterusnya sekarang di Dewan Negara.

Bagi pihak rakyat Sarawak saya juga ingin seperti Yang Berhormat rakan saya. Senator Dayang Madinah ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerajaan pusat dipimpin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana memberi peruntukan yang besar untuk Sarawak memandangkan Sarawak sekarang ini di dalam *cross road* dengan izin pembangunan pesat yang dijanakan oleh program SCORE.

Dijangka di dalam masa 20 tahun ini hingga 2030, kira-kira RM300 bilion nilai pelaburan akan dibuat di Sarawak yang boleh juga memberi peluang sehingga 1.6 juta peluang pekerjaan. Sarawak dan Sabah diberi peruntukan RM2.1 bilion untuk infrastruktur khususnya dan juga

bekalan air bersih, elektrik dan keperluan asas yang lain. Ini sangat dialu-alukan kerana rakyat Sarawak dan juga Sabah terlalu terpencil kebanyakannya di daerah-daerah dan kampung-kampung, desa-desa yang susah hendak dikaitkan dengan pembangunan induk. Jadi dengan adanya *infra* yang baik maka dapatlah rangkaian pembangunan itu dapat diperluaskan kepada mereka dan seterusnya meningkatkan taraf hidup rakyat di sana.

SCORE seperti yang saya katakan tadi, adalah satu program yang akan mengubah nasib rakyat Sarawak khususnya, di mana anjakan paradigma akan berubah di segi ekonomi serta sosial dan lain-lainnya di mana rakyat Sarawak berpeluang menjadi warga model ekonomi yang boleh memberi mereka peluang untuk menjadi warga berpendapatan tinggi seperti mana rakyat-rakyat Malaysia yang lain juga. SCORE akan membawa nilai tambah yang lebih kepada Malaysia seterusnya. SCORE akan juga menyaksikan penjana kuasa elektrik yang bertambah dan *insya-Allah* satu hari nanti Sarawak akan boleh memberi bekalan kuasa hingga ke Semenanjung jika perlu dan juga hingga ke rantau Asia Tenggara termasuk Brunei, Kalimantan dan sekitarnya.

Saya ingin beralih pula pada, ada teguran daripada Ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini yang membandingkan beberapa negara lain dengan Malaysia khususnya Singapura, kalau dibandingkan di Malaysia. Jikalau kita ingat sejarah, pada tahun 1965, Singapura keluar daripada Malaysia. Pada masa itu, Singapura mempunyai ekonomi yang begitu baik. mereka mempunyai GDP *growth* dengan izin, yang *double digit*, dua angka. Ini kerana mereka, Singapura itu adalah satu *entrepreneur*, satu negeri di mana kepesatan lalu lintas perkapalan dunia yang membawa barang-barang seluruh dunia, daripada timur ke barat, selatan ke utara dan sebaliknya. Mereka berpeluang untuk berinteraksi dengan komuniti perdagangan dunia bukan macam Malaysia. Malaysia pada ketika itu pun tidak ada Port Klang dan sebagainya tidak ada peluang macam itu. Jadi oleh kerana itu, saya ingin hendak tekankan, kita tidak boleh bandingkan Malaysia dan Singapura secara *apple to apple*.

Saya mohon untuk *bid to defer* dengan izin, mohon tidak bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat yang berkenaan kerana tanah ataupun *the ground* di Singapura tidak sama ratanya dengan kita di Malaysia. Di Singapura pada 1965 itu, 90% daripada warga mereka adalah warga yang boleh dikatakan kaya padahal di Malaysia boleh diambil secara umum 90% warga kita adalah miskin dan tidak kurang separuh daripada itu adalah miskin tegar. Hanya mungkin 10% sahaja warga kita yang boleh kata ada berpendapatan.

■1440

Pada masa itu pun negara kita tidak terdedah dengan perniagaan di peringkat dunia yang begitu pesat seperti Singapura. Kita mempunyai lombong timah, ladang getah tetapi hasilnya maksudnya terpaut dengan peniaga di Eropah khususnya daripada Britain. Jadi hasil secara langsung kepada rakyat kita mungkin hanya menerusi kutipan *tax* dan sebagainya

ataupun pekerjaan sikit-sikit. Sebenarnya yang untung adalah syarikat asing yang bertapak di sini.

Kalau kita imbas lagi, Singapura pada 1965 juga begitu kukuh keadaannya. Saya rasa bila isu tertentu ditimbulkan pada masa itu yang membawa Dewan Rakyat pada masa itu kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang pertama kita Allahyarham Tunku Abdul Rahman untuk membiarkan Singapura meninggalkan Malaysia. Sebenarnya sebab rasa saya ialah Singapura tidak mahu bersama kita langsung pada masa itu kerana Malaysia mempunyai beban begitu banyak.

Saya sebagai rakyat Sarawak, ada janji Singapura kepada rakyat Sabah pada masa itu untuk menolong orang-orang yang ke belakang dari segi ekonomi dan taraf hidup tetapi mereka tidak dapat tunaikan. Tidak apa, saya bagi pihak anak-anak Sarawak bersyukur dan berterima kasih kepada Allahyarham Yang Amat Berhormat Tunku Abdul Rahman yang sudi bersama-sama pemimpin terdahulu hingga sekarang ini bersatu hati membawa kita daripada arus dan cabaran yang begitu pesat, hebat dan pedih untuk kita sama-sama lalui. Kita sama seperti kata orang *sing and swim together* hingga akhirnya.

Singapura tidak ada beban untuk menjaga orang bumiputera, orang yang tidak mempunyai ekuiti yang banyak, tidak mempunyai kuasa ekonomi, tidak mempunyai pelajaran yang tinggi, taraf literasi begitu rendah pada ketika itu sehinggalah sekarang. Jadi kita tidak boleh ukur *apple to apple* dengan izin Singapura dengan kita. Kita harus lihat pembangunan daripada awal sehingga sekarang ini dapat betapa banyak kita telah berubah. Betapa banyak kita telah membawa kejayaan untuk rakyat kita, terima kasih dan syabas pada kerajaan yang terdahulu yang sama juga seperti yang sekarang. Terima kasih kerana sekarang ini daripada 70% hingga 80% di Sarawak – kemiskinan itu dikurangkan sekitar 4% atau kurang daripada itu. ini adalah kejayaan yang kita semadi dan tidak boleh orang-orang hendak ubahkan.

Singapura *in their own right* dengan izin telah maju dengan pesat, mereka tidak ada beban, mereka dapat *concentrate* ekonomi mereka hingga mereka menjadi sebuah ekonomi yang terbaik di dunia, mereka adalah *entre port* yang paling sibuk di Malaysia. Ini diiktiraf oleh bank-bank atau *merchant bank* di seluruh dunia. *In their own rights - yes* tetapi mereka tidak ada beban macam kita. Kita mempunyai beban, *inherited* daripada awal semasa British menyerahkan kepada kita – kita sudah ada beban itu, kita ada *handicapped* – kalau boleh digunakan perkataan itu dengan izin.

Jadi saya meminta Yang Berhormat Ahli Dewan Negara yang berkenaan itu mengkaji balikkah, janganlah memuji sangat Singapura itu sampai menghina negara kita sendiri. Kita harus beri pujian kepada di mana kerajaan telah ditempah oleh usaha pemimpin-pemimpin kita yang ada sekarang. Sekarang, dewasa ini sejak peralihan kuasa pada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sekarang, yang amat dikasihi Dato' Sri Najib, masyarakat dunia telah memandangi Malaysia dengan kaca mata yang berbeza sedikit daripada dulu - secara lebih positif. Ini dapat

diterjemahkan oleh adanya potensi perkembangan ekonomi yang baik. Belum lagi habis tahun ini tadi semasa pembentangan bajet, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyemak balik kadar pertumbuhan kita kepada 7%, tahun lepas kita tersungkur sedikit di bawah paras minus 1.7% ia punya kadar pertumbuhan dengan izin.

Ini disebabkan seluruh dunia mengalami kemelesetan disebabkan *recession*, seluruh dunia dan Singapura dan Thailand tidak berkecuali tetapi oleh sebab kewibawaan pemimpin kita dan kerajaan yang bertanggungjawab seperti Barisan Nasional ini, kita dapat mengatasi *recession* dan kemelesetan itu dengan cara-cara yang begitu bersepadu dan sistematik, beberapa stimulus diketengahkan – kita dapat bertahan sehingga sekarang ini, kaca mata pun sudah tukar, masyarakat dunia serta masyarakat perniagaan memfokuskan kepada Malaysia dan selalu memuji dasar-dasar yang baik. Dasar yang membawa kepada GTP dan ETP iaitu Government Transformation Program, Economic Transformation Program dengan izin amat dialu-alukan.

Ini menunjukkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita membawa saf-saf baru dengan cara yang baru serta lebih fokus, sangat profesional, sangat berwibawa di mana apa jua *movement* dengan izin, pergerakan apa jua dari segi ekonomi dan sosial dapat dikesan dengan baik. Jikalau ada perkara-perkara negatif dapat diatasi dengan cepat. Inilah kesan cara inovatif yang dibawa oleh kepimpinan yang baru.

Saya ingin mengutuk WikiLeaks yang kononnya mengutuk kenyataan ini yang ada dalam WikiLeaks ini yang ada berbau sinis tentang kepimpinan kita. Tidak hairanlah mungkin kenyataan itu adalah berunsur-unsur atau cara-cara strategi orang-orang berkenaan yang bukan ada berkenaan dengan kita cuba untuk menghukum Malaysia, menghina Malaysia supaya saingan lebih berpihak kepada mereka. Saya dengan sekeras-kerasnya mengutuk kenyataan ini dan saya harap dan saya setuju – saya rasalah Yang Berhormat Ahli Dewan yang mulia ini juga setuju. Masa akan menunjuk kepada kita bahawa kenyataan yang dibuat itu adalah kenyataan yang sinis, yang mempunyai agenda tersendiri.

Kita dengan strategi dengan program GTP serta ETP kita akan terus mara dan *insya-Allah* di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh kita akan menyaksikan pertambahan serta pertumbuhan begitu pesat. Kira-kira tiga juta peluang pekerjaan akan ditubuhkan serta diwujudkan, ini akan membawa saya kepada perkara lain iaitu jikalau ada tiga juta lebih peluang pekerjaan di sini dan Sarawak SCORE ada lebih sejuta peluang pekerjaan akan wujud. Maka, timbul persoalan di mana kita hendak dapatkan tenaga kerja ini?

■1450

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat ada empat minit lagi. Cuba *go to the point*. Saya percaya banyak Yang Berhormat sudah bercakap.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Jadi, oleh sebab itu Akta Imigresen kita haruslah diperketat supaya kita tidak terserempak, tidak sesat dan terperangkap di dalam kesesakan yang

dibawa oleh *influx of immigration or immigrant workers* dengan izin. Saya harap pihak yang berkenaan mengkaji semula sebaik-baiknya Akta Imigresen ini supaya tidak sewenang-wenangnya orang datang di sini bekerja yang tanpa izin atau dengan izin tetapi menyalahgunakan keadaan mereka dan kondisi-kondisi visa mereka dan sebagainya.

Saya ingin menyentuh satu lagi kenyataan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat Dewan Negara kita di London bersama dengan Ketua Pembangkang di Dewan Rakyat Dato' Seri Anwar Ibrahim dan juga seorang Ahli Yang Berhormat daripada Batu. Satu daripada ceramah yang dibuat olehnya di sebuah universiti di mana ada khalayak yang berbagai-bagai rupa, berbagai-bagai kaum.

Dia katakan "*Our judiciary is the best*". Dia *joke* lah, *it is a joke*. "*Our judiciary is the best that money can buy*". Dahulu Yang Berhormat yang sama berkata "*Our police force, the best money can buy*". Saya hendak menuntut di sini kepada Yang Berhormat tersebut untuk memohon maaf. Kalau tidak, haruslah mengambil tindakan terhadapnya. Pihak *judiciary* dengan sendirinya mempunyai *inherent powers* dengan izin untuk bertindak. Ini adalah satu perkara yang boleh dikatakan menghina mahkamah, menghina *judiciary*. Mereka mempunyai *inherent power* supaya yang menghina itu dihukum, dibawa ke hadapan mereka. Tidak bolehlah kita berkata "*Judiciary is the best, that money can buy*" *It is a joke*.

Kedua, dia katakan kes Dato' Seri Anwar Ibrahim ini adalah satu kes yang dibuat-buat. Dia cakap *the very word* dia cakap. Dengan izin "*Not a shred the of evidence*" dalam kes liwat Dato' Seri Anwar Ibrahim, yang sekarang ini. Jadi, saya hendak katakan kepada Ahli Yang Berhormat yang berkenaan, Ahli Yang Berhormat bekas seorang Hakim Mahkamah Rayuan. Tidak baik lah kalau kita menghina sistem kehakiman kita sendiri. Seorang hakim atau pun bekas hakim tidak akan mengeluarkan kata-kata begitu.

Tiap-tiap kes hendaklah diketengahkan di dalam mahkamah dan dibuktikan dengan standard *beyond reasonable doubt*. Barulah dapat dihakimi. Tiap-tiap bukti akan di *test*, diuji kesahihannya, kekuatannya. *It must be tested and matched with other evidence* dengan izin. Tidak bolehlah ianya diterima begitu sahaja. *So*, kes seperti begini tidak boleh kita *pre-empt* atau dahulukan dengan *pre-judgment* dengan izin iaitu hendak di - *shred of evidence*.

Ini adalah satu penghinaan kepada mahkamah juga. Saya rasa Ahli Yang Berhormat sedemikian, saya tidak tahu lah sama ada ini telah melanggar satu hak dan keistimewaan Ahli Dewan untuk bercakap di luar. Ini yang dibuat di London macam satu *road show*. Seolah-olah ini memberi bayangan kepada masyarakat dunia sistem kehakiman kita di sini adalah kangaroo seperti mana mereka buat di Dewan Rakyat hari ini, dia sebut kangaroo. Entah, kita bukan kangaroo. Untuk menunjukkan kita bukan kangaroo, mereka haruslah di bawa ke muka pengadilan. Sama ada di mahkamah, sama ada di Dewan ini bagi yang menjadi Ahli Dewan atau di Dewan sana sebagai pelanggaran hak keistimewaan.

Saya juga hendak tuntutan ini daripada Peguam Negara. Kalau tidak adalah laporan polis mengenai ini, ambillah ungkapan *Hansard* yang sebutkan ini sebagai laporan yang mereka boleh bertindak daripada itu sebagai satu cara untuk membawa mereka ke pengadilan yang sebenar-benarnya. Sebab undang-undang tidak boleh dipersendakan, peraturan pun tidak boleh dipersendakan. Mereka hanya memikir satu sahaja. Nama demokrasi yang, Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus sebutkan tadi. Mereka menekankan *the right to speak* sahaja dengan izin tetapi mereka lupa *the right to be hurt*.

From the other side pun perlu dengan izin, *try to be hurt*. Macam kes yang berlaku sekarang ini *the right to be hurt* belum lagi. Maka, dilewat-lewatkan, dilengah-lengahkan prosedur dan prosesnya. Ini adalah satu cara yang demokratik. Tidak payahlah disebut tidak ada etika dan tidak berprinsip perundangan yang sebenarnya. Ini bagi saya adalah satu penghinaan kepada keadilan itu sendiri. Jadi, untuk seorang yang mengatakan mereka memperjuangkan keadilan, menghina sistem keadilan itu sendiri adalah satu dosa yang tidak dapat...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh minta laluan sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Sila gulung Yang Berhormat kerana masa tidak mengizinkan. Beri peluang orang lain.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Okey. Selepas itu saya ingin menyentuh satu sahaja tentang pendidikan. RM64 bilion telah diperuntukkan untuk pendidikan dan RM213 juta adalah untuk membangunkan bahasa Inggeris, membawa pengajar daripada pihak luar untuk mengajar kita.

Saya sarankan pada pihak yang berwajib gunakanlah kesempatan ini untuk meningkatkan bahasa Inggeris anak-anak kita. Saya lihat baru-baru ini di Korea Selatan, penterjemah di sidang yang kami hadiri pada masa itu mereka membuat *translation* atau *interpretation* dengan izin secara *almost instantaneous* dengan izin di mana bahasa Inggeris yang mereka gunakan itu adalah bahasa yang boleh dikatakan begitu tinggi standard. Mereka muda-muda, hanya berumur atas 20-an sahaja. Lulusan kolej atau universiti.

Mereka bertutur bahasa Inggeris seolah-olah mereka lebih baik daripada orang di Amerika atau pun dari England. Mereka menggunakan bahasa *technical*, bahasa *finance* dan *economic* dengan izin, begitu baik sekali. Saya kagum dengan mereka. Bolehkah kita hantarkan orang-orang kita ke sana belajar daripada Korea, daripada Japan dan China.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, gulung Yang Berhormat.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Dengan kata-kata itu, saya ingin menyokong rang undang-undang ini. Saya ada *point-point* lain Tuan Yang di-Pertua tetapi mungkin saya menyelit-menyelit *insya-Allah* lain kali. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya mempersilakan Yang Berhormat Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad.

2.58 ptg.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk memberi ucapan perbahasan Rang Undang-undang Perbelanjaan 2011.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak yang telah membentangkan Belanjawan 2011 pada 15 Oktober yang lalu dengan baik dan berhemah. Terima kasih juga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang sempat menandatangani buku Parlimen 50 tahun pada saya walaupun saya tidak sempat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan dalam memberikan kebajikan kepada semua masyarakat telah berusaha memenuhi segala aspek keperluan rakyat semasa ada dari segi ekonomi, sosial, pelajaran, sains dan politik, kebebasan dan keamanan dalam mengamalkan agama dan tidak berkecuali dalam memberikan kebebasan bersuara.

Kebelakangan ini, negara kita telah berhadapan dengan beberapa peristiwa yang telah menyebabkan terputusnya hubungan di antara diplomatik dan menyebabkan kebarangkalian gangguan dalam usaha sama di antara negara-negara yang berurusan dengan Malaysia. Terkini, ialah persoalan mengenai pembocoran rahsia kerajaan melalui *WikiLeaks* di mana Malaysia tidak dikategori dalam saingan ini.

■1500

Kita boleh lihat perkara ini dari segi positifnya mendapat perhatian segera dalam urusan yang membangkitkan kerajaan di peringkat diplomat. Negatifnya kepercayaan dalam dunia diplomatik ini mungkin terhakis. Wallahualam.

Persoalan yang timbul ialah sejauh manakah kesannya terhadap hubungan diplomatik negara ini dengan negara lain. Apakah negara-negara ASEAN, misalnya, masih dan akan meneruskan prinsip *privatized democracy* kerana pendedahan dokumen rahsia bersifat satu serangan nekad. Persepsi atau tanggapan yang boleh menjatuhkan maruah sebuah negara kerana perilaku pegawainya. Kesan ekonomi kerana ia boleh membabitkan usaha kerajaan dalam memanggil FDI atau pelabur ke negara ini. Kesan sosial di antaranya, rakyat dari negara-negara tertentu boleh melabelkan satu-satu negara sebagai apa yang mereka suka.

Kesan politik di mana ia boleh mendatangkan ketidakstabilan di mana parti-parti politik dan ahli politik akan tuduh menuduh dan nafi menafikan, memfitnah di antara satu sama lain. Kenyataan seperti keadaan di negara-negara jiran, Malaysia adalah menguruskan dan berbahaya dan kemungkinan boleh berlaku konflik perkauman yang menyaksikan etnik Cina melarikan diri dari Malaysia dan membanjiri ke sebuah negara yang lain. Apakah kesannya sentimen sedemikian kepada negara dan kepimpinan negara? Ia secara tidak langsung mengamalkan kita tidak komitmen dan menggalakkan. perasaan kepada kehidupan tidak selesa di antara masyarakat majmuk di negara ini.

Serangan ke atas pejabat-pejabat duta di sesebuah negara yang kemudiannya akan melibatkan Cawangan Khas, SB ataupun PDRM walaupun ia adalah pada masa asalnya merupakan masalah Kementerian Luar Negeri Malaysia. Apakah dengan tertangkapnya orang yang mengeluarkan *Wikileaks* ini akan menenangkan keadaan kerana kerosakan telah pun berlaku? Bagaimanakah kita halang ataupun sekat, memindahkan hak berkomunikasi tidak mungkin boleh *discuss* sepenuhnya? Apa cara atau cadangan membetulkan perkara ini atau kejadian di dalam persoalan ini? Tidak mungkin kita akan berkata ia satu perkara yang tidak benar dan sengaja diadakan kerana ia adalah agenda dari pihak-pihak yang ada kepentingan.

Kesan yang paling dirasai kini ialah dalam memenangi agenda berkaitan dengan urusan KTM di Singapura dan sudah tentulah mereka yang terlibat dalam perjumpaan atau mesyuarat peringkat tertinggi kerajaan akan tidak selesa dan sedikit curiga di antara satu sama lain, sedangkan sebelum ini perjumpaan atau mesyuarat di peringkat tertinggi adalah dalam keadaan suasana harmoni dan sihat. Oleh itu, secara tidak langsung kerajaan haruslah mengambil iktibar daripada peristiwa ini dengan cara memastikan setiap maklumat hendaklah diperolehi dari sumber khususnya yang boleh dipercayai kepada pegawainya.

Kerajaan dan ada pegawainya hendaklah memastikan bahawa maklumat yang diperolehi adalah fakta semata-mata. Pastikan bahawa siasatan terperinci telah dilakukan untuk memasukkan fakta tepat dan benar. Kerajaan dan pegawai hendaklah memastikan bagaimana negara lain seperti di Eropah menjalankan tugas diplomatik mengikut tanda aras *diplomatic convention*. Pendedahan *WikiLeaks* merupakan sesuatu yang sensitif kepada banyak negara dan mereka telah mengambil beberapa langkah atau inisiatif dalam menangani masalah ini.

Di antaranya ialah memasang peralatan yang sesuai atau tertentu, perjumpaan yang agak sensitif hendaklah dalam jumlah yang kecil atau sedikit kehadiran pegawai, memotong akses di jabatan-jabatan yang berprofil tinggi, misalnya Kementerian Pertahanan dan PDRM ataupun KDN. Sebarang bentuk *internal lockdown* yang boleh dilakukan. Oleh itu, kita perlu belajar daripada peristiwa ini dan memastikan negara kita tidak dihuru-harakan oleh pihak-pihak tertentu yang mempunyai agenda tersendiri. Secara tidak langsung, pembongkaran ini membolehkan kita bertindak lebih baik di antara maklumat membolehkan kita membuat pemilihan sama ada mengetatkan hubungan di antara negara tertentu dan melonggarkan pula hubungan di negara lain.

Saya juga ingin tahu, adakah pihak kerajaan bercadang untuk mengadakan satu pusat latihan kepada pekerja-pekerja asing di negara yang kita ambil datang ke Malaysia supaya pekerja-pekerja asing yang datang ke Malaysia lebih peka dengan adat resam budaya di Malaysia, bahasa Malaysia, budaya dan juga tahu menggunakan peralatan-peralatan di perumahan di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, pencemaran sungai. Sungai ini adalah satu anugerah Allah. Itu yang sedia ada. Sungai yang dibuat oleh kerajaan adalah untuk menguruskan, untuk memberi

saliran air yang sempurna dan untuk kegunaan masyarakat ataupun rakyat. Isu pencemaran sungai tidak pernah berkurang di negara ini. Malahan di sesetengah kawasan, pencemaran sungai semakin serius dan isu yang telah banyak diperkatakan kebetulannya mangsa pencemaran masih berterusan walaupun untuk memulihkan sungai yang telah lama dilaksanakan dan pelbagai cara pencemaran telah pun dilakukan.

Apa masalah sebenar ialah menghalang kejayaan program pemulihan sungai di negara ini? Antara faktor kritikal kejayaan dan memaksimumkan efektif dan cepat dengan kos murah bagi mengatasinya. Adakah kerajaan bercadang untuk menukarkan keadaan, kaedah ataupun inisiatif mempunyai pencemaran sungai negara yang ketika ini masih dengan pendekatan serpihan dan prinsip ini skop di agensi sahaja menyebabkan berlakunya banyak pertindihan skop kerja antara pelbagai agensi.

Satu paradigma atau transformasi baru perlu diwujudkan bagi membolehkan pelaksanaan secara bersepadu pada peringkat tertinggi menyebabkan pelbagai kementerian yang cuma masih ada menerusi Majlis Sumber Air, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan nampaknya kurang aktif di dalam lebih menumpukan kepada isu berkaitan dengan sumber air untuk bekalan air mentah sahaja.

Keadaan sebegini telah banyak dilaksanakan di negara maju. Satu unit penyelarasan alam sekitar yang selaras dengan peranan EPU ataupun ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri di sesetengah negara, misalnya Lembaga Kemudahan Awam (PUB) diberi peranan dari segi pengurusan sumber air bersepadu merangkumi aspek sumber air. Peranan JPS dan kerajaan negeri dalam konteks Malaysia, bekalan air, jabatan atau perbadanan bekalan air di peringkat negeri. Kumbahan, JPP, penguatkuasaan, pembangunan tanah pada peringkat perbandaran PBT, menguruskan sisa pepejal PBT dan sisa air di Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat lagi satu orang Menteri pada tahun 1986. Menteri ini sudah lama dia jadi Menteri Pertanian. Dia telah kempen sungai kita, bagaimanakah cara sungai kita perlu bersih. Contohnya, di Kuala Lumpur ini – Datuk Rizuan tidak ada – Sungai Gombak atau Sungai Klang. Kalau Sungai Gombak itu, belakang PWTC, kita selalu jalan di situ nampak pemandangan bersih tetapi hari ini jangan pergilah ke sungai itu. Dahulu masa Menteri yang berkenaan, pada tahun 1986 sehingga tahun 1996, 10 tahun, Menteri ini memegang Menteri Pertanian telah berkempen sungai kita dengan bersih, dengan baiknya dan lepaskan ikan-ikan untuk air tawar.

Menteri ini telah kempen minum kelapa muda. Sampai hari ini kelapa muda dijual di merata tempat sehingga tidak dapat di Malaysia, kita ambil dari negara luar. Kempen makan ulam, banyak ulam di kedai-kedai. Kempen makan arnab dan pelbagai kempen, beruk, kera, apa semua, dengan padi tanam atas bumbung. Ini adalah satu kreatif kepada – hendak cakap pun tidak kena juga ini, sensitif pula. Akan tetapi walau bagaimanapun, mintalah seseorang membuat

perubahan di dalam kementerian ini seperti mana Menteri tahun 1986 hingga tahun 1996, 10 tahun.

■1510

Siapa Menteri itu? Tidak tahulah. Tengoklah. *[Disampuk]* Hendak tahu? Kalau hendak tahu, dia ialah Datuk Seri Sanusi Junid.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak mahu sebut nama, Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Minta maaf. Akan tetapi, hari ini kalau kita duduk dalam Dewan ini, kita duduk dalam pekan, kita tidak terasa, Tuan Yang di-Pertua. Kita duduk di kampung, kita terasa. Kita awal tahun itu kita keluar borang. Saya sudah cakap dalam Dewan pada bulan Jun dahulu. Kita keluarkan borang, isi borang melalui PBK, LPP, imam, JKK dan sebagainya. Namun, hari ini borang itu tidak tahu di mana.

SUBUR – apa SUBUR? Rakyat tertanya. Sudah setahun. Takkan tidak lengkap lagi, takkan tidak habis lagi. Ini satu perkara yang perlu diambil tindakan. Ini masalah rakyat. Pucuk pimpinan kita, Perdana Menteri kita cakap ke akar umbi, rakyat didahulukan. Ini didahulukan apa? Kita borang sudah hantar lama tetapi sampai hari ini tidak ada. Di kampung-kampung cakap perkara ini. Walaupun beras satu kampil – ini bukanlah hendak sekali bil. Kerajaan sudah janji, sudah bercakap, sudah buat pelancaran, tetapi sampai sekarang tidak ada apa-apa. Sila ambil tindakanlah kepada kementerian yang berkenaan.

Ketiga Tuan Yang di-Pertua, isu tenaga solar. Salah satu sumber penting pembangunan tenaga boleh diperbaharui adalah tenaga solar. Mengikut kajian, teknologi solar adalah lebih praktikal, menjimatkan kos dan masa berbanding dengan kaedah penyambungan grid yang diamalkan ketika ini. Namun, aplikasi tenaga solar di negara ini berada di tahap sangat rendah dan tidak menyeluruh, sedangkan dengan iklim negara ini, ianya berpotensi tinggi untuk dibangunkan. Tenaga solar boleh dimanfaatkan dalam pelbagai bidang terutama struktur perumahan dan pertanian. Penggunaannya dilaksanakan secara meluas tanpa mengira keadaan fizikal geografi terutamanya bagi kawasan luar bandar.

Pelbagai usaha telah dilakukan oleh kerajaan untuk membangunkan teknologi solar di negara ini. Malahan, Universiti Kebangsaan Malaysia telah diberi mandat oleh Kementerian Pengajian Tinggi untuk menubuhkan institusi penyelidikan khususnya untuk tenaga solar sejak tahun 2000 lagi. Begitu juga dengan inisiatif-inisiatif yang telah diberikan. Namun, penggunaan teknologi solar ini amat perlahan dan kurang popular bagi rakyat kita.

Persoalannya di sini, bagaimanakah usaha kerajaan untuk mendesak pelaksanaan penggunaan tenaga solar kepada rakyat? Melalui pengalaman yang ada, negara kita mempunyai kilang yang menghasilkan panel solar bermutu tinggi dan berkualiti untuk tujuan eksport. Malangnya, rakyat kita masih lagi terpaksa membayar harga yang tinggi untuk mendapatkan tenaga solar disebabkan harga untuk peralatan solar itu sahaja masih tinggi. Sebagai contoh,

jumlah kos tambahan antara RM25,000 hingga RM30,000 diperlukan bagi memasang panel solar di bumbung rumah negara ini.

Justeru itu, saya bercadang agar inisiatif tertentu harus diberi dan dipermudahkan kepada individu atau mana-mana pihak yang ingin menggunakan teknologi solar seperti memasang panel solar di rumah. Usaha pembangunan teknologi solar ini juga boleh dilakukan secara kolektif sama ada daripada kerajaan, pihak berkuasa tempatan ataupun pihak swasta. Antara usaha yang boleh dilakukan ialah memperkenalkan dasar yang jelas dan PBT boleh memberi insentif dalam bentuk pengurangan dari segi cukai pintu ataupun kediaman yang menggunakan tenaga solar.

Teknologi solar ini juga harus dilakukan dengan dimesrakan kepada masyarakat melalui penggunaannya terhadap barangan harian seperti pemanas air, lampu LED, lampu kecemasan dan sebagainya. Kaedah DIY (*do it yourself*) ini juga dipopularkan kepada rakyat melalui kursus bimbingan tertentu di peringkat masyarakat seperti di pusat-pusat komuniti, institusi kemahiran dan lain-lain. *Solar kit* untuk pendidikan seperti solar panel, *charge control*, *battery*, *DCAC*, *inverter*, kabel dan lain-lain juga perlu diperluaskan pasarannya di seluruh negara, di samping kerajaan dapat mengawal harganya.

Saya ingin pohon penjelasan. Sepanjang Rancangan Malaysia Kesembilan hingga sekarang, berapakah jumlah pelabur asing atau FDI yang telah melabur dalam sektor tenaga terutamanya bagi teknologi hijau di negara ini?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada satu minit lagi ya.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Ya, sedikit sahaja. Bab keselamatan jalan raya. Berdasarkan kajian Institut Penyelidikan Jalan Raya, terdapat tiga faktor utama yang menyumbang kepada berlakunya kemalangan jalan raya, dan faktor kelalaian manusia adalah tertinggi dengan menyumbang sebanyak 67%, faktor persekitaran 28% dan faktor kenderaan sebanyak 5%. Persoalannya adalah, untuk kementerian seterusnya dalam usaha membaiki tabiat memandu rakyat di negara ini, bagaimanakah kementerian akan memastikan setiap golongan yang dirancang akan berhasil memberi impak positif kepada sikap pemandu?

Selain daripada itu, kita minta PLUS ataupun Kementerian Kerja Raya mengkaji semula jalan-jalan atau permukaan jalan yang tidak rata di seluruh tempat yang mana terdapat kemalangan-kemalangan berlaku. Contohnya, saya di utara – ambil dari Gurun ke Alor Setar. Gurun ke Alor Setar selalunya berlaku kemalangan di simpang Pendang. Ini adalah disebabkan permukaan jalan yang kurang elok – *bumping*.

Selain daripada itu, cermin gelap. Cermin gelap ini Tuan Yang di-Pertua, kita nampak kebanyakan menggunakan cermin gelap. Cermin gelap boleh guna tetapi guna yang diiktiraf oleh JPJ ataupun diiktiraf oleh kerajaan. Ini tidak. Berlakunya kegelapan dalam sesebuah kenderaan – cukup gelap dan pernah berlaku. Akan tetapi ada satu tempat berlaku kekecohan yang mana remaja yang emak dan bapanya cari dia tidak jumpa. Dia lari dan bersembunyi di dalam

kenderaan – dalam van itu, tanpa diketahui orang ramai sebab gelap. Jadi ini adalah salah siapa? Salah pengguna, pekedai, pemborong dan sebagainya. Macam ayamlah – ayam dahulu ataupun telur dahulu? Jadi, minta kepada pihak kerajaan menegakkan penguatkuasaan cermin gelap ini.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Akhir sudah. Akhir sekali, saya akan menyokong Yang Berhormat Datin Nor Hayati yang mengatakan semalam peruntukan bagi Ahli Dewan Negara amat sedikit. Jadi, minta pihak Parlimen menimbang semula peruntukan-peruntukan yang diberi kepada Ahli-ahli Parlimen sebanyak 'RM200' untuk tiga tahun. Jadi minta pertimbangkanlah. Kita minta pertimbangkan. *[Disampuk]* Ya?

Beberapa Ahli: RM200,000.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Minta maaf, RM200,000. Jadi, minta dipertimbangkan daripada Parlimen supaya perkara ini dikaji semula. Kalau dibandingkan dengan Ahli-ahli Dewan Rakyat – kita pun di bawah Parlimen. Mereka di Dewan Rakyat di bawah Parlimen juga tetapi Dewan Rakyat dapat...

Seorang Ahli: RM1.5 juta.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Ha, itulah – banyaklah. Tidak payah saya sebutlah.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Selain itu Tuan Yang di-Pertua, elaun perbatuan. Elaun perbatuan hanya 70 sen bagi CC. Ini bukan untuk Ahli Dewan Negara dan Ahli Dewan Rakyat, tetapi untuk pegawai-pegawai kerajaan. Pegawai kerajaan ini gunakan CC lebih daripada hadnya tetapi masih 70 sen. Jadi makna – minyak naik harga tetapi elaun perbatuan masih setakat itu. Jadi ini untuk balas balik jasa pegawai-pegawai kerajaan, harap kerajaan pertimbangkanlah. Kemungkinan kerajaan pun terlepas pandang perkara ini. Jadi dengan itu, saya turut menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Paul Kong Sing Chu. Di samping itu, saya harap Yang Berhormat Dato' Muhammed Najeeb bersedia selepas Yang Berhormat Datuk Paul. Dipersilakan.

Sebelum itu, saya minta ada usul hendak dibentangkan. Tunggu sebentar Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Menteri.

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****3.19 ptg.**

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

"Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2011 peringkat dasar dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Isnin, 20 Disember 2010."

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah Usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Tuan Yang di-Pertua: Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Paul Kong Sing Chu.

■1520

3.20 ptg.

Datuk Paul Kong Sing Chu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk turut serta berbahas di dalam perbahasan Bajet 2011.

Tuan Yang di-Pertua, dianggarkan sejumlah 200,000 graduan lepasan institut pengajian tinggi menamatkan pengajian setiap tahun. Daripada jumlah ini, hanya sebahagian kecil sahaja yang berjaya mendapat pekerjaan yang bersesuaian dengan pengajian yang diikuti di universiti, manakala selebihnya terpaksa melakukan kerja sementara atau menganggur sambil menunggu tawaran pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, statistik pada tahun 2009 menunjukkan 418,000 rakyat Malaysia menganggur. Daripada jumlah itu, seramai 41,514 orang iaitu 9.93% adalah graduan baru, manakala 22,640 orang iaitu 5.14% terdiri dari graduan yang memiliki ijazah pertama. Lambakan graduan yang berlaku ini disebabkan oleh kesukaran mereka mendapatkan pekerjaan yang sesuai setelah tamat pengajian. Manakala jumlah graduan yang dikeluarkan pula semakin meningkat dari setahun ke setahun.

Tuan Yang di-Pertua, permasalahan kebolehpasaran graduan membabitkan tiga faktor yang sering digariskan oleh pihak majikan atau industri iaitu dari segi imej dan keterampilan diri, boleh berkomunikasi dengan baik dan penguasaan dalam bahasa Inggeris. Penambahbaikan

bagi menerapkan kriteria itu perlu dilakukan secara berterusan untuk memastikan universiti mampu menjadi agen pengeluar graduan yang hebat, lengkap, seimbang, berilmu, berkeperibadian kukuh dan berketerampilan dalam pelbagai bidang.

Tuan Yang di-Pertua, pihak universiti perlu melahirkan graduan berkualiti, berilmu dan berketerampilan mengikut kehendak industri dan keperluan majikan. Bagi mencapai sasaran itu, kajian kurikulum dan pembelajaran perlu ditambah baik mengikut kehendak pasaran pekerjaan. Kurikulum perlu menerapkan program seperti latihan keusahawanan supaya apabila tamat pengajian kelak, graduan tidak terlalu terikat dengan kerja makan gaji.

Pada tahun 2009, statistik menunjukkan hanya 1.5% graduan mengambil laluan kerjaya sebagai usahawan berbanding United Kingdom yang mencatat seramai 13%. Selain daripada itu, pengendali IPT juga perlu meneliti program yang ditawarkan agar lebih menjurus kepada keperluan masa hadapan dengan prospek kerjaya yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, usaha kerajaan menyediakan kursus kepada graduan setelah tamat pengajian untuk meningkatkan lagi kemahiran dan nilai kebolehpasaran merupakan usaha yang baik. Namun, ia melibatkan kos tambahan yang tinggi yang sebenarnya boleh dielakkan dan disalurkan kepada peruntukan yang lebih memerlukan. Ia boleh dilakukan dengan secara menambah baik kurikulum yang sedia ada bagi menyediakan keperluan graduan untuk memasuki dunia pekerjaan. Jika perlu, penambahan jangka waktu pengajian juga perlu dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, tindakan pelajar yang memilih untuk bekerja di negara asing setelah menamatkan pengajian mereka telah menyumbang kepada peningkatan kadar *brain drain* dengan izin, di negara kita yang dilihat semakin meningkat. Pendidikan adalah pelaburan kerajaan paling besar untuk meningkatkan sosioekonomi masyarakat supaya menjadi tonggak dalam proses membawa negara ke tahap negara maju menjelang tahun 2020. Namun, apa yang dapat dilihat sekarang, terdapat puluhan ribu pelajar yang enggan pulang selepas menamatkan pengajian di seberang laut. Pada tahun 2007, 140,000 orang dilaporkan telah berhijrah keluar negara dan di antara Mac 2008 sehingga Ogos 2009, statistik menunjukkan peningkatan lebih daripada dua kali ganda iaitu seramai 305,000 orang. Mereka yang sebahagiannya pemegang biasiswa kerajaan akhirnya bermastautin di negara orang. Ia akan menyebabkan kesan ekonomi kerana kerajaan kehilangan tenaga kerja kemahiran yang dibiayai oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengatasi masalah ini, Talent Corporation telah ditubuhkan. Penubuhan Talent Corporation bertujuan untuk memanggil pulang rakyat Malaysia yang berkemahiran yang berhijrah keluar negara sama ada bekerja ataupun berniaga di luar negara. Selain memanggil pulang tenaga kerja yang berkhidmat di luar negara, perlu ada juga usaha untuk memastikan agar statistik penghijrahan keluar negara ini tidak meningkat agar masalah

penghijrahan tenaga kerja keluar negara ini tidak bertambah teruk. Setakat ini, apakah usaha yang telah dilakukan oleh pihak berkuasa untuk memastikan statistik ini tidak terus meningkat?

Tuan Yang di-Pertua, perlu ada mekanisme kawalan tertentu supaya pelajar yang dianjurkan menjadi tenaga pakar ini berkhidmat kepada negara. Jika pelajar yang ditaja oleh kerajaan perlu menandatangani kontrak untuk kembali berkhidmat di tanah air setelah habis pengajian, mungkin tindakan ini perlu dipertimbangkan. Apakah kita mengeluarkan pelaburan yang besar untuk pendidikan dan seterusnya membiarkan hasil pelaburan tersebut menabur khidmat bakti di negara asing?

Tuan Yang di-Pertua, jika pihak kerajaan tidak melakukan tindakan yang lebih agresif bagi memastikan kadar penghijrahan tenaga kerja sama ada bagi pelajar yang melanjutkan pelajaran di dalam atau di luar negara tidak terus meningkat, negara akan terus kehilangan aset yang berharga. Dengan ini, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

■1530

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Pendek sahaja Yang Berhormat, tidak mengapalah bagus. Silakan Yang Berhormat Dato' Mohammad Najeeb bin Abdullah. Seterusnya bersedia Yang Berhormat Puan Chew Lee Giok ada, ya dan jangan keluar dari Dewan. Selepas Puan Chew Lee Giok adalah semuanya yang akan saya cuba. Yang Berhormat Khoo Soo Seang, Yang Berhormat Dato' Dr. Yoew Chai Thiam, Yang Berhormat Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram, dan sebagainya. Silakan Yang Berhormat Dato' Mohammad Najeeb bin Abdullah.

3.01 ptg.

Dato' Mohammad Najeeb bin Abdullah: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. [Membaca sepotong doa] Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya ruang dan peluang untuk sama-sama membahaskan dalam Bajet 2011 ini. Saya akan cuba menyentuh tujuh perkara dalam perbahasan ini. Pertama tentang cabaran ekonomi sekarang, kedua tentang pelaburan swasta iaitu asing, sistem kewangan Islam yang ketiga dan yang keempat tentang Klinik 1Malaysia dan kemudahan kesihatan, kelima tentang keselamatan siber dan juga internet, keenam isu pengeluaran spektrum kepada syarikat telekomunikasi, dan yang ketujuh tentang perubahan iklim.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedang berada dalam suasana ekonomi global yang tidak menentu. Lanjutan daripada krisis *supreme* yang berlaku di Amerika Syarikat tidak berapa lama dahulu. Kini, krisis ekonomi negara Eropah turut terlanda dengan teruknya. Bermula di Greece krisis ekonomi ini kini melanda Ireland. Selain itu dua negara lain iaitu Portugal dan Spain. Ini menjadikan satu rangkaian negara yang dipanggil *Portugal* Ireland, Greece, dan Spain (PIGS). Setengah pihak percaya bahawa kumpulan negara-negara ini akan menjadi lebih besar lagi iaitu akan menjadi PIIIGGS di mana dengan kemasukan Itali, Iceland dan Great Britain yang juga

akan tersenarai di antara kumpulan negara-negara yang akan bermasalah. Keadaan di Amerika dan Eropah menyebabkan ekonomi di negara-negara Asia terutamanya ekonomi China, India, dan juga beberapa negara lain di Asia Tenggara dijangka akan menjadi sumber-sumber baru pertemuan ekonomi dunia pada beberapa tahun yang akan datang. Apa yang saya ingin utarakan di sini ialah mengenai pengalaman negara-negara Eropah ini sejak menggunakan mata wang Euro dalam menyatukan pasaran mereka untuk menjadi satu pasaran dengan kemudahan *single currency* iaitu Euro. Apa yang menjadi perdebatan di kalangan penganalisis ekonomi adalah apabila penyatuan pasaran Eropah di bawah penggunaan mata wang Euro tidak seiring dengan dasar fiskal yang mana penggubalan Dasar Fiskal ini masih berada di bawah negara masing-masing. Oleh yang demikian, terdapat negara-negara di Eropah yang mempunyai hutang luar negara yang tinggi dan kritikal yang lazimnya akan dikenakan kadar faedah untuk pinjaman luar yang lebih tinggi jika mata wangnya adalah mata wang negara tersebut. Akan tetapi terlepas dari tindakan pasaran kerana mata wangnya adalah mata wang Euro.

Tuan Yang di-pertua, saya membawa hal ini kerana negara kita akan menyertai komuniti ASEAN yang dijangka akan dibentuk pada tahun 2015. Menurut *road map for an ASEAN Community* 2009 hingga 2015 yang dikeluarkan oleh sekretariat ASEAN pada tahun lalu, negara-negara ASEAN akan menjadi satu pasaran di mana akan terdapat aliran bebas barangan. Aliran bebas perkhidmatan, pelaburan, modal insan yang berkemahiran, dan bebas modal di rantau ini. Saya ingin meminta penjelasan dari kerajaan mengenai perkara ini, iaitu tentang persiapan ekonomi kita dan persiapan rakyat kita untuk menghadapi fenomena satu pasaran di bawah komuniti ASEAN pada tahun 2015 nanti.

Misalnya, buat masa ini kita masih lagi bolehengehadkan kemasukan tenaga profesional dari luar negara ke dalam pasaran kita. Akan tetapi esok di bawah komuniti ASEAN pada tahun 2015, saya kira pergerakan tenaga profesional akan lebih aktif dan lebih meluas di rantau ASEAN ini. Persoalannya, adakah kita berada di landasan yang betul dan benar-benar bersedia dalam mempersiapkan ekonomi dan rakyat kita bagi menghadapi komuniti ASEAN yang akan wujud pada tahun 2015? Apakah langkah-langkah yang telah, sedang, dan akan diambil oleh pihak kerajaan untuk memastikan bahawa rakyat kita sedar akan perkara ini dan peka akan perubahan-perubahan yang akan berlaku di rantau ini agar kita semua bersedia untuk menghadapi cabaran-cabaran dan mengambil peluang-peluang yang bakal wujud akibat pembentukan komuniti ASEAN ini nanti?

Perkara kedua membudayakan kembali pelaburan swasta. Penurunan pelaburan langsung asing FDI sebanyak 81% pada tahun lepas dibayangi oleh keadaan ekonomi global yang lembap dan tidak menentu. *Alhamdulillah*, jumlah pelaburan langsung pada suku pertama tahun ini 2010 adalah menggalakkan dan ini membuktikan bahawa langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan Barisan Nasional di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah membuahkan hasil dan usaha-usaha ini perlu diteruskan dan disokong. Di bawah

Economic Transformation Program atau ETP, kita dimaklumkan bahawa pihak kerajaan melalui NKEA dan SRI dijangka akan dapat menghasilkan pertemuan cukup besar dalam bilangan pekerjaan terutamanya dalam sektor berkemahiran tinggi di negara ini, yang akan memberi pendapatan yang lebih tinggi dari purata pendapatan pekerja yang berkemahiran sekarang. Kerajaan juga menyasarkan 75% daripada pelaburan baru akan datang daripada pelaburan langsung domestik (DDI) dan selebihnya daripada pelaburan langsung asing.

Di sebalik itu, ramai penganalisis berpendapat Bajet 2011 tidak benar-benar menyelesaikan masalah penurunan pelaburan asing ataupun FDI. Adalah dicadangkan supaya usaha-usaha transformasi bagi menarik FDI diteruskan antaranya ialah *legal* dan *regulatory reform* serta juga usaha-usaha ke arah membendung *talent* dan juga *brain*.

Perkara ketiga Tuan Yang di-Pertua ialah berhubung dengan perkhidmatan kewangan Islam. Dari segi peluang dalam perkhidmatan kewangan Islam misalnya, di mana kita sedang bersaing dengan pusat-pusat kewangan Islam serantau seperti Singapura, Hong Kong, Dubai, dan lain-lain untuk menjadi *hub* dan perbankan Islam.

Apakah langkah-langkah yang telah dan akan kita ambil agar memastikan negara kita dapat bersaing dengan pusat kewangan lain di rantau ini? Apakah impaknya setelah penjenamaan semula dilakukan oleh *Malaysia International Islamic Financial Centre* atau MIFC? Bagaimana pula dari aspek penyediaan tenaga pakar dan tenaga profesional dalam perkhidmatan kewangan Islam agar kita lebih menyerlah dan mampu menjadi *hub* perbankan Islam di rantau ini? Adakah kerajaan mempunyai data-data mengenai bilangan tenaga profesional yang dijangka diperlukan dalam perkhidmatan kewangan Islam, dan adakah institusi pengajian tinggi kita boleh atau mampu melahirkan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi, yang diperlukan dalam bidang ini dan boleh menangani cabaran yang melepasi batas sempadan dalam komuniti ASEAN nanti.

Dalam satu sidang *Asian Parliamentary Finance dan Economic Conference* yang mana saya sempat hadir baru-baru ini di Korea. Nampaknya, sistem kewangan Islam telah mula merebak ke luar pada kawasan ini. Korea sebagai contohnya telah pun berusaha dan telah pun memulakan usaha untuk menerbitkan *capital Islamic capital market*, walaupun kita tahu Korea bukanlah sebuah negara Islam apatah lagi penduduknya memang terlampau sedikit. Akan tetapi Korea sedar bahawa *they have to joint the streamline*. Ertinya dia terpaksa bersama-sama dengan pusat kewangan yang lain supaya memastikan mereka tidak ketinggalan. Untuk itu, saya telah cadangkan kepada Korea supaya berhubung dengan MIFC bagi usaha-usaha ini dapat diteruskan dan diperkenalkan secepat mungkin terutamanya dalam bidang *issuance of sukuk* iaitu bon Islam. Perkara yang keempat Tuan Yang di-Pertua ialah tentang Klinik 1Malaysia dan Skim Perkhidmatan Kesihatan.

Strategi ketiga dalam Bajet 2011 ialah menyentuh mengenai kesejahteraan hidup rakyat. Dalam hal ini saya ingin mengucapkan syabas kepada kerajaan kerana mewujudkan perkhidmatan klinik 1Malaysia yang memberikan kemudahan perubatan dengan kos yang amat berpatutan untuk rakyat yang berpendapatan rendah. Walau bagaimanapun kita sedia maklum bahawa perkhidmatan kesihatan merupakan satu perkhidmatan yang semakin tinggi kosnya dari tahun ke tahun. Kerajaan Barisan Nasional telah bertahun-tahun memberikan bantuan subsidi kepada rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah untuk mengurangkan beban mereka dalam mendapatkan perkhidmatan perubatan dan kesihatan di klinik-klinik dan hospital-hospital kerajaan.

Akan tetapi kita lihat mereka yang berpendapatan sederhana tinggi dan tinggi lebih cenderung untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan dan perubatan di hospital-hospital ataupun klinik-klinik swasta, mungkin kerana perkhidmatannya lebih cekap, lebih mesra, lebih baik dan perhatian yang lebih teliti yang diberikan oleh pihak swasta. Tetapi kosnya juga adalah terlalu tinggi yang lazimnya tidak mampu dibayar oleh rakyat berpendapatan rendah, malah oleh mereka yang berpendapatan sederhana tinggi dan tinggi. Dan persoalannya yang lebih penting adalah mengenai hala tuju skim perkhidmatan kesihatan di negara ini, ini penting Tuan Yang di-Pertua kerana tidak boleh tidak kita mesti mempunyai satu skim kesihatan yang mampu ditanggung oleh rakyat kita demi kesejahteraan rakyat kita pada masa hadapan.

Jika kita lihat kepada negara-negara maju seperti Amerika Syarikat dan Australia, perdebatan mengenai skim perkhidmatan kesihatan yang dipanggil *Scheme Medicare* menjadi satu isu penting yang menentukan sama ada kepimpinan negara itu akan bertukar pada pilihan raya yang seterusnya. Oleh yang demikian, saya ingin bertanya kepada Kementerian Kesihatan, di manakah kedudukan kita sekarang di dalam aspek ini.

Perkara yang kelima, mewujudkan persekitaran internet yang lebih selamat untuk kanak-kanak, teknologi maklumat memainkan peranan yang semakin penting dalam pendidikan anak-anak kita. Perkhidmatan internet telah digunakan hampir dua dekad di negara ini, dan cara penggunaannya juga telah banyak berubah sejak ia mula-mula diperkenalkan. Perkhidmatan internet kini telah menjadi lebih interaktif dan ia digunakan dengan lebih meluas. Bilangan pengguna internet di negara kita dianggarkan mencecah 17 juta pengguna dengan kadar penembusan jalur lebar sebanyak 53%. Tetapi yang menjadi kebimbangan kita adalah keselamatan anak-anak ataupun kanak-kanak yang menggunakan internet ini. Kanak-kanak yang menggunakan internet ini terdedah kepada pelbagai ancaman seperti pertama pornografi, kedua *cyber stocking*, yang ketiga penipuan, keempat ketagihan kepada permainan siber dan yang kelima apa yang dikenali sebagai *cyber grooming* iaitu satu proses yang membina kepercayaan kanak-kanak yang membawa kanak-kanak ini membina hubungan dengan seseorang yang tidak bermoral dan mempengaruhi kanak-kanak tersebut untuk turut melakukan aktiviti-aktiviti yang tidak bermoral.

Menurut *Statistic Cyber Security* iaitu sebuah agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, kes-kes kacau ganggu yang dilaporkan di negara ini telah meningkat daripada 72 kes pada tahun 2008 kepada 174 kes pada tahun 2009. Kes-kes turut melibatkan pelaku-pelaku sumbang seks kanak-kanak. Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan untuk mewujudkan satu pelan kebangsaan untuk mewujudkan persekitaran internet yang lebih selamat untuk kanak-kanak di negara kita. Dasar persekitaran internet yang lebih selamat untuk kanak-kanak ini mungkin memerlukan satu Jawatankuasa Kabinet yang ditubuhkan dan dianggotai oleh, satu Menteri Pelajaran, kedua Menteri Dalam Negeri, ketiga Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan dan yang keempat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, perkara keenam yang saya sentuh ialah isu spektrum untuk syarikat telekomunikasi. Perkara seterusnya yang saya bangkitkan ialah mengenai dasar pengagihan spektrum untuk syarikat-syarikat telekomunikasi yang beroperasi di Malaysia. Saya ingin mendapatkan penjelasan Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan mengenai pengagihan blok 80 **megahertz** untuk spektrum, 700 **megahertz** yang dikatakan telah diagihkan kepada YTL *Communication*.

Saya difahamkan bahawa Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC) telah membuat penjelasan bahawa di bawah Pelan Spektrum Kebangsaan atau *National Spectrum Plan*, spektrum 700 **megahertz** ini adalah untuk perkhidmatan penyiaran bukan untuk perkhidmatan mudah alih 4E.

Saya ingin mencadangkan agar pengagihan spektrum yang menggunakan gelombang yang rendah seperti 700 *megahertz*, 800 atau 850 megahertz dan 900 megahertz diagih-agihkan kepada syarikat-syarikat telekomunikasi sedia ada dengan lebih adil dan telus untuk menyediakan kemudahan jalur lebar terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar.

Kita bercakap mengenai penembusan jalur lebar di kawasan-kawasan luar bandar, dan ini adalah peluang untuk melaksanakan agenda ini yang mana akhirnya akan menguntungkan pengguna-pengguna kerana syarikat-syarikat telekomunikasi ini akan dapat menyediakan perkhidmatan jalur lebar dengan kos yang lebih rendah. Dan akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh tentang isu perubahan iklim.

Satu lagi isu yang selalu diperkatakan dan masih perlu terus bincangkan adalah mengenai isu perubahan iklim. Dunia kini mengalami perubahan cuaca yang drastik, tempat-tempat yang dahulunya tidak mengalami penurunan salji kini ditimpa salji dan cuaca sejuk yang ekstrem, banjir besar lebih kerap berlaku dan suhu cuaca menjadi tidak menentu.

Banyak yang perlu kita lakukan dan boleh lakukan untuk membantu mengurangkan kesan kepada perubahan cuaca ataupun perubahan iklim ini, satu daripadanya adalah penggunaan tenaga solar dalam kehidupan seharian. Tadi telah disentuh oleh sahabat saya Yang Berhormat Tuan Mohd. Khalid dengan panjang lebar, jadi saya tidak akan sentuh tentang hal itu lagi. Tetapi saya hanya ingin bertanya kepada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan

Air, apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk meningkatkan dan memesrakan penggunaan solar ataupun tenaga solar dalam kehidupan seharian kita. Apakah faktor-faktor utama yang menghalang penggunaan tenaga solar yang lebih meluas di kalangan masyarakat kita, adakah faktor kos, faktor teknologi atau faktor-faktor lain.

Dalam pembentangan Bajet 2011 baru-baru ini, beberapa insentif telah diperkenalkan untuk pembangunan atau kemajuan *renewable energy* dan *Energy Efficient Solution*, dengan izin untuk pembekal dan juga pengguna-pengguna. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri pada persidangan COP15 di *Copenhagen* pada tahun 2009 telah pun mengatakan komitmen Malaysia ke arah mengurangkan pengeluaran karbon dioksida ke tahap 40% pada tahun 2020 kelak. Bajet 2011 juga seharusnya menyentuh tentang inisiatif-inisiatif yang harus diambil ke arah mencapai matlamat tersebut. Contohnya mempromosikan produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan yang *carbon friendly*, dengan izin. Meningkatkan penggunaan *renewable energy*, *regulatory and financial models*, bagi menggalakkan syarikat-syarikat mengurangkan pengeluaran karbon. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, saya rasa jika saya dengar baik-baik tadi, bukan saya hendak memuji, tidak. Ini kebenaran, saya berharap kalau boleh Ahli-ahli Yang Berhormat membuat *research* bagaimana yang didengar sebentar tadi, ini dia punya impak, keberkesanannya begitu baik. Saya berharap kalau boleh kita sama-sama mempertingkatkan mutu, setakat yang macam mana kita. *We have got to be smart, we want to be...* dengan izin, supaya mempertingkatkan lagi mutu perbahasan kita di Dewan yang mulia ini. Sekarang nampaknya masa itu begitu baik dikawal dan dapat mengeluarkan semua butir-butir yang saya rasa telah pun dibuatkan kajian.

Tanpa membuang masa, saya mempersilakan Yang Berhormat yang baru dan baru mengangkat sumpah, saya hendak dengar Yang Berhormat berbahas untuk pertama kalinya. Dipersilakan Yang Berhormat dan selepas ini saya hendak mendengar Yang Berhormat Tuan Khoo Soo Seang, selepas Yang Berhormat ini, saya harap bersedia, silakan.

3.49 ptg.

Puan Chew Lee Giok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, selamat petang dan salam 1Malaysia.

■1550

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan pucuk pimpinan MCA kerana memberikan peluang kepada saya untuk menjawat jawatan Senator ini. Saya berjanji akan menjalankan tugas sebagai seorang Senator dengan penuh dedikasi dan bertanggungjawab.

Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua memberikan saya peluang ini berbahas dalam Bajet 2011. Saya berpendapat bahawa Bajet 2011 adalah bajet mesra rakyat. Alangkah baik sekiranya cukai pendapatan perseorangan dapat dikurangkan sebanyak 1%. Kerajaan telah memperkenalkan empat tonggak sebagai strategi-strategi untuk mencapai Wawasan 2020, mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi.

Tonggak pertama ialah 1Malaysia “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.” Tonggak kedua ialah program transformasi kerajaan iaitu GTP. Tonggak ketiga ialah program transformasi ekonomi (ETP) dan tonggak keempat ialah Rancangan Malaysia Kesepuluh. GTP ataupun program transformasi kerajaan adalah untuk meningkatkan pencapaian perkhidmatan awam dengan lebih tumpuan kepada enam NKRA.

NKRA adalah bidang keberhasilan utama negara atau dalam bahasa Inggeris *National Key Result Area* dengan izin. NKRA merupakan salah satu konsep *balance scorecard*, dengan izin. Satu NKRA merupakan suatu strategi yang dapat dikaitkan dengan beberapa KPI atau penunjuk prestasi utama atau dalam bahasa Inggeris *key performance indicator*, dengan izin. Ada banyak NKRA yang penting untuk meningkatkan pencapaian perkhidmatan awam dan memuaskan pelanggan iaitu kepuasan rakyat.

Kepuasan rakyat adalah penting kerana rakyat mempunyai hak mengundi dan menentukan siapa menjadi wakil rakyat dan secara tidak langsung menentukan parti-parti mana yang membentuk kerajaan. Kerajaan telah memilih enam NKRA untuk meningkatkan pencapaian perkhidmatan awam. NKRA pertama ialah mengurangkan jenayah. Mengurangkan jenayah adalah penting untuk keselamatan. Teori motivasi Masruh yang menyatakan lima keperluan manusia.

Keperluan pertama ialah *psychological* iaitu keperluan asas seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal. Keperluan kedua adalah keselamatan termasuk keselamatan diri, keselamatan daripada jenayah, keselamatan daripada segi kewangan.

Kerajaan telah menetapkan dua KPI iaitu penunjuk prestasi utama untuk mengurangkan jenayah. KPI pertama ialah indeks jenayah atau *crime index*, dengan izin. Sasaran untuk indeks jenayah ialah pengurangan 5% untuk tempoh tiga tahun iaitu 2010 hingga 2012. KPI kedua, ialah indeks jenayah jalanan atau *street crime index*, dengan izin. Sasaran untuk indeks jenayah jalanan ialah pengurangan 20% jenayah jalanan menjelang Disember 2010. Ramai mangsa jenayah jalanan merupakan kaum wanita. Kaum wanita selalunya menjadi sasaran peragut.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan saya ialah:

- (i) bagaimanakah jenis-jenis jenayah yang dikategorikan kepada jenayah dan jenayah jalanan;
- (ii) apakah strategi yang diguna pakai untuk mengurangkan kes jenayah dan kes jenayah jalanan;

- (iii) apakah jenis-jenis kes yang diketepikan apabila mengira indeks jenayah dan indeks jenayah jalanan; dan
- (iv) adakah indeks jenayah dan indeks jenayah jalanan ini menggambarkan kejadian sebenar kerana ramai mangsa tidak melaporkan kes jenayah yang dialami kononnya pihak polis hanya menerima laporan dan lazimnya tidak dapat menyelesaikan kes tersebut.

NKRA kedua ialah membanteras rasuah. Membanteras rasuah adalah sangat penting untuk memulangkan kepercayaan rakyat kepada kerajaan. Terdapat tiga KPI untuk membanteras rasuah. KPI pertama bagi membanteras rasuah ialah mendapat semula keyakinan awam terhadap agensi pengawalseliaan dan penguatkuasaan. Terdapat empat sasaran untuk KPI ini bagi tahun 2010.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan saya ialah:

- (i) berapakah kes rasuah yang telah disiasat dalam tempoh lima tahun ini;
- (ii) berapakah kes rasuah yang telah didakwa dalam tempoh lima tahun ini;
- (iii) berapakah kes rasuah yang telah dijatuhkan hukuman oleh mahkamah dalam tempoh lima tahun ini; dan
- (iv) apakah punca-punca yang menyebabkan kes rasuah tidak didakwa atau tidak dijatuhkan hukuman.

KPI kedua ialah mengurangkan ketirisan dalam perolehan kerajaan. Sasaran ialah mengurangkan penemuan audit terhadap salah urus perolehan bagi setiap kementerian yang disampel daripada 11.2 kepada 10.6 pada tahun 2010. KPI ketiga ialah menangani rasuah besar. Sasaran ialah meningkatkan penyelesaian perbicaraan dalam tempoh satu tahun dari 8.5% kepada 30% pada tahun 2010.

NKRA keenam ialah mempertingkatkan pengangkutan awam bandar. Lembah Klang sering mengalami masalah kesesakan jalan raya. Mengapa ramai orang menggunakan kereta untuk berulang alik ke tempat kerja. Adakah itu kerana pengangkutan awam di kawasan bandar terutamanya di Lembah Klang adalah kurang sempurna. KPI pertama bagi mempertingkatkan pengangkutan awam bandar ialah menyelaraskan kapasiti sistem yang sudah mencapai hadnya.

Sasaran pertama ialah meningkatkan kapasiti KTM komuter dan LRT sebanyak 1.7 hingga empat kali ganda menjelang 2010. Sasaran kedua ialah meningkatkan pengguna pengangkutan awam antara 6% dan 9% atau 35,000 hingga 50,000 orang semasa waktu puncak menjelang tahun 2012. Menambah 850 buah bas menjelang tahun 2012.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan saya ialah:

- (i) bilakah lanjutan LRT akan dimulakan dan diselesaikan. Apakah stesen-stesen LRT baru yang dirancang pada masa akan datang;

- (ii) tempat letak kereta selalunya tidak mencukupi di stesen LRT dan stesen KTM komuter. Berapakah tempat letak kereta yang ada di stesen-stesen LRT dan KTM komuter;
- (iii) apakah kaedah yang akan dirancang untuk menyelesaikan masalah tempat letak kereta yang tidak mencukupi ini;
- (iv) apakah *feeder* bas bagi setiap stesen-stesen LRT dan KTM komuter;
- (v) apakah rancangan integrasi LRT, KTM komuter, monorel dan bas di masa depan; dan
- (vi) Maju Expressway yang dulunya bernama KL-Putrajaya Expressway menghubungkan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya. Adakah rancangan untuk menambah satu lagi *interchange* dengan izin, dalam masa tersingkat di Jalan Putra Permai, Seri Kembangan ini akan mengurangkan kesesakan jalan raya bagi penduduk sekitar bandar Putra Permai, Seri Kembangan.

KPI kedua bagi mempertingkatkan pengangkutan awam bandar ialah menarik rakyat menggunakan pengangkutan awam. Sasaran pertama ialah mewujudkan tiket dan struktur tambang di kalangan 16 operator di Lembah Klang. Sasaran kedua ialah menambah kira-kira 6,800 parkir baru di 14 stesennya di luar pusat bandar menjelang tahun 2012. 4,713 parkir pada tahun 2010.

Sasaran ketiga ialah meningkatkan jaringan fizikal antara pengangkutan contohnya menyediakan laluan pejalan kaki bertutup. Sasaran keempat ialah menyediakan sistem teknologi maklumat yang berintegrasi dan melaksanakan penguatkuasaan yang bersepadu.

KPI ketiga ialah untuk mempertingkatkan pengangkutan awam bandar iaitu menghalang kenderaan berat daripada memasuki kawasan perniagaan pusat. Sasaran pertama ialah Terminal Pengangkutan Bersepadu ITT di Bandar Tasik Selatan akan mula beroperasi pada bulan Mac 2011. Sasaran kedua ialah ITT Gombak dijangka siap pada tahun 2012. Sasaran ketiga ialah ITT Sungai Buloh yang akan dijangka siap selepas tahun 2012.

KPI keempat ialah untuk mempertingkatkan pengangkutan awam bandar iaitu penyusunan semula kawal selia. Sasaran ialah Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat akan beroperasi sepenuhnya pada akhir tahun 2010.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan saya ialah:

- (i) apakah kelebihan dan kelemahan ITT Bandar Tasik Selatan;
- (ii) bagaimanakah kesesakan lalu lintas di sekitar ITT Bandar Tasik Selatan dapat dielakkan atau diminimumkan; dan
- (iii) adakah tempat letak kereta yang banyak dan murah untuk menggalakkan rakyat untuk menggunakan ITT Bandar Tasik Selatan.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya yang terakhir ialah dikatakan kemungkinan besar Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS) akan menghentikan pengurangan sebanyak 20% duti hiburan kepada penerbit filem.

■1600

Saya berharap pemulangan 20% duti hiburan itu hendaklah diteruskan dan bukan sahaja kepada filem-filem bahasa Malaysia, tetapi juga terbuka kepada bahasa-bahasa yang lain asalkan filem ini membuat penggambaran dan diterbitkan di Malaysia. Ini ialah untuk menggalakkan pembangunan industri perfileman di Malaysia. Contohnya filem *Ais Kacang Puppy Love* dengan izin, hendaklah diberi pemulangan sebanyak 20% duti hiburan. Saya berharap boleh mendapat penjelasan daripada Kementerian. Dengan ini saya mohon untuk menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bagus. Saya harap tadi Yang Berhormat hanya bercakap 10 minit sahaja.

Puan Chew Lee Giok: [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Tidak mengapa, baguslah itu. Sekarang ini saya mempersilakan Yang Berhormat Tuan Khoo Soo Seang - dan ini orang lama.

4.01 ptg.

Tuan Khoo Soo Seang: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Selepas orang yang terbaru dari MCA sekarang orang yang terlama dari MCA.

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah baca Bajet 2011 dan saya dapati bahawa bajet kita bertemakan 'Transformasi Ke Arah Negara Maju Berpendapatan Tinggi'. Ada empat strategi dan saya tertarik dengan strategi yang kedua iaitu membangunkan modal insan. Pada saya ini adalah satu strategi yang amat bijak dan munasabah. Saya percaya bahawa tidak ada orang yang akan menafikan bahawa kalau kita hendak bangunkan modal insan, alat yang paling berkesan adalah melalui pendidikan.

Berkenaan dengan ini, saya pernah dengar ada orang kata bahawa negara kita Malaysia - kita import pekerja asing, eksport bakat dan pakar. Ini apabila kita dengar ini, kita memang rasa amat sedih tetapi kita tidak boleh menafikan bahawa ia adalah benar juga. Kalau kita misalnya menghabiskan wang yang banyak, masa yang banyak, dan tenaga yang banyak untuk bangunkan insan. Akan tetapi bakat-bakat dari Malaysia, semua tidak bekerja di Malaysia, semua dieksport ke luar negara, jadi ini menjadikan satu kerugian kepada kita. Kita sebenarnya membangunkan insan bukan untuk Malaysia, tetapi untuk negara luar.

Biar saya ambil satu contoh yang baru-baru ini. Baru-baru ini ada satu pertandingan dijalankan di Manila, Filipina. Pertandingan itu adalah pertandingan mereka cipta robot Olimpik sedunia. Jadi di dalam pertandingan ini, ada satu kumpulan pelajar bekas sekolah saya iaitu Sekolah Menengah Chung Ling yang dapat johan di Manila, Filipina. Selepas itu di dalam satu upacara untuk menganugerahkan mereka yang dijalankan di Pulau Pinang, kebetulan Encik

Philip Yeo dari *Singapore Economic Development Board* juga turut hadir bersama-sama. Sebaik sahaja ia dapati bahawa kumpulan pelajar itu yang begitu berbakat, selepas upacara itu serta-merta ia keluarkan satu cek, keluarkan *name card* dan ia tawarkan kepada kumpulan murid itu. Ia kata, “*Selepas sekolah menengah, you datang ke Singapore. You boleh pilih apa-apa kursus dan mana-mana universiti. Saya janji mana kursus yang awak pilih, awak dapat tempat dan tidak payah bayar yuran. Biasiswa diberikan.*”

Saya dengar ini memang sedih. Kita punya bakat belum habis sekolah menengah, negara jiran kita sudah rampas. *Singapore* itu - ini bukan kes pertama. Ia memang banyak cara untuk rampas bakat-bakat dari Malaysia. Saya duduk di Johor Bahru, saya tahu bahawa tiap-tiap tahun mereka ada pertandingan bukan sahaja selepas sekolah menengah. Baik di peringkat sekolah rendah, mereka sudah adakan pertandingan, mereka galakkan murid-murid sekolah rendah untuk ambil bahagian. Yang mana menang dapat markah yang tinggi, ia sudah *offer scholarship* pergi ke Singapura, belajar di sekolah menengah di Singapura. Jadi saya sudah tahu, saya boleh kira berapa banyak bakat kita sudah hilang dengan cara itu.

Misalnya sekarang hampir kita semua yang ada pakai *pen drive*. *Pen drive* itu, orang yang mereka cipta *pen drive* itu adalah orang Malaysia. Akan tetapi, sekarang berada di Taiwan dan *pen drive* itu satu alat yang digunakan seluruh dunia. Kalau satu *pen drive* jual RM1.00 pun kita sudah kaya. Jadi saya berharap bahawa negara kita, kerajaan kita bukan sahaja kita tumpukan perhatian untuk bangunkan modal insan. Bahkan kita harus pastikan bahawa modal insan yang sudah bangunkan ini terus belajar di Malaysia, kerja di Malaysia, berkhidmat di Malaysia dan berikan sumbangan kepada Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh satu perkara yang walaupun kerajaan sudah buat satu keputusan tetapi topik itu masih hangat. Itu berkenaan dengan cadangan – bukan cadangan lagi, keputusan Kementerian Pelajaran Malaysia untuk mansuhkan peperiksaan PMR tetapi kekalkan UPSR. Sebelum keputusan itu dibuat, kementerian ada buat cadangan bahawa mungkin hendak mansuhkan peperiksaan kedua-dua peperiksaan itu. Saya memang puji keputusan Kementerian Pelajaran Malaysia bahawa kali ini kita tidak ada buat keputusan secara tergesa-gesa. Kita dengar pandangan dari *stakeholders* bahkan NGO, PIBG dan semua pertubuhan yang ada kaitan dengan pendidikan ataupun pelajaran.

Saya juga turut terlibat dalam perbincangan meja bulat yang diadakan di Putrajaya dan sebelum saya masuk ke dalam dewan perbincangan, saya fikir mungkin ada lain-lain pandangan. Akan tetapi, saya terperanjat apabila saya masuk sana saya dengar hampir semua pihak yang terlibat boleh kata sebulat suara bersetuju bahawa PMR boleh dimansuhkan tetapi UPSR hendaklah dikekalkan. Saya adalah seorang pendidik, walaupun sudah bersara lama tetapi masih berjiwa seorang pendidik.

Saya tahu, saya sudah dengar dan saya sudah berinteraksi dengan pihak-pihak yang berkenaan dan saya dapati bahawa kebanyakan daripada mereka tidak bersetuju untuk

mansuhkan UPSR kerana fobia yang tertentu, ini kerana ketakutan yang tertentu. Apa yang mereka takut itu ialah mereka fikir, mereka sangka UPSR itu alat yang digunakan untuk menilai prestasi murid, menilai kerajinan cikgu, menilai prestasi sekolah. Jikalau UPSR dimansuhkan, jadi murid tidak akan belajar, cikgu akan malas, tidak sekolah pun tidak mengapa. Itu yang mereka fikir.

Jadi oleh kerana kebanyakan mereka itu tidak sedar bahawa sekiranya UPSR dimansuhkan pun kita masih ada ujian dalaman. Sebagai seorang pendidik pada saya, saya fikir bahawa ujian dalaman atau ujian yang berasaskan sekolah sebenarnya jauh lebih berkesan daripada peperiksaan awam itu.

■1610

Apabila saya mengajar di sekolah menengah kaedah saya ialah selepas mengajar satu minggu, pada hari yang pertama minggu yang berikut saya akan berikan satu ujian pendek dan selepas ujian itu saya tidak akan sendiri tanda buku itu.

Saya akan minta murid tukar buku untuk tanda. Ini bukan kerana saya malas, bahkan saya hendak paksa murid semua tahu jawapan. Jikalau kita tanda, ada murid yang salah ia pun tidak kisah apakah jawapan yang sebenarnya. Jadi bukan sahaja dengan cara ini kita serta-merta kita tahu adakah apa yang kita ajar pada minggu lepas berkesan ataupun tidak? Adakah kita sudah memenuhi matlamat pengajaran kita atau tidak? Sama ada - kalau kebanyakan murid tidak faham, saya kena fikir dan saya mungkin kena ajar semula dengan cara yang lain.

Mereka yang membantah UPSR dimansuhkan itu juga takut bahawa mungkin selepas tiga tahun hingga enam tahun sahaja, baru kita tahu bahawa murid itu ia tidak boleh *catch up*. Ia mungkin tidak faham, ia mungkin tidak boleh ikut kursus dan mungkin sudah terlewat untuk membuat pemulihan. Akan tetapi yang saya rasa pelik ialah, kalau dengan sebab-sebab itu dan alasan itu, jadi kenapa mereka setuju PMR dimansuhkan? Oleh kerana PMR pun sama penting seperti UPSR. Itu yang saya sampai hari ini saya masih tidak faham.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah sebut di Dewan yang mulia ini bahawa saya dapati bahawa peperiksaan awam itu sekarang sudah disalahgunakan. Disalahgunakan sebagai satu alat untuk bandingkan sekolah, prestasi sekolah. Saya ingat semasa Kementerian Pelajaran melaksanakan KBSR dan KBSM, pada masa itu Kementerian Pelajaran kata jangan bandingkan murid, jangan bandingkan 'A' dengan 'B'. Sebenarnya pepatah cina pun kata, 'jangan bandingkan orang'. Pada masa itu kita ada satu ketika sampai ia kata jangan bagi markah. Jangan bagi markah 50, 70, 80 cuma bagi A,B,C sahaja dan sampai ia kata jangan kelaskan murid mengikut kebolehan.

Ia hendak kita tidak ada kelas 'A' yang paling baik, kelas 'B' yang sederhana dan kelas 'C' yang paling buruk - tidak ada. Ia hendak kita campuradukkan semua murid, dalam satu kelas ada murid yang baik, ada yang sederhana dan ada yang mungkin lemah sedikit. Akan tetapi kepada cikgu kita dapati kalau kita campuradukkan memang susah hendak ajar, oleh kerana di

tahap mana kita hendak ajar. Jadi walaupun pada masa itu saya tidak berapa setuju bahawa murid itu di dalam satu kelas kita ada murid yang bermacam-macam kebolehan, tetapi sekarang sebaliknya. Kita gunakan peperiksaan selepas beberapa tahun seolah-olah fikiran sudah ubah, *philosophy* sudah ubah, kita gunakan ini untuk bandingkan ini sekolah yang terbaik, ini sekolah yang kurang baik. Sekolah yang terbaik mesti diberikan pelajaran yang terbaik.

Jadi saya sekarang pergi banyak sekolah, saya dengar pengetua dan cikgu yang mengadu. Murid saya yang baik-baik hantar ke sekolah lain, saya terima murid yang kurang baik. Jadi kenapa saya hendak bekerja begitu susah? Susahkan diri saya dan murid yang baik dihantar ke sekolah lain. Jadi sekolah itu terima murid yang baik sahaja, ia memang baik. Saya terima murid yang sederhana, saya memang sentiasa sederhana sahaja. Saya juga dapati bahawa kita sebut tentang pendidikan. Saya sebenarnya tidak berapa setuju dengan perkataan 'pelajaran' dan saya lebih suka perkataan 'pendidikan'.

Oleh kerana kita hendak didik putera dan puteri negara kita dan dari segi pendidikan bukan sahaja prestasi akademik yang penting. Kita jangan lupakan manusia sebagai individu, kita ada macam-macam bakat. Mungkin saya tidak begitu berminat, saya tidak kata saya bodoh. Saya tidak pernah sebut anak murid saya bodoh. Saya kata mungkin ada tidak berapa berminat dalam akademik tetapi ia mungkin berminat yang lain, misalnya baru-baru ini saya buat satu seminar untuk galakkan murid masuk ke sekolah menengah vokasional dan teknik. Di situ saya kata, "*Ada orang yang tidak habis sekolah menengah ia pergi ke workshop, ia jadi technician. Akan tetapi technician itu ia tidak ada teori dan kereta kita sekarang sudah semakin canggih. Saya percaya kalau tidak tahu tentang teori, lama-kelamaan kita tidak berani hantar kereta kita ke workshop itu untuk direpair.*"

Kadang-kadang saya tanya budak-budak itu kenapa awak tidak teruskan pelajaran, kenapa hendak berhenti *form three* pun belum habis. Ia kata, "*Cikgu, saya bodoh.*" Saya kata, "*Awak tidak bodoh. Kalau awak bodoh, awak tidak boleh repair kereta. Jikalau saya lebih pandai daripada awak saya tidak boleh repair kereta, awak bodoh boleh repair kereta, jadi saya apa?*" Jadi budak ini bukan bodoh, ia cuma tidak berminat dalam mata pelajaran akademik sahaja. Oleh itu saya berpandangan bahawa semua murid mesti ada tempat di sekolah. Jangan kita cuma nampak murid-murid yang berbakat di segi akademik sahaja.

Semalam kita bertuah, kita nampak apa yang semalam di konsert PERMATA Seni. Kita nampak anak-anak kita begitu berbakat. Ada yang berbakat dari segi menari, ada yang menyanyi, ada yang main alat *instrument*. Jadi di antara beberapa ratus, saya ingat semalam kurang-kurangnya 300 orang putera dan puteri kita. Bukan semua yang juga baik, walaupun ada yang selain daripada ada bakat dari segi ini mungkin juga baik dari segi akademik. Akan tetapi saya percaya bukan semua. Jadi kalau tidak ada konsert seperti yang semalam, mungkin murid yang ada bakat dari segi nyanyian dan tarian mungkin tidak ada peluang untuk tunjukkan diri mereka. Jikalau sekolah yang tidak ada peluang untuk mereka tunjukkan mereka punya bakat,

mereka akan hilang minat dengan sekolah. Oleh itu saya selalu kata sekolah mesti ada tempat bagi setiap murid, baik yang mungkin mereka minat dalam akademik, minat dalam sukan, minat dalam seni dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua pada saya tadi saya sudah sebut, saya kata peperiksaan awam bukan alat yang paling baik untuk menilai seseorang pelajar ataupun seseorang murid. Oleh kerana kita belajar tiga tahun ataupun enam tahun, satu ujian akan tentukan nasib kita. Satu ujian akan tentukan prestasi kita. Mungkin pada hari itu saya sakit, mungkin pada hari itu saya kurang tidur tidak boleh tumpukan perhatian kepada kertas, mungkin saya salah baca soalan dan faktor-faktor lain. Saya mungkin - disebabkan oleh sebab-sebab yang tidak dapat saya elakkan, saya dapat prestasi markah yang rendah. Akan tetapi ini tidak bermaksud bahawa saya tidak pandai. Mungkin sepanjang tiga tahun hingga enam tahun itu prestasi di sekolah begitu baik, kerjanya begitu baik. Tidak mungkin oleh kerana satu peperiksaan kita akan kata budak itu kurang baik. Saya bercadang sekarang apabila kita hendak mansuhkan peperiksaan PMR, kita kena yakinkan ibu bapa dan juga para *stakeholders*.

Apa yang mereka takut satu lagi ialah sekiranya tidak ada peperiksaan awam, kalau peperiksaan yang berasaskan sekolah mungkin tidak adil.

■1620

Mereka takut mungkin ada cikgu yang berikan kertas soalan yang mudah. Mereka takut mungkin ada cikgu yang tanda dengan cara yang longgar supaya murid dapat markah yang tinggi, jadi nampak prestasi sekolah itu tinggi. Akan tetapi ini semua boleh diatasi. Saya percaya kalau sekiranya Kementerian Pelajaran wujudkan satu bank soalan yang besar, yang lengkap dengan banyak soalan. Akan tetapi soalan itu haruskan dikategorikan mengikut tahap yang senang, sederhana dan susah. Jadi kita boleh berikan peluang kepada cikgu ataupun kita sebenarnya boleh paksa cikgu ambil sebahagian soalan. Katakanlah mungkin 60% mesti daripada bank soalan itu dan yang 70% mungkin daripada soalan cikgu itu sendiri.

Jadi kita juga boleh tentukan bahawa setiap kertas soalan mesti ada berapa peratus yang mudah, berapa peratus yang sederhana dan berapa peratus yang susah dan hanya dengan cara ini kita boleh *control*. Kita boleh suruh sekolah hantar kertas soalan dan kita ada panel untuk tengok sama ada soalan itu *standard* lebih kurang sama atau tidak. Misalnya kalau kita tanda kertas karangan di peringkat SPM dan sebagainya, PMR juga sama kita kena pastikan bahawa pemarkahan adalah *standard* dan mengikut piawai. Saya percaya kalau dengan cara itu, lebih meyakinkan para ibu bapa.

Saya berharap bahawa cikgu adalah cikgu. Cikgu bukanlah *examination technician*. *Examination technician* bermaksud mereka bukan ajar murid ilmu pengetahuan, mereka ajar murid bagaimana hendak hadapi peperiksaan. Bagaimana hendak dapatkan markah yang tinggi di peperiksaan itu sahaja. Saya harap bahawa murid akan belajar ilmu pengetahuan, murid akan menjadi minat dengan pelajaran dan bukan mereka dipaksa untuk hafal ini dan hafal itu. Jadi itu

semata-mata untuk hadapi peperiksaan dan selepas peperiksaan mereka akan semua pulang kepada cikgu, jadi cikgu yang dapat semua bukannya murid.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang saya hendak sentuh sedikit ialah berkenaan dengan soalan pertama hari ini mata pelajaran Sejarah dijadikan mata pelajaran wajib dalam sistem pendidikan kita. Saya bukan tidak setuju tentang keputusan ini, tetapi pada saya apabila kita wajibkan sesuatu, perkataan 'wajib' itu mendatangkan unsur paksa. Biasanya remaja pada umur itu mereka lebih *rebellious*. Apa yang dipaksakan mereka biasanya susah hendak terima. Pada saya, saya fikir kalau kita jadikan mata pelajaran itu satu mata pelajaran yang lebih menarik. Sebenarnya mata pelajaran Sejarah boleh jadi satu mata pelajaran yang lebih menarik. Ia boleh dijadikan seperti cerita.

Saya tahu ada cikgu-cikgu mata pelajaran Sejarah yang begitu berbakat, mereka ajar di dalam kelas dan budak dengar seperti mendengar cerita. Setelah mereka balik ke rumah, perkara yang pertama selepas makan ialah mereka buka buku tengok apa yang cikgu belum cakap. Apakah bab yang berikutnya, apakah perkembangan mata pelajaran Sejarah itu. Kalau cikgu boleh buat sampai begini, cikgu itu sudah berjaya dan murid mahu belajar, bukannya dipaksakan untuk belajar.

Saya berharap bahawa - saya rasa amat yakin apabila saya dengar Menteri Pelajaran yang juga Timbalan Perdana Menteri memberikan kita keyakinan bahawa pihak Kementerian Pelajaran akan membuat banyak langkah untuk jadikan mata pelajaran Sejarah itu satu mata pelajaran yang digemari oleh semua. Saya juga mengalu-alukan keputusan Kementerian Pelajaran untuk menjadikan mata pelajaran Sejarah satu mata pelajaran yang boleh diulang.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengalihkan sedikit daripada pendidikan dan sentuh hal-hal lain yang ada kaitan dengan Johor. Dalam Bajet 2011 kita dapati bahawa ada projek MRT di *Greater KL* dan ini juga satu perkara yang saya sudah tanya banyak kali. Bilakah projek MRT ataupun LRT akan dilaksanakan di Johor Bahru? Projek ini - nama itu LRT ataupun MRT di Johor Bahru, sebenarnya pernah disebut-sebut sudah lama sebelum kita ada istilah '*Greater KL*'. Sebelum kita ada rancangan untuk melaksanakan projek MRT di Kuala Lumpur, sebenarnya lebih daripada 10 tahun sudah kata bahawa Johor Bahru akan buat LRT dan sampai *road* itu pun sudah ditentukan. Akan tetapi sampai sekarang itu masih belum menjadi hakikat. Jadi saya berharap bahawa kerajaan sambil melaksanakan projek MRT di *Greater Kuala Lumpur*, juga timbangkan projek LRT ataupun MRT di Johor Bahru.

Kedua, berkenaan pembinaan lebuh raya baru. Lebuhraya Pasir Gudang merupakan satu lebuh raya yang penting. Di Pasir Gudang banyak kilang dan juga ada pelabuhan di situ. Jadi Lebuhraya Pasir Gudang ini merupakan satu lebuh raya yang sangat-sangat sibuk. Boleh kata setiap hari *jammed* dengan lori dan kenderaan lain. Kami hendak minta - sebenarnya banyak kali bahawa lebuh raya itu di naik taraf, dilebarkan, ditambah empat lorong lagi dan sehingga sekarang ini masih belum jadi hakikat.

Pada satu ketika kerajaan kata apabila Lebuhraya Senai-Desaru dibina, ia akan meringankan beban ke atas Lebuhraya Pasir Gudang itu. Akan tetapi sekarang, Lebuhraya Senai-Desaru walaupun belum sampai ke Desaru dan sudah sampai ke Cahaya Baru, keadaan masih sama. Ini disebabkan oleh kerana mungkin tol di Cahaya Baru itu tersangat tinggi. Saya difahamkan bahawa tol di situ adalah, untuk kereta biasa sebanyak RM4 lebih dan perjalanan itu cuma lebih kurang daripada setengah jam. Jadi saya percaya ini adalah sebabnya. Oleh kerana apabila saya tanya kenapa orang tidak guna Lebuhraya Senai-Desaru, mereka kata tol sangat tinggi. Jadi sampai sekarang lebuhraya itu tidak banyak kereta yang guna dan Lebuhraya Pasir Gudang itu tiap-tiap hari *jammed*.

Jadi saya tidak tahulah - saya bukan orang yang berniaga. Akan tetapi saya tahu bahawa kalau kita kurangkan tol itu untuk galakan lebih banyak kenderaan gunakan Lebuhraya Senai-Desaru itu, saya percaya pendapatan syarikat itu akan bertambah. Kalau kita hendak kekalkan tol yang tinggi dan tidak ada orang guna, tidak guna. Syarikat itu tidak akan menerima pendapatan yang tinggi. Saya pun pelik apa sebabnya mereka tidak boleh kurangkan sedikit tol itu untuk galakkan orang guna dan ia mendatangkan faedah kepada syarikat dan juga boleh ringankan beban ke atas Lebuhraya Pasir Gudang.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan memajukan teknologi hijau. Sekali lagi saya hendak tegaskan bahawa segala tindakan yang berunsur pendidikan, tempat yang paling baik dan berkesan untuk memulakannya ialah sekolah. Jadi saya berharap bahawa kalau kita bina bangunan sekolah yang baru kita harus terapkan konsep teknologi hijau.

■1630

Sebenarnya di kawasan saya, kita sedang bina satu sekolah baru. Saya ada minta kementerian berikan sedikit peruntukan untuk kita buat – ia ada satu sistem yang dikenali sebagai *rainwater harvesting systems*, di mana air daripada air hujan dipungut dan digunakan untuk bersih tandas dan sebagainya.

Jadi, saya harap bahawa – pada saya, ini bukan sahaja dalam masa yang panjang kita jimatkan belanja, bahkan ini adalah tempat kita memberi pendidikan kepada murid supaya murid nampak apakah ini *green technology*, walaupun air hujan bukan hijau. Murid sendiri nampak kesannya, manfaatnya dan murid dididik secara praktikal sejak dia kecil-kecil lagi bahawa ini adalah penting dan apabila cikgu hendak ajar pun lebih senang.

Saya baru-baru ini pernah pergi ke negara China. Satu perkara yang saya perhatikan ialah bas di negara China, sebaik sahaja berhenti, dia berhentikan enjin. Akan tetapi di Malaysia, kita nampak kita punya bas tidak pernah berhentikan enjin. Adakah ini mesra alam? Bukan sahaja tidak mesra alam, bahkan ia tidak mesra kesihatan kita. Enjin, kalau ia berhenti setengah jam, satu jam, enjin terus *on*. Ini mungkin kerana diesel kita tersangat murah.

Akan tetapi, saya harap bahawa sekurang-kurangnya kerajaan boleh buat peraturan ini, apabila kenderaan ini kalau dia berhenti lebih daripada 10 minit, dia mesti hentikan enjinnya.

Saya percaya ini satu perkara yang baik. Saya pernah dengar, saya pernah hadir di satu mesyuarat peringkat ASEAN, negara China beritahu kita bahawa dia *control air condition* pada suhu 26 darjah.

Pada masa itu saya tidak ada peluang untuk tanya mereka bagaimana hendak dilaksanakan tetapi dalam hati saya, saya fikir. *Air condition* ini di dalam *office* orang, di dalam rumah orang, bagaimana *you* hendak *control*, ia 26 darjah. Takkan *you* pergi rumah itu untuk *check*? Sampai baru-baru ini saya pergi sana, saya singgah di hotel, baru saya sedar dia punya *air condition*, kita boleh set berapa. Kita boleh set 18, 16, sifar pun, lama-kelamaan ia akan naik ke 26 dan berhenti di situ. Inilah teknologi hijau. Saya percaya ini juga sesuatu yang... walaupun kita tidak semestinya ikut mereka 26, mungkin kita boleh tetapkan 25. Ini adalah sesuatu yang sangat baik.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali ada satu yang jiran saya, Yang Berhormat Puan Hajah Fatimah binti Hamat minta saya sampaikan oleh sebab tadi beliau terlupa. Ini bukan pandangan saya tetapi pandangan Yang Berhormat Puan Hajah Fatimah, beliau minta bahawa kelajuan kenderaan di lebuh raya ditingkatkan daripada 110 sampai ke 130 ke 140. [*Ketawa*] Jadi, saya cuma sampaikan. Ini pandangan beliau. Sekian, terima kasih dan saya turut menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Dato' Dr. Yeow Chai Thiam.

4.34 ptg.

Dato' Dr. Yeow Chai Thiam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasihlah kepada kerajaan Barisan Nasional oleh sebab telah menunjukkan keprihatinan kepada warga-warga miskin dengan mengadakan program e-Kasih. Di sini, ini telah mencerminkan bahawa pemimpin kerajaan kita memang tunjuk keprihatinan kepada warga-warga yang perlu kita bantu. Bolehkah saya cadangkan bahawa untuk warga-warga emas yang umurnya 70 tahun ke atas, bolehkah kita mempertimbangkan supaya kita memberi sumbangan wang atau sumbangan ikhlas kepada mereka? Katalah RM100 bulanan kepada mereka oleh kerana mereka pun telah menyumbang atau bantu dalam pembangunan negara kita. Negara kita sekarang adalah dalam keadaan aman damai dan makmur. So, saya harap bahawa program ini boleh dilanjutkan untuk menjaga warga-warga emas yang umurnya 70 tahun ke atas.

Pada masa sekarang bahawa untuk pegawai-pegawai kerajaan atau mereka yang telah berkhidmat di kerajaan, jikalau mereka perlu mendapat rawatan dialisis, kebanyakan mereka akan mendapat rawatan itu di hospital kerajaan? Akan tetapi, ada segelintir atau sebilangan pesakit, mereka perlu dihantar ke pusat rawatan dialisis yang diuruskan oleh swasta. Saya ingin mengingatkan kepada JPA bahawa kebanyakan pusat rawatan dialisis yang diusahakan oleh swasta, tidak ada lesen daripada Kementerian Kesihatan dan juga tidak ada lesen daripada pihak berkuasa tempatan. Ini amat berbahaya.

Jikalau kita menanggung segala kos rawatan dialisis itu RM200 untuk sekali rawatan tetapi jikalau kita tidak mengawal atau menjaga dari segi kesihatan dan kita hantar mereka ke pusat-pusat yang tidak ada lesen. Ini bermakna pusat-pusat yang tidak ada lesen daripada Kementerian Kesihatan, mereka tidak lengkap dengan alatan kecemasan. Jikalau tidak dijaga dengan baik, saya rasa ini amat tidak adil kepada pesakit-pesakit yang telah berkhidmat di pejabat kerajaan. Saya harap supaya pihak JPA akan ambil tindakan supaya janganlah dihantar mereka ke pusat-pusat rawatan dialisis yang tidak berlesen.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan kampung-lampung tradisional tanpa kawasan lapang ataupun kawasan permainan kanak-kanak atau kawasan riadah untuk remaja. Saya rasa Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah perlu mengambil tindakan supaya membekalkan kawasan-kawasan ini untuk membela kepentingan kanak-kanak kita dan remaja. Saya rasa bahawa balai raya-balai raya yang kecil itu tidak sesuai lagi. Kita perlu ganti dengan dewan orang ramai supaya program-program, aktiviti-aktiviti kemasyarakatan boleh dilaksanakan atau dijalankan di dewan-dewan orang ramai.

Untuk pembesaran kampung-kampung tradisional, saya harap bahawa kerajaan mesti berusaha untuk membekalkan tanah atau pengambilan balik tanah untuk mereka supaya warga-warga yang duduk di kampung tradisional, mereka dapat membesarkan, meluaskan kampung tradisional itu.

Untuk program atau projek 1Kampung 1Produk, saya rasa bahawa kementerian boleh bantu. Dengan program ini, saya rasa kita boleh mendekatkan status ekonomi untuk warga-warga atau penduduk-penduduk yang duduk di kampung tradisional. Saya rasa bahawa adalah tanggungjawab kerajaan supaya kita bekalkan lampu-lampu jalan yang cukup di kawasan atau di kampung-kampung tradisional dan juga jalan perlu dilebarkan dan di baik pulih. Juga kita mesti memastikan bekalan air, elektrik untuk semua penduduk. Sekurang-kurangnya kita mesti dapat 100% untuk pembekalan elektrik dan air.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan jumlah kemalangan meningkat begitu ketara. Saya rasa ini adalah kerana kecuaiannya pegawai-pegawai kita di JKR. Ini kerana kualiti jalan yang merosot dan kawalan penyelenggaraan jalan raya kekurangan dan jalan-jalan yang tidak diuruskan atau bekalan lampu-lampu jalan di kawasan-kawasan atau jalan-jalan JKR.

■1640

Saya rasa bahawa pegawai kita perlu ambil perhatian supaya dengan jalan-jalan raya yang sentiasa di baik pulih, kita boleh kurangkan jumlah kes kemalangan. Untuk mengatasi masalah banjir, saya rasa bahawa JKR perlu bekerjasama rapat dengan JPS supaya melebarkan perparitan, pembesaran *carved* di bawah jalan dan mendalamkan sungai supaya masalah banjir tidak berlaku. Ini kerana pada masa sekarang kita boleh perhatikan bahawa banjir telah melanda di seluruh negara kita baru-baru ini di Kelantan, Kedah dan negeri-negeri Utara bahawa masalah banjir telah merugikan penduduk-penduduk atau rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, saya rasa saya amat dukacita bahawa keindahan, kecantikan dan landskap di kawasan Wilayah Persekutuan memang merosot dan memang memalukan. Oleh sebab Kuala Lumpur adalah ibu negara kita dan tempat-tempat di DBKL amat kotor. Saya rasa kalau boleh kementerian ini boleh hantar pegawai-pegawainya ke Melaka. Melaka adalah satu negeri yang begitu bersih dan mereka boleh belajar daripada Majlis Bandaraya Melaka supaya marilah kita berganding bahu untuk mengindahkan, mencantikkan dan membersihkan ibu negara kita.

Masalah banjir di Kuala Lumpur begitu serius dan jika ada hujan di Kuala Lumpur kita menghadapi masalah *traffic jam*. Saya rasa pihak berkuasa mesti berusaha untuk mengurangkan dan mengkaji supaya lebih teliti dan terperinci cara macam mana kita boleh mengurangkan masalah banjir.

Sekolah SRJK(C), SRJK(T), sekolah agama dan sekolah *missionary*, saya rasa Kementerian Pelajaran perlu jangan menganaktirikan mereka. Saya rasa bahawa mereka mesti dapat peruntukan setanding dengan sekolah kebangsaan kerana pembekalan meja dan kerusi secukupnya. Mereka tidak dapat meja dan kerusi yang baru. Selalunya mereka dapat perabot-perabot yang lama daripada sekolah-sekolah kebangsaan. Dengan pembayaran bil elektrik dan air baru-baru ini kementerian telah bersetuju meluluskan maksimum RM2 ribu untuk memberi subsidi kepada sekolah-sekolah bantuan modal supaya mereka boleh gunakan duit itu pembayaran bil elektrik dan air.

Kalau boleh saya merayu kepada kementerian supaya bayarlah apa yang dituntut oleh sekolah dan ini bukan satu angka yang besar. Saya rasa bahawa sekolah Tamil, sekolah Cina ataupun sekolah bantuan kerajaan itu pun juga disubsidikan oleh swasta dan kutipan derma dijalankan untuk membina sekolah. Saya rasa ini adalah tanggungjawab kementerian supaya sama-sama kita pikul tanggungjawab ini untuk kita jaga kepentingan pelajar-pelajar di sekolah bantuan modal. Sekolah menengah jenis kebangsaan perlu dapat peruntukan secukupnya kerana sekolah menengah kebangsaan, mereka dapat peruntukan dan sekolah menengah jenis kebangsaan peruntukannya amat berkurangan. Saya harap kita jangan menganaktirikan sekolah jenis kebangsaan.

Untuk Kementerian Kesihatan, saya rasa bahawa pegawai-pegawai perubatan kebanyakan mereka tidak suka berkhidmat di kawasan-kawasan desa dan saya rasa kementerian mesti mewajibkan bahawa semua pegawai perubatan mesti kerja di kawasan-kawasan pendalaman. Untuk menggalakkan mereka bekerja di sana, kementerian perlu memberi elaun yang lebih kepada mereka dan sekurang-kurangnya dua tahun supaya warga-warga yang duduk di kawasan pendalaman, boleh dapat perkhidmatan perubatan yang baik daripada kementerian.

Di hospital-hospital besar di setiap negeri, saya rasa kementerian mesti bekalkan perkhidmatan neurologi dan neurosurgeri iaitu pembedahan otak. Kebanyakan hospital besar

umpamanya hospital besar di Seremban tidak ada perkhidmatan ini. Jika pesakit atau mangsa kemalangan perlu dapat rawatan neurologi kita perlu hantar ke HKL. Selalunya kalau kita telefon HKL, ia mengatakan tidak ada katil, tidak ada tempat dan doktor dan saya pun sendiri kerap kali hantar pesakit ke swasta seperti Hospital Tawakal atau di Subang Jaya Medical Centre. Di hospital swasta pesakit mesti belanja dengan angka yang begitu besar.

Saya harap bahawa kerajaan atau kementerian mesti berusaha cara, macam mana kita boleh wajibkan pakar-pakar neurologi dan neurosurgeri bekerja di hospital kerajaan sekurang-kurangnya untuk lima tahun atau benarkan mereka bekerja di swasta pada masa-masa yang terhad. Jika tidak ada saya rasa amat memalukan, kerajaan kita tidak boleh bekalkan perkhidmatan neurologi dan neurosurgeri di semua hospital besar.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa bagi hospital bahagia atau hospital sakit jiwa di semua negeri perlu kita bina atau mendirikan institusi sakit jiwa. Ini adalah kerana jumlah pesakit jiwa sudah meningkat dan pagi tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri pun telah sebut bahawa jumlah pesakit telah meningkat dengan begitu ketara.

Saya harap bahawa kerajaan mesti berusaha mendirikan sekurang-kurangnya satu negeri satu hospital atau institusi sakit jiwa supaya kita boleh jaga pesakit-pesakit yang menderita penyakit sakit jiwa dan pesakit itu tidak merayau di tepi jalan sahaja kerana mereka akan menjadi pesakit yang berbahaya kepada orang awam. Saya rasa kementerian mesti mengambil berat atau bertanggungjawab supaya semua pusat rawatan dialisis mesti dilesenkan. Jangan kita biarkan mereka di asrama sahaja. Ada lima pusat rawatan dialisis yang wujud seperti cendawan.

Akan tetapi Pengarah Kesihatan Negeri pun tidak tahu wujudnya pusat rawatan dialisis kerana tidak ada akta atau kawalan daripada kementerian bahawa sesiapa yang hendak wujudkan pusat rawatan dialisis mesti dapatkan lesen sebelum mereka boleh beroperasi.

■1650

Tuan Yang di-Pertua, untuk Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan saya harap bahawa di kampung-kampung tradisional atau di kampung-kampung baru, di kawasan-kawasan desa mesti dibekalkan dengan pili bomba yang secukupnya. Kebanyakan kampung baru dan kampung .tradisional tidak ada pili bomba. Apabila terjadi kebakaran memang pili bomba tidak cukup air tetapi pihak bomba tidak pernah disalahkan.

Saya rasa ini adalah tanggungjawab kementerian supaya kita jangan menunggu teguran baru kita hendak bina pili bomba. Tong sampah juga mesti dibekalkan secukupnya di kawasan-kawasan tertentu. Begitu juga dengan lampu jalan mesti dibekalkan, di kawasan-kawasan yang gelap kita mesti bekalkan lampu jalan dengan secukupnya. Jalan-jalan dan longkang-longkang mesti sentiasa dibaik pulih dan dinaiktarafkan oleh pihak berkuasa tempatan.

Pusat-pusat penjaja di kawasan PBT, saya rasa kerajaan perlu menggalakkan dan bantu supaya kita boleh wujudkan pusat-pusat penjaja dan jangan benarkan penjaja berniaga di tepi

jalan. Ini amat berbahaya. Jikalau kita ada pusat penjaja, kita boleh memastikan kebersihan, penyediaan makanan dan mengawal penjaja-penjaja di pusat-pusat penjaja.

Baru-baru ini Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia telah membuat lawatan ke Pusat Hemodialisis Mawar. dan saya telah memberi pandangan supaya pesakit-pesakit yang... oleh SOCSO dan mereka tidak dibayar dengan secukupnya. Pesakit perlu membayar untuk pemeriksaan darah sekurang-kurang RM500 ke RM1,000 setahun.

Saya telah mencadangkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya meluluskan sejumlah RM500 ke RM1,000 kepada pesakit-pesakit supaya mereka boleh membayar caj pemeriksaan darah di pusat-pusat hemodialisis. Pemeriksaan darah di pusat-pusat rawatan dialisis adalah wajib kerana ini adalah syarat yang diberikan oleh Kementerian Kesihatan. Saya rasa bahawa SOCSO adalah satu badan yang kaya dengan sumber kewangan dan ini adalah caruman dari mereka, jadi perlulah kita menjaga kepentingan mereka. Kita perlu bayar semula kepada pesakit dan bantu mereka untuk mengurangkan beban kewangan mereka.

Pada masa sekarang pencarum boleh mendapat perkhidmatan atau faedah daripada SOCSO jikalau kemalangan berlaku sewaktu mereka bekerja. Saya rasa bahawa pencarum ini telah membuat caruman setiap bulan dan kalau SOCSO boleh mempertimbangkan supaya walaupun mereka sudah tidak bekerja atau bersara, mereka masih layak untuk mendapat faedah. Faedah itu merupakan faedah sepanjang hayat. Jikalau tidak, saya rasa ini tidak adil kepada mereka yang telah membuat caruman itu sepanjang mereka bekerja.

Baru-baru ini saya difahamkan bahawa pihak Indonesia telah memberi syarat kepada pekerja-pekerja Indonesia supaya mereka tidak duduk di rumah majikan. Mereka perlu dihantar ke asrama. Adakah ini benar? Kenapa mereka meletakkan syarat ini? Saya harap kementerian boleh memberi penjelasan. Berkenaan program pinjaman bagi pekerja yang bekerja di ladang, bagaimanakah bentuk pinjaman itu? Di mana mereka boleh mendapat pinjaman dan kepada siapa pinjaman itu diberikan? Saya harap pihak kementerian boleh menjelaskan dengan terperinci supaya mereka-mereka yang ingin membuat pinjaman boleh mendapat bantuan daripada institusi kewangan.

Kementerian Belia dan Sukan. Saya harap Kementerian Belia dan Sukan boleh memberi satu angka peruntukan di bawah tajuk untuk memajukan sukan bola keranjang. Saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan oleh kerana semua gelanggang bola keranjang di kampung-kampung baru dan tradisional serta di sekolah-sekolah telah disumbangkan oleh Kerajaan Pusat kita, melalui peruntukan yang diberikan oleh Ahli Parlimen, wakil rakyat, Kerajaan Pusat, kerajaan negeri, Kementerian Pelajaran dan daripada swasta. Akan tetapi persatuan bola keranjang di semua negeri tidak ada sumber kewangan untuk menjalankan aktiviti atau pertandingan antara pemain-pemain di negeri itu.

Saya harap jikalau boleh kementerian akan bekalkan atau mengadakan peruntukan lebih kurang RM1 juta atau RM2 juta di bawah kementerian supaya wang itu boleh diberikan kepada

persatuan-persatuan bola keranjang untuk mereka menjalankan aktiviti-aktiviti sebab sukan ini merupakan sukan nasional untuk negara kita. Saya harap bahawa Kementerian Dalam Negeri boleh membekalkan atau boleh mengambil anggota polis dengan secukupnya. Baru-baru ini kita ada perjumpaan dengan pihak polis dan pihak kita dimaklumkan bahawa anggota polis masih tidak mencukupi di Negeri Sembilan.

Kepada pihak kementerian, ini adalah tanggungjawab kita untuk menjaga keselamatan rakyat jelata di negara kita dan saya harap dengan membekalkan anggota polis yang cukup kita boleh mengurangkan kes-kes jenayah. Saya harap dengan itu nyawa atau keselamatan rakyat kita akan terjamin. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong bajet ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Puan Usha.

4.58 ptg.

Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera, selamat petang dan salam 1Malaysia. Terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana turut memberi ruang dan peluang kepada saya untuk turut membahaskan Bajet 2011 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 15 Oktober 2011, yang bertemakan "*Transformasi Ke arah Negara Berpendapatan Tinggi*".

Tuan Yang di-Pertua, ramai Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini telah pun mengemukakan pelbagai isu dan saranan, izinkan saya turut mengemukakan beberapa isu. Pertama sekali Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu graduan menganggur. Bagi perhatian Kementerian Pengajian Tinggi, statistik graduan yang menamatkan pengajian semakin bertambah dari setahun ke setahun dengan anggaran lebih 200,000 orang setiap tahun. Namun statistik graduan menganggur juga bertambah di mana pada tahun 2009 dikatakan seramai 418,000 orang penganggur di negara kita dan daripadanya 15% iaitu seramai 64,154 orang daripada mereka adalah terdiri daripada graduan IPT.

Dikatakan antara faktor yang menyumbang kepada pengangguran ataupun peningkatan kadar pengangguran graduan adalah kerana graduan kita yang semakin kurang berkualiti dari segi tidak berketerampilan, tidak berkeyakinan diri dan juga kurang skil berkomunikasi serta kurang mahir berbahasa Inggeris. Begitu juga saingan yang semakin sengit dan kompetitif disebabkan lambakan graduan tamat pengajian yang semakin meningkat dan juga peluang pekerjaan yang semakin berkurangan disebabkan oleh kemelesetan ekonomi.

■1700

Bagaimanakah kita dapat mengatasi masalah ini? Kita sedar pelbagai usaha sedang dijalankan oleh pihak kerajaan dan juga Kementerian Pengajian Tinggi dan juga Kementerian Sumber Manusia khasnya bagi mengatasi masalah graduan menganggur.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar Kementerian Pengajian Tinggi ada menganjurkan Karnival Kerjaya dan juga Karnival Keusahawanan Graduan semenjak tahun 2006 di mana karnival yang dianjurkan membolehkan pelbagai syarikat mengambil bahagian dan menawarkan jawatan-jawatan kosong kepada para graduan. Pada masa yang sama Kementerian Pengajian Tinggi juga melancarkan Dasar Latihan Industri yang mewajibkan pelajar menghadiri latihan industri sebelum menamatkan pengajian mereka agar mereka lebih bersedia apabila tiba masa untuk melangkah ke alam pekerjaan.

Pada masa yang sama Kementerian Pengajian Tinggi turut melancarkan Dasar Pembangunan Usahawan dan di antara usaha yang dilakukan oleh Kementerian Sumber Manusia buat masa ini adalah melancarkan skim latihan khas bagi siswazah menganggur yang dikenali sebagai Program Kebolehpekerjaan Siswazah ataupun PKS.

Di sini saya ingin bertanya, sejauh manakah keberkesanan Program Kebolehpekerjaan Siswazah ataupun PKS yang dijalankan oleh Kementerian Sumber Manusia dan juga Karnival Kerjaya dan Keusahawanan Graduan ataupun K3G yang dianjurkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Apakah Kementerian Pengajian Tinggi turut mewajibkan adanya modul-modul khas ataupun kurikulum khas bagi pelajar kita yang sedang belajar pada tahun akhir pengajian di IPTA supaya kursus-kursus sebegini dapat menyediakan graduan kita untuk melangkah ke alam pekerjaan? Saya mohon penjelasan dan juga di sini saya ingin bertanya kepada Kementerian Sumber Manusia, apakah bentuk-bentuk program yang telah dirancang di bawah Skim Latihan Graduan yang akan dilancarkan pada tahun hadapan? Apakah kriteria-kriteria yang telah dikenal pasti dan bagaimanakah pihak kementerian berhasrat untuk melaksanakan Skim Latihan Graduan pada tahun hadapan?

Pada masa yang sama, saya turut ingin mencadangkan bahawa kursus yang ditawarkan oleh IPTA negara haruslah bersesuaian dengan kehendak pasaran dan mempunyai imej agar graduan kita senang untuk diserapkan ke sektor pekerjaan dan pada masa yang sama kurikulum yang sedia ada, kurikulum yang sedia ada mestilah diteliti dengan lebih mendalam agar dapat betul-betul melahirkan graduan yang berkualiti dan dapat menyumbang kepada pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, lebih banyak pihak swasta perlulah memainkan peranan dengan mengambil para pelajar kita untuk diberikan pendedahan awal dengan memberi peluang kepada mereka membuat latihan industri di syarikat mereka yang mana ini banyak diamalkan di negara-negara yang maju memandangkan menurut statistik tahun 2009, seramai 30,290 orang graduan iaitu 43.3% daripada graduan IPT menyertai sektor swasta dan sektor swasta inilah yang menjadi sektor terbesar penerima graduan dan bimbingan yang diberikan kepada graduan untuk menjadi usahawan menerusi Dasar Pembangunan Usahawan perlulah berterusan dan tidak hanya ketika mereka berada di IPTA kerana cabaran sebenar adalah sewaktu mereka berada di dunia sebenar pekerjaan dan usaha untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan ini bukan hanya

bermatlamat Tuan Yang di-Pertua untuk membolehkan mereka mendapatkan pekerjaan tetapi juga agar mereka dapat mengekalkan pekerjaan mereka dan seterusnya meningkat kerjaya mereka.

Dengan penurunan kadar pengangguran ini, sudah pastinya ia akan dapat menyumbang kepada ekonomi negara dan seterusnya menyumbang ke arah pencapaian matlamat status negara maju. Tuan Yang di-Pertua, ingin saya beralih ke satu lagi isu yang berkaitan dengan meningkatkan kualiti pengajaran bahasa Inggeris di sekolah-sekolah. Tuan Yang di-Pertua, isu Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan juga Memperkukuhkan Penguasaan Bahasa Inggeris telah diperkenalkan dan akan bermula pada tahun 2011 untuk murid Tahun Satu dahulu sebelum dilanjutkan ke tahun berikutnya. Di dalam memperkukuhkan penguasaan bahasa Inggeris, pihak kementerian telah menggariskan beberapa perancangan. Di antaranya adalah pengambilan seramai 376 orang guru kontrak penutur jati untuk memberi tunjuk ajar kepada guru-guru kita, pengambilan seramai 600 pesara guru bahasa Inggeris secara kontrak, menambah bilangan guru bahasa Inggeris secara berperingkat dan juga menganjurkan program tukar opsyen bagi guru yang bukan opsyen bahasa Inggeris dan kursus peningkatan potensi guru bahasa Inggeris.

Melihat perancangan Kementerian Pelajaran Malaysia, diharapkan ianya akan dapat berjaya mencapai matlamat memperkukuhkan penguasaan bahasa Inggeris. Namun Tuan Yang di-Pertua, apa yang penting adalah pelaksanaan dasar itu sendiri. Di sini saya ingin bertanya bagaimanakah pihak kementerian dapat memastikan bahawa dasar ini benar-benar dapat dilaksanakan di peringkat sekolah. Tuan Yang di-Pertua, salah satu daripada NKRA Kementerian Pelajaran Malaysia adalah Pendidikan Pra Sekolah di mana peningkatan 20% penyertaan kanak-kanak yang berumur lima tahun ke atas ke pendidikan pra-sekolah dengan menjadikan pendidikan pra-sekolah sebagai satu aliran perdana dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan pada tahun 2012.

Setakat ini ingin saya bertanya apakah status penyertaan kanak-kanak lima tahun ini menghadiri prasekolah. Bagi memastikan matlamat ini tercapai, apakah perancangan pihak kementerian daripada segi menyediakan tempat pembelajaran bagi pelajar prasekolah ini. Ini kerana kita sedar bahawa tidak semua ibu bapa mampu untuk menghantar anak-anak mereka ke tadika swasta. So bagaimanakah perancangan di pihak kementerian untuk menyediakan tempat yang lebih sesuai, tempat yang lebih luas, tempat yang lebih selesa bagi membolehkan anak-anak kita menghadiri kelas prasekolah dan daripada segi kurikulum, apakah yang ditekankan?

Setelah dua tahun menghadiri pendidikan prasekolah, apakah *target* ataupun apakah sasaran tahap pencapaian kanak-kanak kita? Pada masa yang sama saya juga ingin bertanya, berapakah bilangan sekolah-sekolah Tamil negara yang mempunyai kelas prasekolah pada masa ini? Apakah rancangan kementerian dalam meningkatkan bilangannya? Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran telah mengumumkan baru-baru ini mengenai pemansuhan PMR

(Peperiksaan Menengah Rendah) dan juga penambahan baikkan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR). Mengenai penambahbaikan UPSR, mulai 2012 sebanyak 40% daripada pemarkahan UPSR ini akan mengambil kira aspek kurikulum, pembelajaran secara interaktif dan juga hubung kait dengan persekitaran. Manakala 60% lagi adalah subjek teras berbanding dengan 100% ketika ini yang bertujuan menjadikan pengajaran dan juga pembelajaran lebih menyeronokkan serta tidak memberi tekanan kepada para pelajar.

Diharapkan pendekatan ini benar-benar akan dapat menghasilkan modal insan yang terbaik dan holistik seperti mana yang diharapkan. Namun bagaimanakah pihak kementerian akan dapat memastikan pihak guru tidak terbeban dengan perubahan yang dilakukan memandangkan jika perubahan ini dilaksanakan, sudah pasti tanggungjawab dan beban kerja guru akan bertambah kerana perlu membuat penilaian 40% berdasarkan aspek kurikulum, sedangkan ketika ini masalah bebanan guru masih lagi belum dapat diatasi. Di sini saya ingin bertanya, adakah penilaian ini akan dibuat semasa para pelajar itu berada di tahap enam ataupun pada tahap yang lebih awal dan bercakap mengenai Peperiksaan Menengah Rendah ataupun PMR, dalam usaha untuk mengurangkan sistem pembelajaran yang tidak terlampau berorientasikan peperiksaan, maka PMR akan dimansuhkan bermula pada tahun 2016.

Namun melihat kepada sikap rakyat Malaysia yang agak kurang membaca iaitu dikatakan hanya dua buah buku setahun, tidakkah dengan memansuhkan PMR ini akan lebih mengikis sikap suka membaca di kalangan rakyat Malaysia dan pelajar khususnya, sedangkan untuk menjadi sebuah negara yang maju, mempunyai penduduk yang berilmu adalah sangat penting. Bagaimanakah untuk memastikan pemansuhan PMR ini tidak memberi kesan yang negatif kepada budaya membaca di kalangan para pelajar dan bagaimanakah untuk memastikan juga dengan pemansuhan PMR ini akan memberi manfaat kepada pelajar dan juga guru untuk meningkatkan lagi tahap pencapaian pelajar dan juga sekolah. Saya memohon penjelasan daripada kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya beralih kepada beberapa isu yang membabitkan Kementerian Pengangkutan. Apakah benar bahawa sukatan sekolah memandu kita kini sudah lapuk? Apakah benar ianya memerlukan satu sistem yang baru yang merangkumi segala aspek pemanduan yang berhemah yang berteraskan kepada kesedaran sivik dan bukannya emosi.

■1710

Apakah kementerian sekarang dalam rancangan untuk menggubal satu rangka pengajaran sekolah memandu dalam satu rangka pengajaran baru bagi sekolah memandu dalam tempoh masa yang terdekat. Turut bercakap mengenai Kementerian Pengangkutan saya ingin beralih kepada koc wanita bagi komuter-komuter. Adalah dirasakan bahawa bilangan koc wanita adalah tidak cukup terutamanya di waktu-waktu *peak hours* dengan izin. Keadaannya dikatakan bagaikan tin sardin yang mampat dan kekurangan label yang jelas kerana masih terdapat ramai

golongan lelaki yang tidak dapat membezakan terutamanya dalam waktu-waktu yang sibuk. Ini bukannya kerana keinginan tetapi kerana kesibukan dan ketidakjelasan label koc-koc tersebut.

Pada waktu yang sama Tuan Yang di-Pertua prasarana stesen juga harus dipertingkatkan lagi. Contohnya kawasan *parking* yang lebih luas, lampu yang lebih terang, kemudahan-kemudahan asas yang lebih sempurna. Jika kerajaan kita sedang berusaha untuk menggalakkan warga kota menggunakan pengangkutan awam. Saya percaya hasrat ini akan hanya tercapai sekiranya prasarana dan juga kemudahan ini menjadi tarikan kepada para pengguna dan juga penyelesaian serta keselamatan mereka terjamin.

Tuan Yang di-Pertua dalam perbahasan saya seterusnya saya ingin menjurus kepada permasalahan dari segi pembentukan modal insan. Di sini saya ingin menyentuh mengenai isu skim bukan guna sama dalam perkhidmatan awam atau dipanggil *close service* dengan izin. Isu ini saya tujukan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam di bawah Jabatan Perdana Menteri. Apakah benar skim ini antara lain mengongkong peningkatan kecekapan seseorang penjawat awam? Mengongkong seseorang itu dari segi dari memperoleh ilmu dan juga pengalaman yang baru. Skim ini dikatakan antara lain di mana seorang pegawai biasanya gred 41 dan ke atas tidak boleh sama sekali memohon bertukar ke kementerian atau jabatan yang lain sehinggalah beliau pencen.

Lagi memburukkan keadaan apabila jawatan yang disandang itu tidak membolehkan ataupun tidak melayakkan beliau untuk dinaikkan pangkat. Ini sudah pastinya akan meruntuhkan moral dan juga daya kerja penjawat awam. Di sini saya ingin bertanya kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam apakah wujud jalan penyelesaian kepada masalah ini? Berapakah jumlah besar penjawat awam dalam skim bukan guna sama ini?

Tuan Yang di-Pertua izinkan saya beralih kepada isu yang berhubung dengan peranan dan juga sumbangan wanita dalam arus pembangunan negara. Pertama sekali terima kasih saya kepada pihak kerajaan yang telah mengumumkan tempoh cuti bersalin bergaji penuh bagi wanita tidak melebihi 90 hari berbanding 60 hari sebelum ini. Tuan Yang di-Pertua berkenaan usaha memperluaskan penglibatan wanita dalam ekonomi peruntukan sebanyak RM30 juta bagi Program Inkubator Kemahiran Tunggal telah diumumkan. Di sini ingin saya bertanya bagaimanakah perancangan pihak kementerian untuk menjalankan program ini supaya ianya dapat memanfaatkan golongan wanita dari semua kumpulan etnik.

Pada masa yang sama bagaimana pula dengan keberkesanan dan juga *track record* dengan izin Program 1Azam Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Khususnya Program 1Azam Niaga dan juga Program 1Azam Kerja. Berapa ramai golongan wanita yang telah mendapat manfaat dari program ini pada tahun ini mengikut pecahan etnik? Apakah sasaran pada tahun hadapan? Bagaimanakah pihak kementerian berhasrat – adakah pihak kementerian berhasrat untuk membuat sebarang pengubahsuaian terhadap Program 1Azam pada tahun 2011?

Tuan Yang di-Pertua saya juga ingin mengucapkan tahniah di atas pelancaran Program Latihan 1Malaysia dengan peruntukan sebanyak RM500 juta. Bagi menambah ilmu pengetahuan menerusi peningkatan kemahiran dan juga mempelajari kemahiran yang baru. Di sini saya ingin memohon penjelasan mengenai mekanisme pelaksanaan Program Latihan 1Malaysia ini agar ianya dapat mencapai matlamat yang diharapkan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Bajet 2011 peruntukan sebanyak RM50 juta bagi membantu pekerja estet yang akan dikendalikan oleh Bank Simpanan Nasional telah diumumkan. Terima kasih kepada kerajaan.

Di sini saya ingin bertanya kepada Kementerian Sumber Manusia bilakah dana ini boleh dipohon oleh pekerja-pekerja ladang bagi membeli rumah kediaman mereka? Sama ada ianya hanya bagi mereka yang tinggal di kawasan perladangan buat masa ini ataupun ianya turut bagi bekas pekerja estet yang dipindahkan akibat oleh projek-projek yang besar seperti projek Putrajaya ataupun KLIA ataupun Cyberjaya. Mohon penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua peruntukan sebanyak RM200 juta bagi program pengedaran barangan perlu seperti beras, minyak masak, gula dan tepung yang diumumkan baru-baru ini, terutamanya bagi masyarakat di Sabah dan Sarawak jelas memperlihatkan keprihatinan kerajaan dalam membantu masyarakat kita yang kurang berada dan serba kekurangan. Syabas dan tahniah diucapkan. Apakah ianya turut akan memanfaatkan masyarakat luar bandar dan juga kawasan perladangan? Bagaimana pula pihak kerajaan berhasrat untuk menjalankan proses pengagihan dan juga pengedarannya? Melihat keperluannya yang begitu besar dan juga kedudukan geografi yang agak luas di sini saya ingin bertanya kepada kementerian bagaimanakah pihak kementerian berhasrat untuk mengagihkan barangan-barangan ini?

Tuan Yang di-Pertua industri kreatif merupakan satu industri yang penting dalam proses pembangunan negara. Sebanyak RM200 telah disediakan untuk perolehan hasil kreatif seperti filem, drama dan juga dokumentari tempatan. Ianya sesuatu yang amat baik sekali dan harus dialu-alukan. Ingin saya bertanya kepada kementerian apakah mekanisme pemantauan Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Warisan dalam memastikan kualiti penghasilan filem-filem, kualiti penghasilan drama-drama tempatan, kualiti penghasilan telemovie kita dan juga kualiti penghasilan filem kita benar-benar menunjukkan satu peningkatan serta satu kualiti yang tinggi.

Cadangan saya adalah untuk memastikan produksi-produksi tempatan menghayati nilai-nilai murni masyarakat kita. Nilai-nilai murni masyarakat kita yang bersifar majmuk dan mengambil kira budaya serta adat resam masyarakat Malaysia dan menerapkannya ke dalam filem-filem dan juga drama-drama tempatan. Pada masa yang sama saya juga ingin menyeru agar lebih banyak dokumentasi yang menggambarkan keunikan masyarakat Malaysia, kepelbagaian budaya masyarakat Malaysia diketengahkan. Pada masa yang sama penghasilan lebih banyak dokumentari sejarah juga amat perlu bagi membolehkan generasi muda khususnya

mengetahui latar belakang sesebuah masyarakat. Mengenai bagaimanakah sejarah perjuangan sesebuah kumpulan etnik negara kita dalam arus pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua di dalam Bajet 2011 sejumlah RM1.9 bilion telah diperuntukkan bagi pemuliharaan alam sekitar. Satu amaun yang cukup besar. Sesungguhnya aspek ini merupakan satu aspek yang penting memandangkan isu alam sekitar bukan isu nasional. Isu alam sekitar merupakan satu isu antarabangsa dan ianya mendatangkan pelbagai dan berkaitan dengan pelbagai isu sampingan seperti pemanasan suhu, *climax change* dengan izin dan sebagainya. Usaha memelihara alam sekitar Tuan Yang di-Pertua tidak akan lengkap tanpa usaha mendidik orang ramai mengenai kepentingan memulihara alam sekitar.

Dalam usaha ini promosi serta kempen kesedaran perlulah dilipat gandakan. Ini memerlukan satu jalinan kerjasama antara pelbagai jenis kementerian. Di sini khususnya dengan Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Warisan. Gunakanlah media massa sebanyak mungkin. Gunakanlah ia untuk menyebarkan maklumat kepada rakyat kita. Di sini saya ingin bertanya kepada kementerian yang berkaitan apakah bentuk-bentuk promosi, apakah bentuk-bentuk program yang sedang dijalankan oleh kementerian untuk meningkatkan kesedaran di kalangan orang ramai tentang perlunya kita menjaga alam sekitar, tentang perlunya kita memulihara alam sekitar. Saya juga ingin bertanya kepada, sebelum itu Tuan Yang di-Pertua bak kata pepatah melentur buluh biarlah dari rebungnya.

Saya ingin bertanya kepada Kementerian Pelajaran, apakah pihak Kementerian Pelajaran mempunyai sebarang perancangan untuk mewujudkan satu mata pelajaran khas, mata pelajaran yang menitikberatkan alam sekitar. Supaya para pelajar kita dari peringkat sekolah rendah lagi faham akan pentingnya...

Tuan Khoo Soo Seang: Minta mencelah.

Puan Usha Nandhini a/p S.Jayaram: Sila.

Tuan Khoo Soo Seang: Jika Yang Berhormat fikir mata pelajaran kita di sekolah masih tidak cukup banyak.

■1720

Bolehkah kita terapkan misalnya konsep ini ke dalam mata pelajaran Sains ataupun kita hendak khusus satu mata pelajaran baru semata-mata untuk kita terapkan teknologi hijau.

Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya bukanlah hendak katakan mata pelajaran itu tidak cukup tetapi saya merasakan kepentingan mata pelajaran alam sekitar kalau boleh kita serapkan ke dalam mata pelajaran Sains begitu elok sekali, begitu baik sekali tetapi Sains ini merupakan satu bidang yang luas. Sains sendiri merupakan satu bidang yang semakin melalui proses evolusi. Sukatan mata pelajaran Sains itu sendiri semakin berkembang. So kerana itulah saya melihat mungkin perlunya kita mewujudkan satu mata pelajaran alam sekitar.

Tuan Khoo Soo Seang: Yang Berhormat benarkan saya mencelah lagi.

Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram: Jemput.

Tuan Khoo Soo Seang: Saya masih ingat dahulu apabila kita terapkan nilai-nilai murni dalam sistem pendidikan, kita tidak ada semata-mata memasukkan ia ke dalam mata pelajaran Agama ataupun Moral sahaja. Kita ada nilai murni melintasi kurikulum. Maksud semua mata pelajaran kita terapkan nilai murni dan ini didapati amat berkesan bahkan sampai pada masa itu cikgu-cikgu di sini kita agak khuatir macam mana kita ajar Sains, kita ajar Matematik macam mana kita hendak masukkan nilai murni.

Akan tetapi sehingga saya pergi ke negara luar, saya nampak mereka memang berjaya. Misalnya kalau kita ajar Matematik, kita suruh budak kerja kena kemas, kena hantar *homework* tepat pada masa ini juga nilai murni. Jadi sebenarnya boleh dibuat. Saya percaya kalau kita buat ia melintasi kurikulum mungkin bukan sahaja Sains, apa sahaja mata pelajaran yang kita boleh masukkan nilai teknologi hijau kita boleh masukkan. Ini pandangan saya.

Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram: Terima kasih Yang Berhormat. Pandangan yang begitu elok sekali. Sebenarnya sememangnya pendidikan penerapan nilai-nilai murni ini haruslah dijalankan *across the board* dengan izin dan itulah jalan yang sebaik-baiknya. Saya pasti sekiranya ianya dapat diimplementasikan di sekolah-sekolah dengan cara yang betul, maka ia akan dapat mendatangkan manfaat yang diharapkan dan sudah pastinya di sini kita memerlukan guru-guru serta pendidik yang benar-benar komited di mana saya pasti Yang Berhormat Senator merupakan seorang bekas guru yang begitu komited sekali dari cara Yang Berhormat mengutarakan dan juga mengupas isu-isu pendidikan. Saya dapat melihat komitmen yang begitu tinggi di hati dan juga sanubari Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua, beralih saya kepada isu yang membabitkan Kementerian Kesihatan. Mengenai kesihatan golongan wanita kita. Mengenai kesihatan golongan wanita di kawasan luar bandar dan juga golongan wanita di kawasan perladangan. Sebelum itu saya ingin bertanya apakah status perkembangan Klinik 1Malaysia dan apakah pihak kementerian mempunyai sebarang perancangan untuk memperluaskan skop rawatan daripada apa yang diberikan di Klinik-klinik 1Malaysia pada masa ini.

Pada masa yang sama saya juga ingin bertanya apakah bentuk-bentuk kempen ataupun program kesedaran kementerian khas bagi golongan wanita kerana lazimnya kita melihat golongan wanita yang berpendapatan rendah dan juga golongan wanita yang tinggal di kawasan-kawasan luar bandar dan juga wanita di sektor perladangan kurang mengambil berat mengenai taraf ataupun tahap kesihatan mereka.

Ini disebabkan oleh pelbagai faktor seperti faktor sosio ekonomi, taraf pendidikan mereka yang agak rendah, kekurangan kesedaran, jarak yang jauh dari tempat tinggal ke klinik-klinik yang berhampiran dan paling penting sekali ialah kerana tanggungjawab mereka yang cukup besar terhadap keluarga, tanggungjawab mereka mengasuh anak-anak, tanggungjawab mereka menjaga keluarga, bekerja. Semua ini menyebabkan mereka meletakkan kesihatan itu seolah-

olah di *at the lowers of the list* dengan izin ataupun kadang-kadang tidak ada atau tidak wujud langsung dalam *priority* mereka.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Kesihatan agar melancarkan kempen-kempen kesihatan yang khas bagi golongan wanita di kawasan luar bandar dan juga golongan wanita di kawasan perladangan. Wujudkanlah kalau boleh satu pasukan *mobile* di mana rawatan dan juga kesedaran kesihatan ini dapat sampai terus kepada golongan wanita. Saya juga berharap dan ingin bertanya kepada Kementerian Kesihatan apakah wujud kempen-kempen kesihatan khas berhubung penyakit seperti kanser payudara dan juga kanser serviks bagi golongan wanita kerana ini dikatakan antara dua musuh utama golongan wanita pada masa ini. Mohon penjelasan.

Beralih saya kepada Kementerian Sumber Manusia, ingin saya bertanya berkenaan dengan kursus-kursus kemahiran yang sedang dijalankan oleh Kementerian Sumber Manusia di bawah Jabatan Pembangunan Kemahiran, apakah kursus-kursus yang sedang dijalankan pada masa ini? Apakah kursus ini sesuai dengan kehendak pasaran di luar sana dan berapa kerapkah kementerian menilai semula dan melihat betapa relevannya kursus yang ditawarkan dengan kehendak pasaran. Kerap kali kita mendengar aduan daripada para pelajar yang mengikuti kursus-kursus kemahiran sebegini bahawa bukan kesemua kursus ini mendapat bantuan pinjaman daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran.

Kadangkala pelajar yang mengikuti kursus kemahiran sebegini di bawah Kementerian Sumber Manusia merupakan pelajar yang datang daripada keluarga yang berpendapatan rendah. Dengan ini tanpa kemudahan pinjaman itu, mereka mungkin sukar untuk meneruskan pelajaran mereka dan ini mungkin akan menyebabkan mereka berhenti di tahap satu atau tahap dua. Saya pasti kita tidak mahu keadaan ini berlaku dan saya pasti kementerian tidak mahu perkara ini berlaku.

Jadi apakah langkah-langkah bagi memastikan seseorang pelajar yang layak untuk mengikuti sebuah kursus itu dapat mengikuti kursus kemahiran dan kalau boleh sampai ke tahap ketiga dan kalau boleh lagi ke tahap keempat yang membolehkan beliau mendapat sebuah diploma dan melanjutkan lagi kepada tahap yang kelima yang membolehkan pelajar tersebut mendapat sebuah diploma lanjutan.

Di sini saya ingin bertanya berapa ramaikah ataupun apakah enrolmen pelajar-pelajar yang mengikuti kursus-kursus kemahiran di Kementerian Sumber Manusia pada waktu ini. Bercakap mengenai pendidikan, saya mesti menyentuh seperkara atau dua mengenai pendidikan sekolah-sekolah Tamil. Di sini saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian Pelajaran, bagaimanakah perancangan pihak Kementerian Pelajaran dalam menukar status kesemua sekolah bantuan modal sekolah-sekolah Tamil yang ada dalam negara pada masa ini untuk menjadikan kesemua sekolah itu sekolah-sekolah bantuan penuh. Ini kerana saya pasti

dan saya sedar wujud beberapa kerumitan, wujud beberapa masalah dalam menukar status kesemua sekolah bantuan modal itu tadi kepada sekolah bantuan penuh.

Akan tetapi bak kata pepatah di mana ada kemahuan di situ ada jalan dan saya berharap Kementerian Pelajaran akan meneruskan usaha mereka untuk menukar dan juga mengubah kesemua sekolah bantuan Tamil negara kepada sekolah-sekolah bantuan penuh. Tuan Yang di-Pertua Bajet 2011 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri jelas merupakan satu bajet rakyat. Bajet ini merupakan satu bingkisan penting serta langkah pertama kerajaan negara dalam menempatkan Malaysia sebagai sebuah negara maju dan juga negara yang berpendapatan tinggi.

Dengan ini Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat ingin turut berbahas? Nampaknya tidak ada lagi ingin turut berbahas. Ahli-ahli Yang Berhormat, selama tiga hari Ahli-ahli Yang Berhormat telah diberi masa dan peluang dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2011.

Jadi saya mengucapkan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang masih bertahan di dalam Dewan yang mulia ini. *[Tepuk]*

Dengan itu sebelum saya menangguhkan mesyuarat Dewan pada petang ini, saya bersama Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara mengucapkan tahniah dan syabas kepada 38 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan telah mengutarakan idea-idea yang begitu bernas dan cadangan-cadangan yang baik serta betul-betul komited kepada kepentingan negara dan rakyat. Saya percaya dengan kebijaksanaan Ahli-ahli Yang Berhormat akan dapat menaikkan lagi imej Dewan Negara yang mulia ini.

Dengan itu Ahli-ahli Yang Berhormat mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga pukul 10 pagi hari Isnin 20 Disember 2010. Terima kasih.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.